Syarikat swasta yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan dan teknikal tertentu boleh diberikan kontrak pengurusan untuk mengurus perkhidmatan yang sebelum ini diselenggarakan oleh pihak kerajaan. Dengan cara ini, tanggungjawab pengurusan dapat dibahagikan dengan teratur dan pelaksanaan yang lebih efektif dapat diwujudkan. Kemahiran yang diperolehi oleh pihak swasta turut dapat disebarikan kepada kakitangan awam dan ini akan dapat meningkatkan lagi taraf dan kualiti perkhidmatan pihak kerajaan.

iv. Program Penswastaan

Program penswastaan yang dicadangkan adalah seperti **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8:
Kaedah Pelaksanaan Projek / Program RT Daerah Kuala Kangsar

Kaedah Pelaksanaan	Huraian
Bina-Kendali	Melibatkan syarikat swasta membina kemudahan dengan menggunakan peruntukannya sendiri dan mengendalikannya untuk tempoh yang dipersetujui.
Bina-Pajak-Pindahmilik	Projek yang dibina oleh pihak swasta dan diserahkan kepada kerajaan setelah siap, atau dibina dan disewa kepada kerajaan sebelum diserahkan sepenuhnya.
'Bina-Kendali-Pindah	Kaedah BKP melibatkan syarikat swasta membina kemudahan dengan menggunakan peruntukannya sendiri, mengendalikannya untuk tempoh yang dipersetujui dan memindahkannya kepada agensi awam yang terlibat pada akhir tempoh tersebut. Semasa tempoh penyerahan, syarikat swasta dibenarkan untuk mengutip hasil sama ada secara langsung daripada pengguna atau secara tidak langsung.
Penswastaan bercorak perniagaan	Sebahagian besar hak milik kerajaan diswastakan dan sebahagiannya lagi masih dipegang oleh pihak kerajaan.
Penswastaan secara pajakan	Hakmilik akan dipajakan kepada pihak swasta untuk diuruskan. Ia melibatkan pengeluaran tender oleh pihak kerajaan.
Imbuan pembangunan	Menggalakkan penyertaan awam dan mempertimbangkan pengurangan bayaran cukai / 'quit rent' untuk peserta.

Sumber: Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

1.4.2 Pemantauan Cadangan RT di Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Kuala Kangsar

Berdasarkan keadaan sedia ada, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Kuala Kangsar dijalankan 1 kali setiap bulan bagi membincangkan status pembangunan / pengurusan di peringkat daerah. Keahlian mesyuarat ini adalah seperti berikut:

Pengerusi :	Pegawai Daerah
Anggota lain:	Semua ketua jabatan teknikal peringkat daerah (kerajaan / swasta)
	Penghulu setiap mukim
	2 orang wakil Parlimen
	4 orang wakil Dewan Undangan Negeri

Bagi memastikan cadangan RT adalah berdaya laksana, agenda Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Kuala Kangsar dicadangkan untuk ditambah dengan topik mengenai pelaksanaan RT iaitu:

- Pemantauan terhadap cadangan setiap projek / program oleh semua jabatan terlibat. Pihak jabatan teknikal yang terlibat perlu mengemaskini status pelaksanaan setiap projek / program berkaitan. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan urusan permohonan peruntukan dan pelaksanaan projek mengikut fasa yang ditetapkan.
- Mengatur, mengawal, merancang dan menyelaraskan semua aktiviti pemajuan antara semua pihak di dalam Daerah Kuala Kangsar.
- Setiap jabatan kerajaan / swasta yang terlibat dengan mesyuarat perlu memaklumkan dan berunding dalam jawatankuasa ini mengenai cadangan aktiviti pemajuan di kawasan kajian.

Bagi memantapkan lagi keputusan dan pelaksanaan ke atas projek / program yang dicadangkan, YDP MPKK diminta secara bersama untuk mempengerusikan topik pelaksanaan RT ini. Keperluan peranan YDP MPKK sebagai pengerusi bersama ini akan lebih penting setelah perluasan kawasan pentadbiran MPKK fasa 1 berkuatkuasa.

1.4.3 Penubuhan Unit Pemantauan RT Daerah Kuala Kangsar 2020

Bagi tujuan mengukuhkan pemantauan pelaksanaan cadangan RT Daerah Kuala Kangsar 2020, 1 unit ditubuhkan di bawah Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Kuala Kangsar iaitu Unit Pemantauan RT Daerah Kuala Kangsar. Peranan dan struktur unit ini adalah seperti berikut:

- Peranan :**
- Membincangkan mengenai tahap pelaksanaan cadangan RT Daerah Kuala Kangsar 2020.
 - Memantau secara terperinci setiap cadangan agar menepati fasa pembangunan yang ditetapkan
 - Menyediakan cadangan galakan / tindakan bagi memastikan cadangan RT berdaya laksana
- Pengerusi:** YDP MPKK
- Anggota lain:**
- Pegawai Perancang Bandar MPKK
 - Jurutera Daerah Kuala Kangsar
 - Penolong Pegawai Daerah Kuala Kangsar
 - Penolong Pegawai Daerah Sg. Siput (U)
 - Lain-lain jabatan teknikal yang terlibat mengikut agenda mesyuarat
- Kekerapan mesyuarat :** Minimum 4 kali setahun / 1 kali setiap 3 bulan

1.4.4 Penubuhan Jawatankuasa Bangunan Warisan Daerah Kuala Kangsar

Daerah Kuala Kangsar mempunyai 26 bangunan warisan yang perlu dipulihara untuk generasi akan datang. Selain itu, deretan kedai lama di Bandar Kuala Kangsar, Sungai Siput (U), Pekan Karai, Pekan Kati dan Pekan Sauk juga perlu dipulihara bagi meningkatkan imej Daerah Kuala Kangsar. Sehubungan itu, sebuah jawatankuasa khusus untuk menilai mengenai pembangunan bangunan warisan di Daerah Kuala Kangsar dicadang untuk ditubuhkan dengan perincian seperti berikut:

- Peranan :**
- Menilai mengenai kesan pembangunan terhadap bangunan / zon / kawasan warisan (kesan semasa perobohan, semasa kerja-kerja pembinaan dan setelah bangunan dibina)
 - Menilai pematuhan syarat pemeliharaan bangunan warisan yang telah ditetapkan seperti di dalam RT
 - Memberi ulasan mengenai kelulusan / kelulusan bersyarat / tidak diluluskan mengenai permohonan pembangunan tersebut
- Pengerusi:** YDP MPKK / Setiausaha MPKK
- Setiausaha:** Pegawai OSC, MPKK
- Anggota lain:**
- Pegawai Jabatan Warisan Negara
 - Pegawai Jabatan Arkib Negara
 - Pegawai Jabatan Muzium Negara

- Pegawai Perancang Bandar MPKK
- Pegawai Pelancongan MPKK
- Pegawai JKR
- Penolong Pegawai Daerah

Kekerapan mesyuarat : Sekali setiap sebulan (sekiranya terdapat permohonan yang melibatkan bangunan / zon / kawasan warisan sedia ada atau terletak dalam lingkungan 50 meter daripada bangunan / zon / kawasan warisan)

1.4.5 Penubuhan Badan Pelancongan Daerah Kuala Kangsar

Daerah Kuala Kangsar mempunyai 20 produk pelancongan sejarah, 5 produk pelancongan seni, budaya dan warisan, 5 produk pelancongan akua eko, 3 produk pelancongan agro, 8 produk pelancongan sukan dan rekreasi dan 8 produk pelancongan pendidikan yang merupakan aset utama dalam membangunkan ekonomi daerah. Bagi tujuan membangunkan sektor pelancongan Daerah Kuala Kangsar dengan lebih efisien agar mampu menyumbang kepada tahap ekonomi daerah, sebuah organisasi dicadang untuk ditubuhkan iaitu Badan Pelancongan Daerah Kuala Kangsar atau lebih dikenali sebagai BPKK. Peranan BPKK adalah seperti berikut:

- Mendapatkan sumber peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek dan program-program yang berkaitan dengan pelancongan.
- Mengurus dan memantau projek-projek dan program-program berkaitan pelancongan yang disenaraikan dalam RT (cadangan di Bab 5 dan Bab 7).
- Mengadakan latihan dan '*workshop*' untuk pemandu pelancong agar mereka dapat bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan lancar serta berpengetahuan mengenai sejarah kesultanan dan monumen yang terdapat di Daerah Kuala Kangsar.
- Mempromosikan secara besar-besaran di Malaysia dan luar Malaysia pakej dan produk pelancongan yang terdapat di Daerah Kuala Kangsar.
- Menjalinkan kerjasama dengan Perak Tourism Management Berhad dalam usaha mempromosikan Daerah Kuala Kangsar ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

1.4.6 Penubuhan Unit Pelancongan di MPKK

Berdasarkan kepada keadaan semasa di MPKK, tiada unit / jabatan khusus yang menjalankan kerja-kerja pengurusan / pembangunan pelancongan di Daerah Kuala Kangsar. Tugas tersebut pada ketika ini berada di bawah tanggungjawab Pegawai Perancang Bandar dari Jabatan Perancang Bandar yang juga menguruskan perihal pembangunan landskap di kawasan pentadbiran MPKK.

Bagi mengukuhkan lagi sistem pengurusan dan pembangunan pelancongan di Daerah Kuala Kangsar, RT mencadangkan untuk ditubuhkan Unit Pelancongan yang diketuai oleh seorang Pegawai Pelancongan dan 2 orang juruteknik dengan tanggungjawab seperti berikut:

Menjalinkan kerjasama dengan BPKK dalam membangunkan dan menyediakan pelan promosi pelancongan di Daerah Kuala Kangsar.

- Membuat perancangan bagi meningkatkan lagi potensi pelancongan daerah bersama-sama dengan BPKK.
- Memastikan pembangunan pelancongan daerah sentiasa berada di tahap yang baik untuk tujuan menarik kedatangan pelancong / pengunjung.
- Membuat penilaian tahunan dan unjuran keperluan kemudahan pelancongan berdasarkan statistik kemasukan pelancong / pengunjung.
- Menyelaraskan agensi-agensi pelancongan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pembangunan pelancongan daerah.

1.4.7 Perluasan Kawasan Pentadbiran MPKK

Berdasarkan kepada keadaan sedia ada, keluasan kawasan pentadbiran MPKK adalah seluas 20,400 hektar yang hanya meliputi 8% daripada keluasan Daerah Kuala Kangsar. Bagi memastikan pelaksanaan RT ini berjalan dengan lancar dan seiring dengan perkembangan pembangunan, cadangan perluasan kawasan pentadbiran MPKK adalah perlu. Melalui perluasan kawasan pentadbiran ini, secara tidak langsung akan menjana peningkatan pendapatan MPKK terutama dari pungutan cukai taksiran untuk kawasan perumahan, perdagangan dan perindustrian. Ini juga adalah untuk memastikan supaya pihak MPKK mendapat faedah daripada pembangunan tersebut. Selain itu, peruntukan Akta 171, Akta 172 dan Akta 133 juga dapat dikuatkuasakan di seluruh daerah. Maka, perancangan dan kawalan pembangunan akan dapat diselaraskan dengan teratur, berkesan dan seterusnya, membolehkan pemberian perkhidmatan perbandaran kepada kawasan-kawasan tersebut secara lebih efektif. Berdasarkan kepada potensi pembangunan masa hadapan Daerah Kuala Kangsar, perluasan kawasan pentadbiran MPKK dicadangkan dibahagikan kepada 2 fasa (**Rajah 1.3 hingga 1.5**) iaitu:


Fasa 1 (tahun 2012 – 2016)

Meliputi keseluruhan kawasan cadangan tepubina tahun 2020 seperti di dalam RT dengan jumlah keluasan 26,480 hektar. Selain itu, kawasan berhampiran cadangan tepubina juga dizonkan sebagai kawasan pentadbiran MPKK bagi tujuan memudahkan pengurusan dan pentadbiran dijalankan. Ini adalah kerana kawasan berhampiran cadangan tepubina mempunyai potensi untuk menghadapi tekanan pembangunan di masa hadapan.

Fasa 2 (selepas tahun 2016)

Cadangan perluasan kawasan pentadbiran MPKK ke seluruh Daerah Kuala Kangsar.




RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020



Rajah 1.3

KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR 2020

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020







Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020

Rajah 1.4

KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR 2020 - SISIP 1

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020



Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020

Rajah 1.5

KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR 2020 - SISIP 2

1.4.8 Menjadikan 'Good Governance' Sebagai Aplikasi Pengurusan Perancangan

'Good governance' merupakan satu konsep pentadbiran / pemerintahan yang melibatkan proses membuat keputusan dan proses melaksanakan keputusan secara lebih telus. **Jadual 1.9** menunjukkan ciri-ciri 'good governance' yang sesuai diaplikasikan di dalam perancangan dan pembangunan Daerah Kuala Kangsar. Kepentingan 'good governance' adalah membantu usaha mengurangkan gejala rasuah, memberi peluang kepada orang awam terutamanya pihak minoriti (pihak-pihak yang terpinggir dari arus pembangunan / tidak berkemampuan) mengutarakan pendapat mereka dalam proses membuat keputusan serta mengambilkira keperluan penduduk semasa dan akan datang.

Jadual 1.9:
Ciri-ciri 'Good Governance'

Ciri-ciri	Penjelasan
Penyertaan awam	Merupakan kunci utama ke arah mencapai konsep pentadbiran yang baik iaitu dengan mengkaji dan mengambilkira pelbagai isu hingga ke akar umbi.
Penekanan terhadap perspektif awam	<ul style="list-style-type: none"> • Pandangan dari pelbagai pihak dapat dijadikan asas terhadap penyediaan pelan yang dapat memenuhi keperluan semua. • Menggalakkan perbincangan yang lebih telus ke arah menyelesaikan masalah.
Bertanggungjawab	Bertanggungjawab bukan hanya merujuk kepada pihak kerajaan tetapi juga melibatkan semua sektor dan orang awam. Ia tidak dapat dilaksanakan tanpa ketelusan dan pelaksanaan undang-undang.
Telus	Keputusan yang dibuat dan penguatkuasaannya dilaksanakan mengikut prosedur dan undang-undang yang ditetapkan. Ia juga menterjemahkan informasi yang dapat diperolehi dengan mudah dan 'terus' tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Selain itu, maklumat yang disampaikan juga adalah berbentuk dokumen serta bahan media yang mudah difahami.
Bertindak balas	Setiap maklumbalas dan sebarang proses dilaksanakan dalam tempoh yang bersesuaian.
Efektif dan efisien	Penyediaan perancangan yang memenuhi keperluan orang ramai dengan mengambil kira perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar yang berterusan.
Adil dan saksama	Memastikan semua pihak mendapat manfaat yang sama dari pembangunan yang dilaksanakan terutamanya golongan yang kurang berkemampuan (kanak-kanak, warga emas, penduduk miskin, OKU dan sebagainya) untuk menjamin dan meningkatkan kualiti kehidupan mereka.
Mematuhi arahan dan perundangan negara	Penguatkuasaan sistem perundangan yang lebih menyeluruh iaitu penghakiman yang adil, perlindungan terhadap hak manusia serta menghapuskan rasuah perlu dipertingkatkan.

Sumber: Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

1.4.9 Menguatkuasakan Akta 172 Secara Menyeluruh

Melalui pelaksanaan RT, MPKK berpeluang mengukuhkan dan menguatkuasakan peruntukan Akta 172 secara menyeluruh. Fungsi dan peranan MPKK diperketatkan dari segi kawalan pembangunan. MPKK boleh mengenakan tindakan undang-undang terhadap sebarang pemajuan yang melanggar peruntukan Akta. Pengukuhan dan penguatkuasaan Akta ini merupakan salah satu agenda yang memacu ke arah pembangunan yang efektif, bertanggungjawab dan lebih telus. Ini adalah untuk memastikan segala pemajuan yang dijalankan mengikut undang-undang dan tidak mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat dan alam sekitar. Peruntukan Akta 172 yang berkaitan dengan pengawalan perancangan adalah seperti **Jadual 1.10**.

Jadual 1.10:
Akta 172 dan Berkaitannya Dengan Pengawalan Perancangan

Seksyen	Penjelasan
Seksyen 19 – Larangan mengenai pemajuan tanpa kebenaran merancang	Menjelaskan tentang kuasa MPKK untuk melaksanakan pemajuan. Tiada sesiapa pun selain MPKK yang boleh memula, mengusaha atau menjalankan apa-apa pemajuan tanpa kebenaran merancang.
Seksyen 20 – Larangan mengenai pemajuan yang berlawanan dengan kebenaran merancang	Sesiapa pun tidak dibenarkan untuk memulakan, mengusaha atau menjalankan apa-apa pemajuan yang bercanggah dengan jenis pembangunan yang dibenarkan semasa kebenaran merancang.
Seksyen 25 – Penarikbalikan dan pengubahsuaian kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan	MPKK boleh menarik semula dan mengubah suai kebenaran merancang yang telah diluluskan sekiranya melibatkan kepentingan awam. Dengan maklumat yang terperinci tindakan boleh diambil untuk merobohkan bangunan dan membayar kos pampasan (melalui tuntutan bayaran kepada MPKK).
Seksyen 27 – Penguatkuasaan berkenaan dengan melanggar Seksyen 19	MPKK boleh menyampaikan notis kepada pihak terbabit berhubung dengan aktiviti pembangunan yang sedang / siap diusaha / dijalankan tanpa mendapat kebenaran merancang. Denda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Denda tambahan sehingga RM5,000 bagi tiap-tiap satu hari pemajuan itu dijalankan selepas sabitan pertama bagi kesalahan itu.
Seksyen 28 – Penguatkuasaan berkenaan dengan melanggar Seksyen 20	Pihak MPKK boleh menyampaikan notis berhubung pembangunan yang sedang / siap diusaha / dijalankan tanpa mendapat kebenaran merancang. Pemaju boleh dikenakan denda sekiranya pemajuan masih lagi dijalankan setelah notis amaran diberikan. Denda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Denda tambahan sehingga RM5,000 bagi tiap-tiap satu hari pemajuan itu dijalankan selepas sabitan pertama bagi kesalahan itu.
Perintah pemeliharaan pokok mengikut Seksyen 35A(4)	MPKK mengeluarkan perintah pemeliharaan pokok bagi mengawal penebangan pokok yang diancam kepupusan/mempunyai nilai istimewa.
Perintah penggantian pokok mengikut Seksyen 35E	Seseorang yang menebang pokok yang tertakluk di bawah perintah ini perlu menggantikan semula pokok melalui penanaman semula.
Larangan menebang pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter mengikut Seksyen 35H	Seseorang akan didapati bersalah sekiranya menebang pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter atau lebih, tanpa kebenaran bertulis dari MPKK.

Sumber: Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

1.4.10 Penguatkuasaan Notis Permintaan

Berdasarkan Akta 172, MPKK boleh mengeluarkan notis permintaan kepada pemilik tanah yang membangunkan tanah dan pembangunan tersebut telah menimbulkan konflik kepada guna tanah. Pembangunan yang tidak sesuai ini boleh disekat bagi mengurangkan tekanan kepada pembangunan sedia ada dan pembangunan yang akan diwartakan berdasarkan RT. Ini bertujuan mengawal perancangan yang tidak mengikut syarat yang telah ditetapkan. MPKK boleh mengambil tindakan setelah mempunyai bukti yang dapat menerangkan mengenai kesalahan yang dilakukan oleh pemilik tanah. Sekiranya wujud apa-apa kerosakan atau susut nilai tanah atau apa-apa belanja akibat dari pemilik tanah telah mematuhi notis permintaan tersebut; pemilik tanah boleh menuntut ganti ruginya daripada MPKK [Seksyen 30(5)]. MPKK pula akan menilai dan memberikan kos ganti rugi tersebut setelah berpuashati dengan jumlahnya [seksyen 30(6)]. Sekiranya pemilik tanah tidak berpuashati dan terkilan dengan jumlah kos pampasan tersebut, ianya boleh dibawa ke Lembaga Rayuan untuk pertimbangan semula [seksyen 30(7)]. Lembaga Rayuan akan bertindak sebagai pentaksir kos yang sebenarnya perlu dibayar. Kajian ini mendapati beberapa kepentingan penguatkuasaan dan pelaksanaan notis permintaan iaitu:

- Mengurangkan tekanan kepada pembangunan sedia ada dan akan datang.
- Mengawal perancangan yang tidak mengikut syarat yang telah ditetapkan.
- Meningkatkan kuasa MPKK terhadap penyalahgunaan tanah (MPKK bertindak berdasarkan kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri).

1.4.11 Penguatkuasaan Notis Beli

Akta 172 memperuntukkan bahawa tuan tanah berdaftar mempunyai hak untuk menyampaikan notis kepada MPKK untuk membeli tanahnya berdasarkan kepada alasan dan kepentingan tertentu. MPKK pula hendaklah berusaha membeli tanah tersebut dengan menggunakan undang-undang pengambilan tanah. Tanah yang terlibat di bawah akta ini adalah tanah yang tidak boleh lagi digunakan untuk kepentingan peribadi akibat telah digazetkan sebagai kegunaan awam di dalam RT. Tanah milik persendirian boleh menjadi milik awam dengan cara MPKK mengeluarkan notis beli. Sesuatu notis beli itu hanya akan diketahui oleh pihak awam setelah penyiasatan dijalankan. Tanah yang terlibat akan diberikan pampasan yang setimpal dan sewajarnya. Kajian ini mendapati beberapa kepentingan penguatkuasaan dan pelaksanaan notis beli iaitu:

- Merupakan salah satu hak awam yang telah diperuntukkan bagi pemilik tanah.
- Pemilik tanah yang telah menanggung kerugian daripada perancangan yang dibuat di peringkat daerah akan dilindungi dengan hak mereka untuk menuntut ganti rugi.
- Satu situasi yang adil bagi pemilik tanah dan MPKK kerana pengezonan tanah untuk kemudahan awam adalah diperlukan.

DUA

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN

Garis panduan ini disediakan adalah untuk mengawal pembangunan di kawasan RT. Ia disediakan secara lengkap beserta dengan ilustrasi yang menjadi panduan kepada semua pihak terlibat dalam menjalankan kerja-kerja perancangan dan pembangunan.

Secara keseluruhannya, garis panduan yang disediakan ini lebih menekankan kepada usaha untuk mewujudkan sebuah pembangunan yang selamat dan menyokong kepada kemampanan secara keseluruhan.

Garis panduan ini disediakan merangkumi pembangunan perumahan, komersial, perindustrian, infrastruktur dan utiliti, pembangunan pinggir sungai, pemuliharaan bangunan warisan dan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS).

2.1 Garis Panduan Perumahan

Berdasarkan kepada cadangan yang telah disediakan di dalam Jilid 1, tambahan seluas 3,996.73 hektar tanah telah dizonkan sebagai cadangan kawasan perumahan sehingga tahun 2020. Bagi tujuan mengawal pembangunan perumahan di Daerah Kuala Kangsar, garis panduan khusus yang disediakan adalah seperti **Jadual 2.1 hingga Jadual 2.8**.

Jadual 2.1:
Densiti Perumahan Daerah Kuala Kangsar

Kategori	Densiti	Jenis Perumahan
Densiti Rendah	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang 20 unit / hektar • Kurang 8 unit /ekar 	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Sesebuah • Rumah Berkembar
Densiti Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> • 20 – 60 unit / hektar • 8 – 24 unit / ekar 	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Teres • Rumah Kluster • Rumah Bandar
Densiti Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Lebih 61unit / hektar • Lebih 25 unit / ekar 	<ul style="list-style-type: none"> • Pangsapuri • Perumahan Awam • Asrama Pekerja • Asrama Pelajar

Sumber : JPBD Negeri Perak.

Jadual 2.2:
Komposisi Perumahan Daerah Kuala Kangsar

Keluasan	Rumah Kos Rendah	Rumah Kos Sederhana Rendah	Rumah Kos Sederhana	Rizab Melayu	Bukan Rizab Melayu
>4 hektar (> 10 Ekar)	20 %	10 %	10 %	Melibatkan kuota	Melibatkan kuota
2-4 Hektar (5-10 Ekar)	-	-	30 %	Tidak Berkenaan	Melibatkan kuota

Sumber : JPBD Negeri Perak.

Jadual 2.3:
Piawaiian Perumahan Bertanah (Landed Property) Jenis Rumah Teres Daerah Kuala Kangsar



Perkara	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah	Kos Sederhana	Teres Biasa
Densiti Maksimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 60 unit/hektar ▪ 24 unit/ekar 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 60 unit/hektar ▪ 24 unit/ekar 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 60 unit/hektar ▪ 24 unit/ekar 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 60 unit/hektar ▪ 24 unit/ekar
Lot Minimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 5.5 m x 16.76 m ▪ 18' x 55' 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 5.5 m x 18.3 m ▪ 18' x 60' 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 5.5 m x 18.3 m ▪ 18' x 60' 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 6.1 m x 18.3 m ▪ 20' x 60'
Ruang Lantai Minimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 65 mp ▪ 700 kp 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 69.7 mp ▪ 750 kp 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 79 mp ▪ 850 kp 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 104.5 mp ▪ 1125 kp
Bilangan Bilik Minimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 bilik 			

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020
Pengurusan dan Pelaksanaan

Perkara	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah	Kos Sederhana	Teres Biasa
Bilangan Tingkat Maksimum	▪ 2 ½ tingkat			
Panjang Blok Teres	▪ Maksimum 97.5 m (320')			
Jalan Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jalan Perkhidmatan ▪ Jalan Perkhidmatan di kawasan berbukit 			
Jalan Buntu (<i>Cul-de-sac</i>)	▪ Panjang Maksimum 97.5 m (320')			
Lorong Belakang	▪ Minimum 4.6 m (15')			
Lorong Pemisah	▪ 6.1 m (20')			
Lorong Tepi	▪ 6.1 m (20')			
Anjakan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Anjakan Hadapan ▪ Anjakan Hadapan Anjung Kereta ▪ Anjakan Belakang 			
▪ Balkoni	▪ Tidak dibenarkan keluar daripada garisan anjakan bangunan			
▪ Tambahan dan Ubahsuaian Rumah Teres 1 tingkat kepada 2 tingkat / Rumah Teres 2 ½ tingkat kepada 3 tingkat	▪ Dibenarkan dengan tertakluk lantai tersebut tidak melebihi 50% keluasan lantai bangunan asal ditambah dengan keluasan dengan keluasan asal tanah kosong di bahagian belakang.			
▪ Ilustrasi	<p>Anjakan bangunan dan lorong belakang bagi rumah teres kos rendah dan sederhana rendah</p>			

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

Jadual 2.4:
Piawaian Perumahan Bertanah (*Landed Property*) Jenis Rumah Berkembar Daerah Kuala Kangsar

Perkara	Rumah Berkembar	Rumah Berkelompok
Densiti Maksimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 20 unit/hektar ▪ 8 unit/ekar 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 40 unit/hektar ▪ 16 unit/ekar
Lot Minimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 12.2 m x 19.5 m ▪ 40' x 65' 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 9.1 m x 16.8 m ▪ 30' x 55'
Bilangan Tingkat Maksimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 tingkat 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2 ½ tingkat
Jalan Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jalan Perkhidmatan ▪ Jalan Perkhidmatan di kawasan berbukit 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 15.2 m (50') ▪ Minimum 12.2 m (40') 	
Jalan Buntu (<i>Cul-de-sac</i>)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Panjang Maksimum 304.8 m (1000') 	
Anjakan Bangunan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Anjakan Hadapan ▪ Anjakan Hadapan Anjung Kereta ▪ Anjakan Belakang ▪ Anjakan Tepi ▪ Anjakan Sisi (sempadan bersama) ▪ Anjakan Belakang Tingkat Atas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 6.1 m (20') ▪ 3.1 m (10') ▪ 3.1 m (10') ▪ 6.1 m (20') ▪ 3.1 m (10') ▪ 1.5 m (5') 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 6.1 m (20') ▪ 3.1 m (10') ▪ Tiada ▪ 6.1 m (20') ▪ 3.1 m (10') ▪ 1.5 m (5')
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Balkoni 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tidak dibenarkan keluar daripada garisan anjakan bangunan 	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ilustrasi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Anjakan rumah berkembar 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Anjakan rumah berkelompok 

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

Jadual 2.5:
Piawaian Perumahan Bertanah (*Landed Property*) Jenis Rumah Sesebuah Daerah Kuala Kangsar

Perkara	Rumah Sesebuah Biasa	Rumah Sesebuah <i>Zero Lot Boundary</i>
Densiti Maksimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 20 unit/hektar ▪ 8 unit/ekar 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 20 unit/hektar ▪ 8 unit/ekar
Lot Minimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 15.2 m x 21.3 m ▪ 50' x 75' 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 12.2 m x 21.3 m ▪ 40' x 70'
Luas Ruang Lantai	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengambilkira anjakan bangunan dan anjakan sempadan bersama 	
Bilangan Tingkat Maksimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 tingkat mengikut keadaan tanah 	
Jalan Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jalan Perkhidmatan ▪ Jalan Perkhidmatan di kawasan berbukit 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 15.2 m (50') ▪ Minimum 12.2 m (40') 	
Jalan Buntu (<i>Cul-de-sac</i>)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Panjang Maksimum 304.8 m (1000') 	
Anjakan Bangunan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Anjakan Hadapan ▪ Anjakan Hadapan Anjung Kereta ▪ Anjakan Belakang ▪ Anjakan Tepi ▪ Anjakan Sisi (sempadan bersama) ▪ Anjakan Belakang Tingkat Atas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 6.1 m (20') ▪ 3.1 m (10') ▪ 3.1 m (10') ▪ 6.1 m (20') ▪ 3.1 m (10') ▪ 1.5 m (5') 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 6.1 m (20') ▪ 3.1 m (10') ▪ 3.1 m (10') ▪ 6.1 m (20') ▪ 6.1 m (10') ▪ 1.5 m (5')
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Balkoni 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tidak dibenarkan keluar daripada garisan anjakan bangunan 	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ilustrasi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Anjakan rumah sesebuah biasa 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Anjakan rumah sesebuah <i>zero lot boundary</i>

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

Jadual 2.6:
**Piawaian Perumahan Bertingkat Jenis Pangsapuri Kos Rendah dan
Kos Sederhana Rendah - Dibenarkan Hanya di Bandar Sungai Siput (U)**

Perkara	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah
Saiz Tapak Minimum	▪ 0.8 hektar (2 ekar)	
Kawasan Plinth	▪ 60% daripada keluasan tapak	
Densiti Maksimum	▪ > 61 unit /hektar ▪ > 25 unit /ekar	▪ > 61 unit /hektar ▪ > 25 unit /ekar
Luas Ruang Lantai Minimum	▪ 65.1 mp (700 kp)	▪ 69.7 mp (750 kp)
Bilangan Bilik/ Tandas Minimum	▪ 3 bilik / 2 bilik air	
Ketinggian Maksimum Bangunan tanpa Lif (Walk up)	▪ 18.3 m (60 ') dan tingkat bawah dikosongkan	▪ 18.3 m (60 ')
Bilangan Tingkat Maksimum	▪ 5 Tingkat	
Kegunaan Tingkat Bawah Bangunan	▪ Hanya dibenarkan untuk perumahan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan kemudahan awam sahaja.	
Orientasi Bangunan	▪ Disesuaikan dengan arah kiblat	
Jalan Perkhidmatan ▪ Jalan Perkhidmatan ▪ Jalan Perkhidmatan di kawasan berbukit	▪ 15.2 m – 20.1 m (50'- 66') ▪ 15.2 m (50')	
Jalan Dalaman ▪ Sehalu ▪ Dua hala	▪ 6.1 m (20') ▪ 7.3 m (24')	
Anjakan Bangunan Dengan Sempadan Kawasan ▪ Menghadap Jalan Awam ▪ Bangunan Dari Sempadan	▪ 15.2 m (50') ▪ 6.1 m (20')	
Anjakan Bangunan Sama Tinggi ▪ Hadapan Dengan Hadapan ▪ Tepi Dengan Hadapan ▪ Tepi Dengan Belakang ▪ Belakang Dengan Belakang ▪ Tepi Dengan Tepi	▪ 24.4 m (80') ▪ 12.2 m (40') ▪ 12.2 m (40') ▪ 12.2 m (40') ▪ 9.14 m (30')	
Tempat Letak Kenderaan ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ Tempat Letak Motor (TLM) ▪ Tempat Letak Kenderaan OKU	▪ 1 TLK : 1 unit perumahan + 20 peratus untuk pelawat ▪ 1 TLM : 2 unit perumahan ▪ Tambahan 2 % daripada jumlah TLK keseluruhan	
▪ Tanah Lapang dan Rekreasi	▪ 1000 penduduk : 2 hektar tanah lapang ▪ Kemudahan yang disediakan termasuk - Taman permainan kanak-kanak - Gelanggang sepak takraw/ badminton/ futsal/ bola keranjang - Taman atas bumbung dibenarkan dengan syarat tidak melebihi 30% keperluan penyediaan kawasan lapang	
▪ Perimeter Planting	▪ Minimum 3.1 m (10') di sekeliling kawasan pembangunan	
▪ Lain-lain Kemudahan	▪ Tadika	

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020
Pengurusan dan Pelaksanaan

Perkara	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Surau ▪ Dewan Orang Ramai ▪ Perumahan Orang Kurang Upaya ▪ Pejabat Pengurusan ▪ Bilik Bacaan/ Sumber ▪ Rumah Sampah 	

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

Jadual 2.7:
Piawaian Perumahan Bertingkat Jenis Pangsapuri Kos Sederhana dan
Kos Tinggi - Dibenarkan Hanya di Bandar Sungai Siput (U)


Perkara	Kos Sederhana	Kos Kos Tinggi
Saiz Tapak Minimum	▪ 0.8 hektar (2 ekar)	
Kawasan Plinth	▪ 60% daripada keluasan tapak	
Densiti Maksimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ > 61 unit /hektar ▪ > 25 unit /ekar 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ > 61 unit /hektar ▪ > 25 unit /ekar
Luas Ruang Lantai Minimum	▪ 69.7 mp (750 kp)	▪ 69.7 mp (750 kp)
Bilangan Bilik/ Tandas Minimum	▪ 3 bilik / 2 bilik air	
Ketinggian Maksimum Bangunan tanpa Lif (Walk up)	▪ 18.3 m (60') dan tingkat bawah dikosongkan	▪ 18.3 m (60')
Bilangan Tingkat Maksimum	▪ 5 Tingkat	
Kegunaan Tingkat Bawah Bangunan	▪ Hanya dibenarkan untuk perumahan OKU dan kemudahan awam sahaja.	
Orientasi Bangunan	▪ Disesuaikan dengan arah kiblat	
Jalan Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jalan Perkhidmatan ▪ Jalan Perkhidmatan di kawasan berbukit 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 15.2 m – 20.1 m (50' - 66') ▪ 15.2 m (50') 	
Jalan Dalaman <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sehalu ▪ Dua hala 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 6.1 m (20') ▪ 7.3 m (24') 	
Anjakan Bangunan Dengan Sempadan Kawasan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap Jalan Awam ▪ Bangunan Dari Sempadan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 15.2 m (50') ▪ 6.1 m (20') 	
Anjakan Bangunan Sama Tinggi <ul style="list-style-type: none"> ▪ Hadapan Dengan Hadapan ▪ Tepi Dengan Hadapan ▪ Tepi Dengan Belakang ▪ Belakang Dengan Belakang ▪ Tepi Dengan Tepi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 24.4 m (80') ▪ 12.2 m (40') ▪ 12.2 m (40') ▪ 12.2 m (40') ▪ 9.14 m (30') 	

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020
Pengurusan dan Pelaksanaan

Perkara	Kos Sederhana	Kos Kos Tinggi
Tempat Letak Kenderaan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ Tempat Letak Motor (TLM) ▪ Tempat Letak Kenderaan OKU 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2 TLK : 1 unit perumahan + 20 peratus untuk pelawat ▪ 1 TLM : 2 unit perumahan ▪ Tambahan 2 % daripada jumlah TLK keseluruhan 	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tanah Lapang dan Rekreasi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1000 penduduk : 2 hektar tanah lapang ▪ Kemudahan yang disediakan termasuk <ul style="list-style-type: none"> - Taman permainan kanak-kanak - Gelanggang sepak takraw/ badminton/ futsal/ bola keranjang - Taman atas bumbung dibenarkan dengan syarat tidak melebihi 30% keperluan penyediaan kawasan lapang 	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perimeter <i>Planting</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 3.1 m (10') di sekeliling kawasan pembangunan 	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Lain-lain Kemudahan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tadika ▪ Surau ▪ Dewan Orang Ramai ▪ Perumahan Orang Kurang Upaya ▪ Pejabat Pengurusan ▪ Bilik Bacaan/ Sumber ▪ Rumah Sampah 	

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.



Jadual 2.8:
Piawaian Perumahan Bertingkat Jenis Rumah Bandar (Town House)

Perkara	Perincian
Densiti Maksimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 60 unit/hektar ▪ 24 unit/ekar
Saiz Tapak Minimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1.2 hektar (3 ekar)
Luas Ruang Lantai Minimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 83.5 mp (900 kp)
Panjang Blok Teres	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Maksimum 97.5m (320')
Bilangan Tingkat Maksimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 tingkat mengikut keadaan tanah
Jalan Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jalan Perkhidmatan ▪ Jalan Perkhidmatan di kawasan berbukit 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 15.2 m (50') ▪ Minimum 12.2 m (40')
Jalan Buntu (Cul-de-sac)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Panjang Maksimum 97.5 m (320')
Lorong <ul style="list-style-type: none"> ▪ Lorong Belakang ▪ Lorong Pemisah ▪ Lorong Tepi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 6.1 m (20') ▪ 6.1 m (20') ▪ 6.1 m (20')
Anjakan Bangunan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Anjakan Hadapan ▪ Anjakan Hadapan Anjung Kereta ▪ Anjakan Tepi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 6.1 m (20') ▪ 3.1 m (10') ▪ 6.1 m (20')
Tempat Letak Kenderaan (TLK)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2 TLK : 1 unit perumahan + 10 peratus untuk pelawat
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ilustrasi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Anjakan rumah bandar <div style="text-align: right;">  </div>

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

Selain kawasan perumahan terancang, Daerah Kuala Kangsar juga mempunyai kawasan petempatan desa yang luas dan perlu dikawal dari aspek pembinaan unit perumahan agar mampan dengan keadaan sekeliling dan menyokong kepada pencapaian matlamat pembangunan Daerah Kuala Kangsar. Garis panduan yang disediakan bagi petempatan desa adalah seperti berikut:

Jadual 2.9:
Garis Panduan Perumahan Sesebuah dan Berkembar di Kawasan Desa

Perkara	Rumah Sesebuah	Rumah Berkembar
Densiti Maksimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 20 unit/hektar ▪ 8 unit/ekar 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 20 unit/hektar ▪ 8 unit/ekar
Lot Minimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 15.2 m x 21.3 m ▪ 50' x 75' 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 12.2 m x 19.5 m ▪ 40' x 65'
Luas Ruang Lantai	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengambilkira anjakan bangunan dan anjakan sempadan bersama 	
Bilangan Tingkat Maksimum	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 tingkat mengikut keadaan tanah 	
Jalan Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jalan Perkhidmatan ▪ Jalan Perkhidmatan di kawasan berbukit 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 15.2 m (50') ▪ Minimum 12.2 m (40') 	
Jalan Buntu (Cul-de-sac)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Panjang Maksimum 304.8 m (1000') 	
Anjakan Bangunan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Anjakan Hadapan ▪ Anjakan Hadapan Anjung Kereta ▪ Anjakan Belakang ▪ Anjakan Tepi ▪ Anjakan Sisi (sempadan bersama) ▪ Anjakan Belakang Tingkat Atas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 6.1 m (20') ▪ 3.1 m (10') ▪ 3.1 m (10') ▪ 6.1 m (20') ▪ 3.1 m (10') ▪ 1.5 m (5') 	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Balkoni 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tidak dibenarkan keluar daripada garisan anjakan bangunan 	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ilustrasi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Anjakan rumah sesebuah 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Anjakan rumah berkembar 

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

Selain garis panduan khusus, garis panduan umum mengenai pembangunan perumahan adalah seperti berikut:

2.1.1 Reka Bentuk Susun Atur Bangunan Perumahan

- i. Perletakan bangunan hendaklah mengambilkira keadaan alam sekeliling seperti arah pancaran matahari, arah kiblat, arah angin, kecerunan tanah, pemandangan persekitaran dan sistem saliran sedia ada.
- ii. Perletakan kemudahan masyarakat, kawasan rekreasi dan kawasan hijau hendaklah di kawasan yang optima di kawasan perumahan mengikut kesesuaian sama ada secara berasingan, bersebelahan atau berintegrasi.
- iii. Keadaan rupa bumi yang beralun dan pelbagai bentuk perlu ditonjolkan dan dikekalkan.

2.1.2 Garis Panduan Perancangan Perumahan Kawasan Berbukit

- i. Sebarang pembangunan di kawasan berbukit hendaklah memenuhi Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan di Kawasan Berbukit (GP007-A(11)) yang dikeluarkan oleh pihak JPBD.
- ii. Sebarang pemotongan berbukit hendaklah semimumimum yang mungkin. Pemotongan bukit bagi tujuan meratakan permukaan keseluruhan tapak pembangunan adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- iii. Penyusunan bangunan perumahan bagi pemajuan di kawasan bukit hendaklah mengikut kontur asal, menyusun secara bertingkat, tidak membina bangunan di tepi lereng dan anjakan sekurang-kurangnya 20 meter dari lereng bukit di kawasan yang perlu.
- iv. Penyusunan bangunan hendaklah mengambilkira kesesuaian dari kecerunan tanah. Terdapat beberapa teknik susunan bangunan yang boleh digunakan:
 - Kaedah *extra masonry* – bagi tanah landai (yang kurang 5 darjah), kawasan bangunan boleh dibina sama rata dengan kedudukan tanah
 - Kaedah *split level* - sesuai bagi keadaan topografi yang berubah-ubah
 - Kaedah *cut and fill* - cerun dipotong dan ditimbus bagi membentuk aras tapak untuk mengekalkan tingkat bawah bangunan selari dengan ketinggian kecerunan semulajadi.
 - Kaedah *cascade* - pengekalan cerun yang agak curam. Bangunan dibina mengikut kesesuaian dan kedudukan cerun.
 - Kaedah *amend section* – keadaan di mana aras tapak bangunan berada di bawah paras jalan. Ini bermakna tingkat dalam bangunan berada di paras yang berbeza atau bergantung kepada kedudukan paras jalan.
 - Kaedah *house on post* – bangunan dibina di atas platform. Ini sesuai bagi cerun curam.
- v. Jenis perumahan yang dibenarkan di kawasan bukit mengikut kecerunan adalah seperti **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10:
Jenis Perumahan Yang Dibenarkan Dibina di Kawasan Bukit

Kelas Kecerunan	Jenis Perumahan Yang Dibenarkan
Zon Risiko Rendah Kecerunan 12 darjah – 19 darjah	<ul style="list-style-type: none">• Rumah sesebuah• Rumah berkembar• Rumah teres• Pangsapuri atau kondominium (kepadatan tinggi)
Zon Risiko Sederhana Kecerunan 20 darjah – 25 darjah	<ul style="list-style-type: none">• Rumah sesebuah• Rumah berkembar• Rumah teres• Pangsapuri atau kondominium (kepadatan sederhana dengan ketinggian tidak melebihi 5 tingkat)
Zon Risiko Tinggi Kecerunan melebihi 25 darjah	<ul style="list-style-type: none">• Tidak dibenarkan sebarang pembangunan perumahan

Sumber: Garis Panduan Pemeliharaan Topografi Semulajadi Dalam Perancangan dan Pembangunan Fizikal, JPBD, 1996.

2.1.3 Garis Panduan Lanskap di Kawasan Perumahan

- i. Mematuhi Garis Panduan Landskap Negara dan Pelan Induk Lanskap Daerah Kuala Kangsar.
- ii. Pokok renek jenis tidak beracun, berduri dan mempunyai ciri-ciri berbahaya.
- iii. Menanam pokok teduhan sepanjang laluan utama dan jalan-jalan penghubung.
- iv. Bersaiz sederhana dan memberikan kesan teduhan.
- v. Spesis pokok yang mudah diselenggara.
- vi. Penanaman pokok melebihi ketinggian 0.3 meter di dalam jarak 30 meter dari persimpangan jalan adalah dilarang.
- vii. Penanaman pokok yang memisahkan sempadan jalan dan sempadan kawasan pertanian tanpa menyekat pemandangan yang menarik di kawasan pertanian.
- viii. Landskap pokok ditanam secara informal.
- ix. Pembangunan berdensiti sederhana dengan mengekalkan kawasan kehijauan dusun.
- x. Penanaman pokok asal dan tradisi tempatan digalakkan untuk mewujudkan semula habitat dan warisan tempatan.
- xi. Menyediakan perabot jalan seperti tong sampah, siar kaki, lampu jalan, tempat menunggu bas dan papan tanda.
- xii. Setiap perabot jalan ini mestilah mempunyai ciri yang bersesuaian.
- xiii. Setiap reka bentuk, warna yang digunakan dan perletakan perabot jalan perlulah mendapatkan kelulusan daripada pihak MPKK terlebih dahulu.

2.1.4 Garis Panduan Alam Sekitar di Kawasan Perumahan

Pencemaran Air

- i. Semua sistem pembetungan konvensional perlu ditukar secara berperingkat kepada sistem tangki septik.
- ii. Penyelenggaraan dan pembinaan sistem rawatan kumbahan perlu dikelolakan oleh pihak IWK.
- iii. Pembinaan sistem pembetungan berpusat mesti disediakan.
- iv. Penyediaan sistem perparitan tertutup atau bawah tanah.
- v. Sistem pembetungan dan perparitan hendaklah menghala ke sistem dalaman dan tidak disalurkan terus ke sungai.
- vi. Paip-paip penghujung mati hendaklah diakhiri dengan injap keruk atau pili bomba.
- vii. Kesemua bahan yang digunakan di dalam sistem bekalan air perlu mendapat kelulusan dan menepati piawaian.
- viii. Perangkap sampah dipasang di bahagian hilir semua perparitan.

Pencemaran Udara

- i. Sebarang pembakaran terbuka adalah dilarang.
- ii. Debu dan habuk semasa kerja pembinaan perlu dikawal dengan baik.

Pelupusan Sisa Pepejal

- i. Pengasingan sampah perlu mengikut kelas kitar semula.
- ii. Memastikan sisa-sisa buangan dan air kumbahan tidak dibuang terus ke sungai.
- iii. Kempen kebersihan dan pendidikan pengasingan mengenai cara pembuangan sampah yang sempurna perlu dilaksanakan.
- iv. Penetapan laluan pengutipan hendaklah berdasarkan kepada kriteria tersebut:
 - Laluan permulaan dan terakhir di jalan raya.
 - Laluan akhir adalah kawasan yang paling hampir dengan kawasan tapak pelupusan sisa pepejal.
 - Kawasan yang mengalami kesesakan perlu dikenalpasti dan pengutipan sampah dibuat lebih awal.
 - Penyelarasan dan penyediaan tong sampah hendaklah bersesuaian dengan kapasiti pengeluaran sisa pepejal bagi mengelakkan limpahan ke persekitaran.
 - Tong sampah kitar semula perlu disediakan.
- v. Penyediaan pusat-pusat pungutan (transfer station) dan rumah sampah di kawasan pelancongan dan perumahan baru.
- vi. Agensi yang bertanggungjawab perlu sentiasa menyelenggara pusat-pusat pungutan.

2.2 Garis Panduan Komersil

Berdasarkan kepada cadangan yang telah disediakan di dalam Jilid 1, tambahan seluas 167.52 hektar tanah telah dizonkan sebagai cadangan kawasan komersial sehingga tahun 2020. Bagi tujuan mengawal pembangunan komersial di Daerah Kuala Kangsar, garis panduan khusus telah disediakan seperti **Jadual 2.11 dan Jadual 2.12**.

Jadual 2.11:
Garis Panduan Khusus Pembangunan Komersial Daerah Kuala Kangsar – CBD Kuala Kangsar

Jenis Bangunan dan Aktiviti	Nisbah Plot Maksimum	Kawasan Plinth Maksimum	Tinggi Maksimum (Tingkat)	Saiz Lot Minimum	Anjakan Bangunan	Hierarki Jalan	Tempat letak Kereta	
CBD Kuala Kangsar						Jalan Utama 30m-40m	1 petak kereta setiap 47 m.p.	
Rumah kedai	3.0	100%	4	130m.p.	Verendah way dgn kelebaran 2.25m			
Kedai pejabat	3.0	100%	4	130m.p.	Depan & sisi 3m & verendah way 2.25m			1 petak motosikal setiap 47 m.p.
Bangunan komersial sesebuah	3.0	60%	4	0.4 hek.	12.2m bagi mana-mana bahagian bangunan menghadap jalan & sempadan bersama 6m			
Tapak penjaja/gerai	Tidak berkaitan	70%	2	0.4 hek.	-			
Pasar awam	1.5	70%	2	0.4 hek.	Anjakan depan 6m & sisi/belakang 4.5m	Jalan Sekunder 20m		
CBD Sungai Siput (U)						Jalan Tempatan 15m		
						Jalan belakang & sisi 6m		
						Lorong pejalan kaki 2m		
Rumah kedai	3.0	100%	4	130m.p.	Verendah way dgn kelebaran 2.25m			
Kedai pejabat	3.0	100%	6	130m.p.	Depan & sisi 3m & verendah way 2.25m			
Bangunan komersial sesebuah	3.0	60%	6	0.4 hek.	12.2m bagi mana-mana bahagian bangunan menghadap jalan & sempadan bersama 6m			
Tapak penjaja / gerai	Tidak berkaitan	70%	2	0.4 hek.	-			
Pasar awam	1.5	70%	2	0.4 hek.	Anjakan depan 6m & sisi / belakang 4.5m			

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

Jadual 2.12:
**Garis Panduan Khusus Pembangunan Komersial Daerah Kuala Kangsar –
Selain CBD Kuala Kangsar dan CBD Sungai Siput (U)**

Jenis Bangunan dan Aktiviti	Nisbah Plot Maksimum	Kawasan Plinth Maksimum	Tinggi Maksimum (Tingkat)	Saiz Lot Minimum	Anjakan Bangunan	Hierarki Jalan	Tempat letak Kereta
Rumah kedai	4.0	100%	4	130m.p.	Verendah way dgn kelebaran 2.25m	Jalan Utama 30m-40m	1 petak kereta setiap 47 m.p.
Kedai pejabat	4.0	100%	6	130m.p.	Depan & sisi 3m & verandah way 2.25m	Jalan Pengumpul 30m	1 petak motosikal setiap 47 m.p.
Bangunan komersial sesebuah	4.0	60%	10	0.4 hek.	12.2m bagi mana-mana bahagian bangunan menghadap jalan & sempadan bersama 6m	Jalan Sekunder 20m	
Tapak penjaja / gerai	Tidak berkaitan	70%	2	0.4 hek.	-	Jalan Tempatan 15m	
Pasar awam	1.5	70%	2	0.4 hek.	Anjakan depan 6m & sisi / belakang 4.5m	Jalan belakang & sisi 6m Lorong pejalan kaki 2m	

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

Selain garis panduan khusus, garis panduan umum juga disediakan seperti berikut:

2.2.1 Garis Panduan Reka Bentuk Bangunan Komersial

- i. Perancangan bangunan komersial perlu mengikut kesesuaian topografi asal tapak dan disesuaikan dengan elemen-elemen buatan supaya dapat mewujudkan pandangan menarik, mercu tanda dan *skyline* yang harmoni dan seimbang.
- ii. Bangunan perlu menghadap sungai dan jalan.
- iii. Menggunakan warna yang mengambikira warna-warna bangunan bersebelahan dan sekitarnya.
- iv. Hanya 20% daripada permukaan fasad dibenarkan untuk pemasangan papan iklan.
- v. Galakan kepada penerapan reka bentuk tradisional.
- vi. Kemudahan beribadat hendaklah disediakan di dalam bangunan untuk keperluan orang ramai.
- vii. Setiap deretan 15 unit perlulah disediakan *break* sama ada dalam bentuk tanah lapang dan landskap, *court yard*, *pocket park*, jalan atau penampian hijau.
- viii. Dilengkapi dengan kemudahan awam seperti pondok telefon awam, tandas awam, tempat letak kereta, tempat buangan sampah dan ruang memungkah dan kemudahan utiliti.

- xvii. Penyediaan tempat buangan sampah di kawasan khas.
- xviii. Perlu mematuhi Garis Panduan Perancangan Pemeliharaan Topografi Semulajadi Dalam Perancangan dan Pembangunan Fizikal, Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti serta *Guidelines and Geometric Standards on Road Network System* oleh pihak JPBD.
- xix. Mematuhi keperluan reka bentuk persekitaran fizikal yang selamat.

2.2.2 Garis Panduan Landskap Kawasan Komersial

- i. Mematuhi piawaian yang ditetapkan di dalam Pelan Induk Lanskap Daerah Kuala Kangsar.
- ii. Menanam pokok di tepi jalan dan menyediakan pasu bunga di hadapan kaki lima kedai.
- iii. Spesis pokok mesti tidak berduri, beracun dan berbahaya serta mudah diselenggara.
- iv. Menyediakan landskap kejur seperti:
 - Kiosk.
 - Tong sampah.
 - Wakaf.
 - Papan tanda.
 - Lampu jalan.
- v. Menyediakan kemudahan seperti *ramp* dan *handrail* untuk kemudahan golongan kelainan upaya.
- vi. Memastikan permukaan laluan pejalan kaki, kaki lima, lantai dan *ramp* yang tidak licin bagi keselamatan pengguna.
- vii. Mewujudkan persekitaran yang berbudaya dan berimej melalui konsep perancangan yang menerapkan elemen rangkaian badan air, tanah lapang, dataran laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal.
- viii. Penyediaan zon penampungan (minimum 20m) bagi mengawal pencemaran, melindungi kawasan dan pengindahan pemandangan.
- ix. Papan tanda dan iklan:
 - Perletakan yang seragam mengikut ukuran yang dibenarkan.
 - Mesti menggunakan Bahasa Malaysia.
 - Tahan lama dan dapat berfungsi pada waktu siang dan malam tanpa mengganggu lalulintas.
- x. Kompleks komersial perlu disediakan dengan tempat teduhan untuk pejalan kaki, elemen dan reka bentuk bandar yang menarik seperti *boulevard*, *landmark*, *vista*, *courtyard*, taman, pergola, elemen air dan lain-lain. Elemen ini juga boleh dijadikan sebagai kawasan berinteraksi dan berekreasi.
- xi. Menyediakan plaza atau medan untuk kegiatan santai orang ramai.

2.2.3 Garis Panduan Alam Sekitar di Kawasan Komersial

Pencemaran Air

- i. Sistem reka bentuk saliran dan pengairan hendaklah mematuhi garis panduan manual Saliran Mesra Alam.
- ii. Menyediakan sistem perparitan tertutup dan berupaya menerima *storm water* yang maksimum.

Pencemaran Udara

- i. Pembakaran terbuka sisa pembinaan adalah dilarang.
- ii. Debu dan habuk semasa kerja pembinaan hendaklah dikawal dengan baik.

Pencemaran Bunyi

- i. Penyediaan zon penampan di sepanjang jalan utama adalah digalakkan.

Hakisan

- i. Pembangunan berskala besar hendaklah dilaksanakan mengikut fasa.
- ii. Tanaman litup bumi atau rumput hendaklah ditanam untuk permukaan yang terdedah.

Pelupusan Sisa Pepejal

- i. Menyediakan sistem pelupusan sampah perdagangan yang sesuai dengan cara hidup pelanggan-pelanggan.
- ii. Tapak pelupusan sementara sisa pepejal perlu disediakan sebelum dipindahkan di tapak pelupusan pusat.

Sistem Pembedungan

- i. Menyediakan sistem pembedungan berpusat yang dilandskapkan.

2.3 Garis Panduan Perindustrian

Berdasarkan kepada cadangan yang telah disediakan di dalam Jilid 1, tambahan seluas 203.75 hektar tanah telah dizonkan sebagai cadangan kawasan perindustrian sehingga tahun 2020. Bagi tujuan mengawal pembangunan industri di Daerah Kuala Kangsar, garis panduan khusus yang disediakan adalah seperti **Jadual 2.13**.

Jadual 2.13:
Garis Panduan Khusus Pembangunan Industri Daerah Kuala Kangsar

Jenis Bangunan dan Aktiviti	Nisbah Plot Maksimum	Kawasan Plinth Maksimum	Tinggi Maksimum (Tingkat)	Saiz Lot Minimum	Anjakan Bangunan Industri	Tempat Letak Kenderaan	Hierarki Jalan	Ruang Punggah Memunggah
Industri Ringan, Sederhana & Perkhidmatan								
Industri sesebuah	2.0	60%	4	21mX 30m	Sempadan rizab jalan (hadapan) : 9m Sisi & belakang garisan sempadan: 6m	1 petak kereta setiap 93 mp	Jalan tempatan 20m	Ukuran minimum: 9m x 8m dalam kawasan lot kecuali bagi kilang jenis teres. Bagi kilang teres, pemunggahan dilakukan di lorong belakang. Bagi kilang bertingkat, ruang pemunggahan hendaklah mencukupi bagi 30% dari jumlah unit kilang dalam kompleks yg sama. Luas petak untuk treler ialah 4.2m x 18m dengan tambahan 18m untuk <i>manoeuvre</i> . Luas petak untuk lori kecil ialah 3 m x 6m dengan tambahan 6m untuk <i>manoeuvre</i> .
Industri berkembar	2.0	60%	2	18mx 30m		1 petak motosikal setiap 93 mp 1 petak lori setiap 470 mp Tambahkan 10% dari jumlah petak kereta & motosikal utk pelawat	Jalan pemungut 30m Jalan <i>arterial</i> 30m-40m Jalan susur 15m	
Industri teres	2.0	100%	2	9mx 24m	Bahagian depan, sisi & belakang : tiada had anjakan Tepi bangunan dari garisan sempadan rezab jalan : 4.5m	1 petak kereta setiap : 1unit/1 tkt 1 petak motosikal setiap 93 mp 1 petak lori setiap 470 mp Tambahkan 10% dari jumlah petak kereta & motosikal utk pelawat		
Industri Berat, Industri Khas & Custom Built								
Lot industri sesebuah	2.0	60%	4	1000 m.p	Sempadan rizab jalan (hadapan) : 9m Sisi &	1 petak kereta setiap 93 mp 1 petak motosikal setiap 93 mp	Jalan tempatan 20m Jalan pemungut	Ukuran minimum: 9m x 8m dalam kawasan lot. Bagi kilang bertingkat, ruang

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020
Pengurusan dan Pelaksanaan

Jenis Bangunan dan Aktiviti	Nisbah Plot Maksimum	Kawasan Plinth Maksimum	Tinggi Maksimum (Tingkat)	Saiz Lot Minimum	Anjakan Bangunan Industri	Tempat Letak Kenderaan	Hierarki Jalan	Ruang Punggah Memunggah
					belakang garisan sempadan: 6m	1 petak lori setiap 470 mp Tambahkan 10% dari jumlah petak kereta & motosikal utk pelawat	30m Jalan <i>arterial</i> 30m-40m Jalan susur 15m	pemunggaan hendaklah mencukupi bagi 30% dari jumlah unit kilang dalam kompleks yg sama. Luas petak untuk treler ialah 4.2m x 18m dengan tambahan 18m untuk <i>manoeuvre</i> . Luas petak untuk lori kecil ialah 3 m x 6m dengan tambahan 6m untuk <i>manoeuvre</i> .

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

Selain garis panduan khusus, garis panduan umum bagi pembangunan industri juga disediakan seperti berikut:

2.3.1 Garis Panduan Reka Bentuk Bangunan Industri

- i. Dibina dengan mengambilkira reka bentuk tempatan, praktikal dan menarik.
- ii. Menggunakan warna yang bersesuaian dengan tema pembangunan.
- iii. Elakkan kawasan perindustrian menghadap arah tiupan angin yang menghala ke kawasan perumahan.
- iv. Elakkan menyediakan jalan *cul-de-sac*.
- v. Jaringan yang lengkap bagi mengasingkan sistem lorong pejalan kaki dengan sistem sirkulasi kenderaan.
- vi. Satu perhentian bas perlu disediakan setiap 500 meter atau di luar setiap plot industri.
- vii. Mematuhi keperluan reka bentuk persekitaran fizikal yang selamat.

2.3.2 Garis Panduan Landskap Kawasan Industri

- i. Mematuhi piawaian yang ditetapkan di dalam Pelan Induk Lanskap Daerah Kuala Kangsar.
- ii. Jenis tumbuhan dan tanaman yang beracun dilarang ditanam.
- iii. Menyediakan landskap yang bersesuaian dengan keadaan di sekitarnya.
- iv. Pokok-pokok yang ditanam di tepi jalan hendaklah tidak mempunyai daun-daun yang mudah gugur dan beracun.
- v. Menyediakan lorong pejalan yang berlandskap bagi memberikan keselesaan kepada pengguna.
- vi. Hendaklah menyediakan satu perbezaan antara laluan pejalan kaki dan laluan basikal dengan penanaman pokok.
- vii. Rizab landskap selebar 1.5 meter perlu disediakan bagi bangunan serta tepi bangunan yang menghadap ke jalan utama.

2.3.3 Garis Panduan Alam Sekitar Kawasan Industri

- i. Zon penampungan perlu disediakan untuk memisahkan kawasan industri dengan kawasan perumahan. Penyediaan zon penampungan ini perlulah dipelbagaikan dengan aktiviti yang lebih berfaedah seperti tempat letak kereta, trek jogging dan laluan pejalan kaki.
- ii. Pembangunan yang boleh dipertimbangkan di dalam zon penampungan fizikal tidak lebih dari 30% daripada zon penampungan yang disediakan adalah jalan raya, longkang dan parit, tempat letak kereta, kawasan lapang, industri perkhidmatan dan gudang bukan makanan.
- iii. Penyediaan longkang yang tertutup.
- iv. Pembakaran terbuka adalah dilarang.
- v. Menyediakan *transfer station* di tempat yang sesuai untuk tujuan kitaran semula (*recycle*) dengan anggaran keluasan 1 ekar.
- vi. Perincian garis panduan alam sekitar di kawasan perindustrian adalah seperti **Jadual 2.14**.

Jadual 2.14:
Garis Panduan Alam Sekitar Bagi Kawasan / Aktiviti Perindustrian

Kriteria	Garis Panduan	Ilustrasi
Zon Penampakan	Industri Ringan – Jenis A : 30 m Industri Ringan – Jenis B : 50 m Industri Sederhana : 250 m Industri Berat : 500 m / Bergantung kepada EIA Industri Khas : 200 m	<p>A. Zon penampakan 500 meter (1640') dan jaluran tanaman 30 meter untuk industri berat</p> <p>Pusat Perdagangan, Kolum, Tasik, Hutan, Semak, Kawasan Lapang, Longkang & Parit, Tempat Letak Kereta, Industri Perkhidmatan Gudang Bukan Makanan & Tanaman Pertanian.</p> <p>B. Zon penampakan 250 meter (820') dan jaluran tanaman 20 meter untuk industri sederhana</p> <p>Pusat Perdagangan, Kolum, Tasik, Hutan, Semak, Kawasan Lapang, Longkang & Parit, Tempat Letak Kereta, Industri Perkhidmatan Gudang Bukan Makanan & Tanaman Pertanian.</p> <p>C. Zon penampakan 50 meter (164') dan jaluran tanaman 10 meter untuk industri ringan Jenis B</p> <p>Pusat Perdagangan, Kolum, Tasik, Hutan, Semak, Kawasan Lapang, Longkang & Parit, Tempat Letak Kereta, Industri Perkhidmatan Gudang Bukan Makanan & Tanaman Pertanian.</p>
Penilaian Kesan Alam Sekeliling	Bagi industri yang termasuk dalam aktiviti-aktiviti yang ditetapkan, laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling mesti disediakan seperti yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987.	
Kawalan Pencemaran	Setiap industri perlu mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengawal pencemaran bunyi, udara, dan air. Industri yang menghasilkan kumbahan atau effluen perindustrian perlu menyediakan loji rawatan air sisa dan menepati Piawaian A untuk pelepasan ke pengairan daratan dalam kawasan tadahan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat atau Piawai B untuk pelepasan ke mana-mana pengairan daratan yang lain seperti yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan-Peraturan Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Industri yang menghasilkan buangan terjadual mestilah mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.	
Permonitoran	Menjalankan permonitoran tahap kualiti alam sekitar secara berkala dan berterusan bagi memantau sebarang perubahan kualiti air, udara dan bunyi bising di sekitar kawasan industri.	

Kriteria	Garis Panduan
Permohonan Kebenaran	Pelepasan effluen ke dalam air atau ke atas tanah dan pelupusan sisa kumbahan perlu mengisi Borang AS 9 iaitu Permohonan Kebenaran Bertulis Di Bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan-Peraturan Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.
	Pembinaan kilang baru perlu mengisi Borang AS PAT (Borang Penapisan Awal Untuk Pembinaan Kilang Baru).
	Mengisytiharkan maklumat alat pembakaran bahan api, bahan api yang digunakan, cerobong, dan maklumat kawalan pencemaran dengan menggunakan Borang AS 16A (Permohonan Kelulusan Memasang, Menempatkan Semula/Mengubah Alat Pembakaran Bahan Api Di Bawah Peraturan 36 Dan 38, Peraturan-peraturan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) (Pindaan) 2000.
	Mendapatkan kelulusan JAS bagi kilang yang mempunyai tempat bakar sampah seperti insinerator dengan melengkapkan Borang AS 16C (Permohonan Kelulusan Mandiri, Membina, Memasang, Menempatkan Semula Atau Mengubah Tempat Bakar Sampah Di Bawah Peraturan 8, Peraturan-peraturan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) (Pindaan) 2000.

Sumber : Jabatan Alam Sekitar.

2.4 Garis Panduan Infrastruktur dan Utiliti

Berdasarkan kepada cadangan yang telah disediakan di dalam Jilid 1, tambahan seluas 180.2 hektar tanah telah dizonkan sebagai cadangan infrastruktur dan utiliti sehingga tahun 2020. Bagi tujuan memastikan penyediaan infrastruktur dan utiliti adalah menepati keperluan penduduk dan pembangunan di Daerah Kuala Kangsar, garis panduan khusus yang disediakan adalah seperti berikut:

2.4.1 Garis Panduan Bekalan Air

- i. Keperluan tangki mengikut garis panduan Jabatan Bekalan Air yang telah ditetapkan
- ii. Menggunakan jenis paip-paip yang lebih sesuai seperti HDPE, UPVC dan *mile steel* (MS).

2.4.2 Garis Panduan Sistem Perparitan

- i. Semua sistem saliran dan perparitan untuk pemajuan baru mestilah mematuhi garis panduan dalam Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MASMA) atau *Urban Storm Water Manual for Malaysian* oleh JPS yang telah dikuatkuasakan pada Januari 2001.
- ii. Semua reka bentuk sistem perparitan hendaklah mengikut kehendak JPS Negeri dan garis panduan JPS Malaysia dalam:
 - *Urban Drainage Design Standard and Procedures For Peninsular Malaysia 1975 – Planning and Design Procedure No. 1.*
 - *Hydrological Procedure No. 1 – Estimation of Design Rainstorm in Peninsular Malaysia.*
 - *Hydrological Procedure no. 16 – Flood Estimation For Urban Catchments in Peninsular Malaysia.*

- iii. Kolam tadahan (*retention pond*) diperlukan untuk pembangunan baru melebihi 10 hektar bagi mengawal kadar alir larian. Luas kolam ini hendaklah sekurang-kurangnya 3% hingga 5% jumlah keluasan keseluruhan pembangunan baru untuk memastikan tadahan air larian yang berkesan.
- iv. Penyediaan jenis parit mengikut kawasan adalah seperti **Jadual 2.15**.

Jadual 2.15:
Jenis Parit Mengikut Kawasan


Jenis Parit	Kawasan
Parit tanah	Parit dalam kawasan kampung
Parit separuh bulat 225mm	Kawasan keliling rumah
Parit blok 300mm	Parit tepi jalan kecil
Parit blok 600mm	Parit tepi jalan besar dan parit sekunder
Parit konkrit <i>precast-U</i> atau <i>rubble wall</i>	Parit utama
Parit tertutup	Kawasan pekan yang mempunyai pembangunan yang sangat padat.

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran.


2.4.3 Garis Panduan Bekalan Elektrik

- i. Menyediakan rizab tanah untuk tapak pencawang (*sub station*). Rizab tanah yang diperlukan adalah seperti berikut:
 - Pencawang utama 45.7m x 45.7m
 - Pencawang dua alatubah 13.7m x 20.0m
 - Pencawang alatubah tunggal 13.7m x 16.8m


Kelulusan rizab adalah tertakluk kepada persetujuan Tenaga Nasional Berhad.
- ii. Menyediakan rizab rentis elektrik bagi laluan kabel talian atas. Kelebaran rizab yang diperlukan adalah seperti berikut:




1 rantai 1 rantai




1 rantai 1 rantai 1 rantai




1 rantai 1 rantai 1 rantai 1 rantai
- iii. Mengadakan penyelarasan di antara pihak-pihak yang terlibat di dalam pembangunan sesebuah kawasan di bawah pengawasan MPKK.
- v. Menyediakan lampu-lampu jalan yang bersesuaian di jalan-jalan yang dirasakan perlu.
- vi. Ilustrasi perletakan pencawang elektrik adalah seperti berikut:
 - Kedudukan pencawang elektrik di kawasan perumahan






- Kedudukan pencawang elektrik di kawasan komersial



- Kedudukan pencawang elektrik di kawasan perindustrian



2.4.4 Garis Panduan Telekomunikasi


- Merumuskan langkah-langkah untuk mengelakkan penyediaan talian telekomunikasi yang bertindih. Kawalan dan pengawasan hendaklah dibuat oleh MPKK.
- Menyediakan rizab utiliti telekomunikasi selebar 1 meter di sepanjang jalan untuk laluan kabel telekomunikasi. Lebar rizab masih tertakluk kepada keperluan pemasangan oleh pihak yang menyediakan perkhidmatan talian.
- Menerapkan konsep perkongsian rangka utama talian telekomunikasi bagi mengelakkan pembaziran dari segi penyediaan talian dan menjamin perkhidmatan yang lebih mantap.

2.4.5 Garis Panduan Pembetungan


- Semua pembangunan baru, reka bentuk sistem pembetungan hendaklah berdasarkan kepada garis panduan dan piawaian yang dinyatakan dalam:
 - *Malaysia Standard MS 1228 : 1991 – Code of Practice for Design and Installation of Sewerage Systems.*
 - *Guidelines for Developer on the Design and Installation of Sewerage Systems.*

- ii. Sebarang pembinaan loji rawatan pembetungan, perlu menyediakan zon pemisah. Keperluan zon pemisah adalah seperti berikut:
- 30m minimum keliling bagi sistem loji terbuka.
 - 20m minimum keliling bagi sistem loji terbuka bersebelahan dengan kawasan perindustrian.
 - 10m minimum bagi sistem tertutup (ditimbus bawah tanah).
- iii. Sistem rawatan yang sesuai digunakan dan berkeupayaan menghasilkan kumbahan *Standard A* adalah:
- *Extended Aeration*
 - *Activated Sludge Extended Aeration*
 - *Rotating Biological Contractor*
 - *Trickling Filter*
 - *Biofilter*
- iv. Paip-paip pembetungan yang digunakan hendaklah jenis yang sesuai seperti:
- *Vitrified Clayware*
 - *High-Density Poly Ethylene (HDPE)*
 - *Sulphate Resistance Reinforced Concrete*
- v. Contoh ilustrasi sistem pembetungan dan zon penampian di kawasan perumahan adalah seperti berikut:


- Sistem rawatan kumbahan terbuka



- Sistem rawatan kumbahan tertutup




- Sistem rawatan kumbahan bawah tanah




vi. Contoh ilustrasi sistem pembetulan dan zon penampungan di kawasan komersial dan industri adalah seperti berikut:


- Sistem rawatan kumbahan terbuka



- Sistem rawatan kumbahan tertutup



- Sistem rawatan kumbahan bawah tanah



2.4.6 Garis Panduan Pengurusan Sisa Pepejal

- i. Tahap pengurusan sisa pepejal dapat dipertingkatkan dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
 - Peningkatan perkhidmatan pengutipan dan pengangkutan sampah.
 - Pengeluaian perkhidmatan pengutipan.
 - Pengawalan pembuangan sampah haram.
 - Penggunaan kaedah kitaran semula.
 - Pengurusan dan pengawasan tapak pelupusan.
- ii. Pemilihan tapak pelupusan yang baru perlu mengambilkira kriteria utama dalam membuat pertimbangan kesesuaiannya. **Jadual 2.16** menjelaskan mengenai kriteria utama pemilihan tapak pelupusan baru.

Jadual 2.16:
Kriteria Utama Pemilihan Tapak Pelupusan Baru

Kriteria	Garis Panduan Pembangunan
Pemilihan Tapak	<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya satu tapak bagi setiap 30,000 penduduk ataupun dalam lingkungan 10km bagi sesebuah kawasan petempatan atau perumahan. • Setiap tapak pelupusan ini perlu mempunyai sokongan beberapa tapak pengumpulan sampah dalam lingkungan 5 km. • Pemilihan tapak adalah berdasarkan kepada beberapa aspek iaitu fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar dan jenis guna tanah
Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak termasuk kawasan bekalan air dan tadahan air • Tidak termasuk kawasan banjir • Tidak termasuk kawasan aliran air (sungai dan paya) • Paras air bawah tanah yang rendah • Bertanah pawah • Kawasan paya dan berlumpur • Tapak yang sesuai dipertimbangkan adalah zon industri dan terdiri dari gaung/lurah yang tidak ada kepentingan, bekas tapak lombong, bekas kolam yang digali dan bekas kawasan taliair dengan memenuhi syarat EIA.
Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Lokasi- jarak masa dari tempat sumber utama bahan tidak melebihi 1/2 hari perjalanan kerana sisa-sisa ini cepat busuk • Keluasan minimum tapak 50-60 hektar • Jangka usia prijek kira-kira 20 tahun • Mempunyai laluan dan jalan keluar masuk yang sempurna • Anggaran kos pembayaran balik pampasan rendah • Mudah dihubungi dan pengangkutan kos minima • Tidak mempunyai halangan untuk tujuan pembesaran tapak projek • Mengambilkira faedah tapak pelupusan selepas siap jangka projek

Kriteria	Garis Panduan Pembangunan
Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Hakmilik tanah, utamakan tanah kerajaan untuk memudahkan urusan pengambilan balik • Tanah yang terhad dari aspek guna tanah juga boleh dipertimbangkan • Jauh dari kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan keutamaan pembangunan hendaklah sekurang-kurangnya 5-10 km sebagai langkah untuk menyekat bau busuk, habuk dan bising • Jauh dari kawasan-kawasan mempunyai nilai estatik, sejarah dan tempat-tempat pengekalan (<i>preservation & conversion area</i>) • Tempat yang tidak mempunyai kehidupan liar dan binatang terpelihara • Tidak memberi kesan ke atas kehidupan laut • Jauh daripada kawasan kegunaan awam
Alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Pertimbangan dari aspek geoteknikal iaitu guna tanah sedia ada, jenis permukaan tanah paras air bawah tanah dan kestabilan kecerunan termasuk laporan EIA • Pertimbangan dari kesan pencemaran air bawah tanah dan permukaan air tertutamanya kesan pencemaran kepada air minuman • Pertimbangan juga diambilkira jika kawasan tersebut dilanda banjir • Mengambilkira kesesuaian tapak dengan kawasan persekitarannya.

Sumber : Jabatan Alam Sekitar.

- iii. Pengurusan tapak pelupusan perlulah:
- Tapak pelupusan baru hendaklah jenis *sanitary landfill* tahap 4.
 - Sisa pepejal di kawasan '*sanitary landfill*' dimampatkan dengan *excavator* dan ditimbus dengan tanah merah setiap hari bagi memastikan tapak pelupusan sentiasa kemas dan bebas dari gangguan lalat dan gagak.
 - Tapak pelupusan perlu disaluti dengan tanah liat bagi mengelakkan kurasan (*leachate*) meresap ke dalam air bumi. Sebaliknya, kurasan disalurkan ke dalam kolam melalui paip dan kurasan ini dirawat dengan abu arang (sebagai penuras) atau lain-lain teknologi setanding atau lebih baik.
- iv. Bagi penutupan selamat tapak pelupusan sedia ada, syarat-syarat dan langkah-langkah kawalan aktiviti seperti **Jadual 2.17** perlu diambilkira:

Jadual 2.17:
Syarat-syarat dan Langkah-langkah Kawalan Aktiviti Bagi
Penutupan Selamat Tapak Pelupusan Sedia Ada

Kriteria	Syarat-Syarat dan Langkah Kawalan Aktiviti
Kawalan pencemaran	<ul style="list-style-type: none"> • Tapak pelupusan yang tidak lagi beroperasi dan telah penuh, dicadangkan perlu menyediakan pelan penutupan tapak pelupusan bagi membaik pulih kawasan tersebut dan mengelakkan risiko pencemaran air bawah tanah <ul style="list-style-type: none"> - Pemantauan kehadiran gas dari semasa ke semasa - Pemantauan kualiti air bawah tanah - Menyediakan sistem perparitan sekitar tapak - Menimbus lapisan atas tapak yang telah ditutup dengan lapisan tanah yang sesuai bagi tujuan lanskap atau lapisan penutup bumi. - Menyediakan papan tanda keselamatan - Menutup kawasan tapak daripada dicerobohi oleh orang luar - Menyediakan zon penamparan dengan kawasan sekitar iaitu 250m (tertaktuk kepada kajian EIA) - Mengezonkan tapak sebagai kawasan yang tidak boleh dibangunkan sehingga tempoh 10 hingga 15 tahun dari masa ianya ditutup. - Menjalankan kajian semula kesesuaian tapak sebelum tapak dibenarkan untuk pembangunan.
Reka bentuk lapisan penutup akhir	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan lapisan-lapisan penghalang resapan, kecerunan permukaan dan tumbuhan yang bersesuaian • Asas pertimbangan di dalam reka bentuk lapisan akhir meliputi parameter reka bentuk, penanaman semula (<i>revegetation</i>), program kualiti jaminan, pertimbangan aspek tanah, pertimbangan aspek grid perparitan dan pertimbangan aspek sinthetik membran.
Sistem kawalan perparitan dan air larian	<ul style="list-style-type: none"> • Pengiraan kuantiti air larian permukaan dan pemilihan parameter dan saiz bagi perparitan untuk menghalang masalah berkaitan dengan air larian serta penentuan lokasi yang bersesuaian.
Kawalan Gas-gas Kambus Tanah	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan lokasi dan penentuan frekuensi bagi pengawasan gas serta penyediaan jadual ekstraksi gas (jika perlu).
Kawalan dan rawatan larut lesapan	<ul style="list-style-type: none"> • Penentuan jadual operasi rawatan dan pengasingan larut lesapan (jika perlu).
Sistem pengawasan alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Penentuan lokasi dan frekuensi persampelan bagi program pengawasan alam sekitar serta parameter yang perlu diawasi.

Sumber : Jabatan Alam Sekitar.

2.5 Garis Panduan Pembangunan Pinggiran Sungai

Daerah Kuala Kangsar mempunyai kawasan sungai yang luas dan berpotensi untuk dibangunkan secara mampan bagi meningkatkan ekonomi daerah. Antara aktiviti yang dicadangkan di dalam RT ini dan melibatkan pinggiran sungai terutama Sg. Perak adalah pembaharuan semula ruang bandar di Bandar Kuala Kangsar, Pekan Manong serta Pekan Karai, pelancongan berasaskan air dan akuakultur. Bagi tujuan memastikan pembangunan yang dirancang tidak memberi kesan negatif kepada sungai, garis panduan khusus yang disediakan seperti berikut:


2.5.1 Keperluan Penentuan Rizab Sungai

- i. Membuat semakan mengenai rizab sungai dengan pihak JPS sekiranya kawasan yang ingin dibangunkan berada berhampiran dengan sungai. Kelebaran minimum rizab sungai yang disyorkan oleh JPS adalah seperti **Jadual 2.18**.

Jadual 2.18:
Keperluan Kelebaran Rizab Sungai

Kelebaran Laluan Air Antara Tebing	Keperluan Kelebaran Rizab Sungai (kedua-dua belah sungai)
Lebih dari 40m	50m
Antara 20m dan 40m	40m
Antara 10m dan 20m	20m
Antara 10m dan 5m	10m
Kurang daripada 5m	5m

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran.



- ii. Keperluan rizab sungai di kawasan pembangunan / perbandaran bergantung kepada keadaan setempat tersebut dan ditentukan mengikut kehendak reka bentuk sungai dan keluasan minimum 15 meter perlu disediakan.

- iii. Keperluan rizab sungai ini bagi tujuan berikut:
- Sebagai ruang untuk melebarkan dan meluruskan sungai pada masa hadapan.
 - Sebagai ruang untuk kemudahan-kemudahan sungai seperti benteng.
 - Untuk bertindak sebagai dataran banjir.
 - Sebagai kawasan zon penampungan untuk mengawal hakisan.
 - Untuk membenarkan sedikit hakisan tebing sungai berlaku dan perkembangan liku-liku sungai.
 - Sebagai laluan masuk kerja operasi dan pengurusan.
 - Sebagai ruang kerja untuk kerja-kerja operasi dan pengurusan.
 - Sebagai ruang untuk penyimpanan sementara tanah buang.
 - Sebagai ruang untuk kerja-kerja pengindahan dan rekreasi.

2.5.2 Syarat Pembangunan Pinggiran Sungai

Tanpa mengira keadaan status tanah, segala perancangan pembangunan di dalam lingkungan 50 meter daripada rizab sungai perlu dikaji dengan terperinci berdasarkan kepada kriteria berikut. Sekiranya tidak terdapat rizab sungai, sila rujuk **perkara 2.5.1**.

- i. Sungai sebagai tumpuan utama dalam perancangan pembangunan baru
 - Pemindahan jajaran sungai tidak digalakkan.
 - Sungai perlu diberi tumpuan utama sebelum lain-lain perancangan pembangunan di dalam perancangan susunatur.
- ii. Pelaksanaan kerja-kerja pengindahan rizab / simpanan sungai
 - Pemaju diwajibkan menyediakan pelan pengindahan dan rekreasi di kawasan rizab sungai semasa mengemukakan pelan susunatur dan diluluskan oleh JPS.
 - Rizab sungai boleh digunakan secara maksimum sebagai kawasan rekreasi, kawasan hijau dan pengindahan dan pihak pemaju dibenarkan mengusahakannya.
 - Penanaman pokok perlu diadunkan dengan kombinasi elemen landskap kejur seperti papan tanda, tempat duduk, siar kaki jeti dan perabot landskap yang lain.
 - Menanam pokok pada jarak yang sama di sepanjang tebing sungai. Penanaman hendaklah pada jarak yang bersejajaran di kedua-dua tebing dan dalam satu garisan yang selari dengan tebing sungai. Jarak penanaman pokok hendaklah tidak terlalu dekat atau jauh dari tebing sungai untuk membolehkan pokok membesar merimbun ke sungai.
 - Menanam satu jenis tanaman sahaja di sepanjang kedua-dua tebing sungai dan dari jenis yang mengurai dan dahan yang menyebar.
 - Pokok yang mempunyai batang yang tegak dan lurus perlu juga ditanam di kawasan tebing sungai. Percabangan yang kurang 3m dari paras tanah hendaklah dipotong.
- iii. Pembangunan tidak meningkatkan kadar aliran kepada sungai
 - Kawasan pembangunan yang mempunyai keluasan 10 hektar dan lebih, perlu menyediakan kawasan *detention pond* atau / dan *retention pond* untuk mengawal penambahan kadar aliran kepada sungai. Pengiraan keluasan *pond* berdasarkan kepada 3%-5% daripada keseluruhan keluasan kawasan pembangunan.
- iv. Bangunan-bangunan dan infrastruktur kekal tidak dibenarkan berada di dalam sungai dan rizabnya.
- v. Bangunan seperti bangunan pejabat, rumah, tiang talian elektrik dan sebagainya termasuk paip gas, paip air dan kabel yang diletakkan / ditanam selari sepanjang sungai tidak dibenarkan.
- vi. Hanya kemudahan-kemudahan rekreasi yang dapat digunakan semasa aliran air sungai rendah dan tidak akan mengganggu semasa aliran air banjir dibenarkan.
- vii. Keperluan menyediakan aras platform bangunan yang mencukupi adalah seperti berikut:
 - Aras platform minimum bergantung kepada keadaan setempat bagi tujuan melindungi dan mengurangkan kerosakan akibat banjir.
 - Kawasan perbandaran boleh menggunakan reka bentuk kala ulang 100 tahun manakala bagi kawasan pertanian pula adalah 50 tahun.

- viii. Bangunan dan pembangunan infrastruktur yang dibina perlu mengambil konsep pembangunan di tepi sungai
 - Perancangan dibuat agar pintu hadapan rumah menghadap sungai.
 - Sebarang pembinaan atau struktur seperti jeti, restoran terapung, *chalet* dan lain-lain hendaklah didirikan di atas tiang supaya tidak mengganggu aliran air.
 - Perancangan jalan masuk ke kawasan sungai dan boleh juga digunakan sebagai jalan masuk untuk kerja-kerja pengendalian dan penyelenggaraan.
- ix. Bangunan-bangunan dan infrastruktur hendaklah tidak menghalang pemandangan persekitaran sungai
 - Bangunan perlu dirancang dengan mendirikan bangunan yang rendah di hadapan dan tinggi di belakang bagi memastikan tiada halangan pemandangan sungai.
- x. Kawasan lapang sedia ada di sungai hendaklah dikekalkan.
- xi. Perancangan infrastruktur berhampiran dengan sungai yang akan menghalang atau menutupkan kawasan sungai dan sungai adalah tidak digalakkan.
- xii. Rizab sungai hendaklah terbuka kepada orang ramai
 - Kawasan persekitaran sungai adalah harta awam dan memagarnya atau seumpamanya adalah tidak dibenarkan.
- xiii. Persekitaran semula jadi dan kehidupan sungai dipelihara dan dipertingkatkan
 - Mengekalkan keadaan semula jadi di rizab sungai sebagai zon hijau untuk pembiakan flora dan fauna serta kehidupan air seperti ikan, udang dan lain-lain.
 - Menghadkan pembinaan struktur konkrit di tebing-tebing sungai dan membenarkan sungai mengalir berliku-liku ke tahap yang tidak membahayakan.
 - Pokok-pokok lama dan yang ada nilai-nilai komersil dan sebagainya tidak dibenarkan ditebang dan dipotong.
- xiv. Kegiatan rekreasi di sungai-sungai perlu dipelihara dan dipertingkatkan
 - Kegiatan memancing, berperahu dengan mengadakan tangga-tangga di tebing sungai, tempat perkelahan dan sebagainya dibenarkan.
- xv. Memastikan semua saluran keluar dipusatkan sebelum disalurkan ke sungai
 - Semua saluran keluar air kumbahan dari kawasan setempat hendaklah dipusatkan menjadi saluran utama sebelum dialurkan keluar ke sungai bagi mengelakkan terlalu banyak saluran keluar menghala ke sungai.
 - Air kumbahan hendaklah dirawat terlebih dahulu sebelum disalurkan ke sungai untuk mengawal pencemaran sungai.
 - Kaedah ini boleh digunapakai bagi perancangan kawasan pembangunan yang melebihi 10 hektar.
- xvi. Memastikan sisa-sisa buangan pepejal dan air kumbahan tidak dibuang terus ke sungai.

2.6 Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan

Daerah Kuala Kangsar mempunyai 26 bangunan warisan dan 20 makam yang perlu dipulihara bagi tujuan pengekalan imej dan identiti daerah warisan dan bandar DiRaja. Bagi tujuan mengawal pembangunan industri di Daerah Kuala Kangsar, garis panduan khusus yang disediakan adalah seperti berikut:

2.6.1 Garis Panduan Khusus Pemuliharaan Bangunan Warisan

- i. Langkah-langkah pemuliharaan yang perlu dipatuhi ketika kerja pemuliharaan sedang dijalankan adalah:
 - Keadaan bangunan bersejarah hendaklah direkodkan sebelum sebarang kerja pemuliharaan dijalankan.
 - Sebarang bukti sejarah tidak boleh dimusnahkan, dipalsukan atau dialihkan.
 - Sebarang kerja pemuliharaan hendaklah seminima yang mungkin.
 - Sebarang kerja pemuliharaan hendaklah dikawal oleh rasa hormat terhadap estetik, sejarah dan integriti fizikal oleh pemilikan budaya.
 - Semua kaedah dan bahan yang digunakan semasa rawatan hendaklah didokumenkan sepenuhnya.
- ii. Perincian mengenai kawalan struktur bangunan warisan adalah seperti **Jadual 2.19**.

Jadual 2.19:
Garis Panduan Kawalan Struktur Bangunan Warisan

Tindakan	Garis Panduan
Perobohan	<ul style="list-style-type: none">• Tidak dibenarkan tanpa kebenaran dan persetujuan daripada MPKK kecuali jika struktur bangunan dalam keadaan berbahaya.• Sebelum kerja perobohan dijalankan, rekod lengkap dalam bentuk pelan berskala dan gambar perlu diserahkan kepada MPKK terlebih dahulu.
Pemulihan Struktur Yang Rosak	<ul style="list-style-type: none">• Jika terdapat deretan kedai yang mempunyai identiti bangunan yang serupa dan ciri-ciri karektor yang sama, MPKK boleh meminta sebahagian elemen bangunan yang telah mengalami pengubahsuaian dan berlainan dengan bangunan asalnya digantikan semula dengan menggunakan bahan binaan yang asal dan sesuai.
Pemulihan Struktur Yang Berbahaya	<ul style="list-style-type: none">• Kerja-kerja pemulihan boleh dijalankan ke atas struktur bangunan yang berada dalam keadaan berbahaya.• Penggantian elemen seni bina yang rosak perlu dijalankan selepas kerja pemulihan.
Penggunaan Semula Bangunan	<ul style="list-style-type: none">• Aktiviti yang dibenarkan ialah komersial dan perkhidmatan yang tidak mencemarkan.• Aktiviti mesti sepadan dan sesuai dengan ciri-ciri bangunan dan tidak menurunkan taraf bangunan tersebut sebagai bangunan warisan.
Pengubahsuaian dan Penambahan	<ul style="list-style-type: none">• Penambahan tingkat bawah tanah adalah tidak dibenarkan.• Pembinaan loteng dibenarkan di bawah ruang <i>jack roof</i> sahaja. Keluasan bagi

Tindakan	Garis Panduan
	<p>tambahan ruang loteng di bawah bumbung utama tidak melebihi 50% (tidak termasuk keluasan tangga) daripada keluasan lantai.</p> <ul style="list-style-type: none">• Mengikut kesesuaian, elemen-elemen istimewa seperti jubin lantai, seni ukiran, skirting, motif hiasan dan elemen unik yang lain pada bangunan hendaklah dipelihara dan dibaikpulih seperti keadaan asalnya.

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

2.6.2 Larangan Meruntuh dan Mengubahsuai Bangunan Warisan

Larangan meruntuh dan mengubahsuai bangunan warisan ini bertujuan untuk memberi perlindungan kepada kepentingan sesebuah bangunan dan bahagian-bahagian daripada bangunan termasuk:

- i. Memusnah terhadap keseluruhan bangunan atau struktur di dalamnya.
- ii. Memindah atau mengubah bahagian-bahagian asal bangunan.
- iii. Mengecat semula permukaan yang tidak di cat.
- iv. Mengganti bahagian-bahagian bangunan dengan bahan-bahan baru.
- v. Mengubah corak bagi bahagian-bahagian tertentu bangunan dan permukaan dinding yang asal.

Langkah Kawalan:

- i. Larangan membuat perubahan reka bentuk di bahagian luaran bangunan dan merangkumi perubahan terhadap bahagian luaran (termasuk perhiasan), bangunan sedia ada termasuk pembaik-pulih, perubahan dan penambahan.
- ii. MPKK hanya akan meluluskan kebenaran untuk berdasarkan kepada syarat-syarat berikut bagi memenuhi kehendak di mana perobohan yang akan dijalankan tidak mengurangkan nilai kepentingan budaya keseluruhan bahagian luar bangunan atau sebarang kerja di tapak.
- iii. Berdasarkan pihak pengkaji bangunan, struktur keseluruhan bangunan, fasad atau elemen lain yang ditunjukkan sebagai struktur yang telah usang dan membahayakan sekiranya bahagian yang akan dimusnahkan dapat memelihara, memulihkan dan meningkatkan tahap senibina atau kualiti sejarah bangunan, fasad dan elemen tersebut.

Langkah Kawalan:

- i. MPKK hanya boleh mengeluarkan kebenaran perobohan kepada bahagian-bahagian bangunan yang tidak kelihatan sekiranya bahagian ini adalah bahagian yang terpisah dari bahagian utama bangunan yang berhadapan jalan utama.
- ii. MPKK hanya akan bersetuju dengan bentuk perobohan di beberapa kawasan tertentu jika ia memenuhi syarat iaitu di semua bahagian bangunan, fasad bangunan atau elemen-elemen bangunan (termasuk dinding, cerobong, bumbung, parapet, depan kedai, verandah dan balkoni) dikekalkan bermula dari fasad hingga ke bahagian dalam bangunan sebagai asas entiti struktur yang bebas. Lain-lain aspek bangunan seperti bentuk bumbung, cerobong menara dan arked perlu mengambilkira kepentingan senibina dan


sejarah serta mengekalkan aspek-aspek berkaitannya. Sila rujuk **Jilid 1 : Bab 9 – Jadual 9.4 (Perincian Mengenai Langkah Pemuliharaan Bangunan Warisan) dan Jadual 9.5 (Perincian Mengenai Langkah Mengembalikan Corak Asli Yang Diubahsuai Dengan Corak)** untuk perincian garis panduan yang ditetapkan.

2.6.3 Garis Panduan Pembinaan Semula (*Reconstruction*) Bangunan Warisan

Kaedah ini hanya boleh dilakukan sekiranya butiran mengenai corak yang asal masih lagi terdapat melalui pelan-pelan bangunan, gambar foto atau mana-mana sumber rajah yang jelas menunjukkan butiran tersebut. Sila rujuk **Jilid 1 : Bab 9 – Jadual 9.6 (Perincian Mengenai Langkah Pembaikan dan Pengubahsuaian Bangunan-bangunan Warisan)** untuk maklumat lanjut.

2.6.4 Garis Panduan Pembangunan *Infill* Rumah Kedai Tradisional

- i. Cadangan pembangunan tidak sahaja perlu dipadankan dengan skala bangunan bersebelahan malahan skala keseluruhan bangunan di kawasan tersebut. Pertimbangan skala melibatkan aspek-aspek seperti kelebaran lot, ketinggian tingkat, paras laluan kaki lima, tingkap, pintu, dinding dan sebagainya.
- ii. Ketinggian yang dibenarkan adalah mengikut bangunan bersebelahan atau berdasarkan kepada nisbah plot dan ketinggian yang sesuai dengan keseluruhan bangunan sekitar.
- iii. Bangunan-bangunan rumah kedai yang hendak dibangunkan semula dengan tambahan ruang lantai tingkat hendaklah mengekalkan fasad bangunan sedia ada dan bangunan baru hendaklah mengikut anjakan bangunan warisan sedia ada.
- iv. Fasad asal bangunan warisan perlu dikekalkan. Segala ukiran-ukiran yang terdapat pada fasad dan dinding parapet bangunan warisan hendaklah dikemaskini dan diperbaiki.
- v. Laluan kaki lima dikekalkan dan diintegrasikan dengan bangunan-bangunan moden. Ketinggian, kelebaran, paras kaki lima perlu diseragamkan agar dapat memberi keselesaan kepada para pejalan kaki.
- vi. Reka bentuk yang berasaskan kepada *glass curtain walling* tidak dibenarkan. Bangunan hendaklah mengikut reka bentuk rumah kedai tradisional. Susunan tingkap mesti menekankan perkadaran menegak (kelebaran lebih kecil daripada ketinggian) atau tingkap labuh seperti reka bentuk asal. Bahan binaan, warna dan tekstur terhadap bangunan yang dicadangkan mestilah bersesuaian dengan bangunan sekitarnya.



2.6.5 Garis Panduan Penggunaan Cat dan Warna Pada Bangunan Warisan / Deretan Rumah Kedai Tradisional

i. Fasad Bangunan

- Warna yang terlalu kontra atau garang dalam konteks tapak adalah tidak digalakkan. Penggunaan corak-corak warna pada fasad juga tidak digalakkan.
- Penggunaan warna dan cat yang digalakkan adalah warna asal bangunan tersebut. Pendekatan ini diharuskan kepada bangunan yang mana warnanya berkait dengan konteks sejarah. Warna asal pada bangunan boleh diketahui dengan kaedah pengikisan cat pada bangunan (**Rajah 2.1**).
- Penggunaan kaedah ini bagi bangunan yang tidak signifikan dalam konteks sejarah dari segi warnanya, digalakkan adalah jenis cat kapur. Penggunaan warna yang sesuai tetapi tidak menepati konteks tapak yang betul juga tidak digalakkan.
- Penggunaan warna bercampur pada bahagian-bahagian lain di fasad bangunan mesti dielakkan.




Contoh penggunaan warna yang kontra dan corak pada fasad yang tidak digalakkan.



Contoh penggunaan warna yang digalakkan.

Rajah 2.1:
Proses Pengikisan Cat Yang Digalakkan ke Atas Bangunan Warisan / Rumah Kedai Tradisional



Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

- ii. Penggunaan warna pada elemen-elemen di fasad bangunan termasuklah pintu, shutter door sama ada jenis *sliding* atau *grill*, tingkap, liang udara (*ventilator*) dan hiasan plaster.
- Pemakaian cat dan warna pada elemen ini perlu selari dengan konteks warna pada dinding fasad yang dibenarkan. Penggunaan warna pada elemen boleh berbeza dengan warna dinding fasad tetapi penggunaan warna yang kontra tidak digalakkan.
 - Langkah kawalan penggunaan warna pada elemen fasad bangunan adalah seperti **Jadual 2.20**.

Jadual 2.20:
Langkah Kawalan Penggunaan Warna Pada Elemen Fasad Bangunan

Elemen	Ciri-ciri	Tindakan/Kawalan
Tingkap	Warna pada rangka tingkap yang diperbuat daripada kayu	<ul style="list-style-type: none">• Penggunaan cat mengikut warna kayu.• Pemakaian <i>syaleq</i> digalakkan.
Pintu	Pintu kayu	<ul style="list-style-type: none">• Digalakkan pemakaian warna kayu dan <i>syaleq</i>.
<i>Grill</i>	Besi	<ul style="list-style-type: none">• Warna asalnya dikekalkan. Penukaran warnanya tidak digalakkan.
<i>Shutter</i>	Besi	<ul style="list-style-type: none">• Digalakkan pemakaian warna yang selari dengan fasad bangunan
<i>Jaluosie/Ventilator</i>	Bahan daripada plaster	<ul style="list-style-type: none">• Digalakkan pemakaian warna asal
	Bahan daripada kayu	<ul style="list-style-type: none">• Digalakkan pemakaian warna kayu dan <i>shaleq</i>
Hiasan Dinding (<i>plaster</i>)	Corak atau hiasan pada <i>column</i> , atas <i>cornice</i> dan bawah <i>roof trim</i> .	<ul style="list-style-type: none">• Digalakkan pemakaian warna asal.• Pemakaian warna yang tidak terlalu kontra / terang digalakkan.

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

iii. Bahan Cat

- Bahan atau material cat yang dibenarkan adalah cat daripada *lime-wash*. Ini kerana ia membenarkan pengudaraan dan mengurangkan kelembapan pada dinding. Manakala penggunaan cat kilat adalah tidak digalakkan.
- Bagi penggunaan cat di dalam bangunan adalah dibenarkan untuk menggunakan cat selain dari yang dinyatakan di atas, tetapi tidak digalakkan. Penggunaan kertas dinding juga tidak dibenarkan bagi fasad bangunan. Sebaliknya dibenarkan untuk hiasan dalaman bangunan.
- Pemakaian cat pada pintu (terutamanya *shutter door*) juga perlu mengikut skim warna yang dibenarkan pada fasad.

2.6.6 Garis Panduan Pencahayaan Bangunan Warisan

- i. Garis panduan pencahayaan bagi bangunan warisan sesebuah
 - Pencahayaan yang digalakkan adalah jenis lampu kuning yang lembut.
 - Penggunaan lampu jenis neon dan lampu warna-warni tidak dibenarkan.
- ii. Garis panduan pencahayaan bagi jalan, lorong, koridor dan lain-lain kawasan
 - Semua jalan dalam kawasan pemeliharaan perlu diterangkan dengan lampu yang bersesuaian. Lampu bagi pencahayaan jalan boleh dipasangkan dalam dua kedudukan iaitu di *colum* atas bangunan dan juga tiang lampu. Kedudukan dan jenis lampu ini adalah sesuai dengan lampu yang dipasang pada *column* bangunan manakala saiz jalan yang lebar dibenarkan lampu bertiang. Pencahayaan kuning akan digunakan bagi jalan yang menawarkan aktiviti malam. Pencahayaan putih akan digunakan bagi penerangan kawasan jalan sahaja.
 - Bagi pencahayaan lorong, penggunaan lampu kuning dapat mewujudkan satu suasana yang berbeza. Pemasangan lampu boleh disepadukan dengan pedestrian iaitu diletakkan di pinggir ruang pejalan kaki atau jenis *bolard* berlampu. Penggunaan lampu kuning bagi lorong akan dapat membentuk satu jaluran cahaya yang menghubungkan kawasan dan jalan yang aktif pada waktu malam.
 - Bagi pencahayaan lampu di koridor, laluan yang dapat menawarkan akses berterusan perlu diterangkan. Pencahayaan dapat jelas menunjukkan koridor yang dapat digunakan bagi tujuan akses di sebahagian seksyen jalan atau keseluruhan seksyen jalan. Pemasangan lampu jalan pada permukaan ruang pejalan kaki dan penyuluhan secara *vertical* dapat mencerahkan jalan dan sisi bangunan. Pencahayaan ke atas koridor menggalakkan penggunaan koridor sebagai ruang perhubungan. Pancaran lampu kuning akan menimbulkan satu suasana lama yang menarik.
 - Bagi kawasan yang luas, cahaya terang perlu digunakan tetapi tidak menyuluh secara langsung ke atas bangunan. Bagi kawasan sepanjang sungai dan kawasan kecil, penggunaan lampu kuning yang lembut sama ada tiang lampu hiasan atau *bollard* berlampu digalakkan. Penggunaan perhiasan lampu yang berbentuk pokok dan berkelip-kelip adalah ditegah sama sekali dalam kawasan pemeliharaan.
- iii. Garis panduan pencahayaan bagi deretan rumah kedai
 - Lampu *spotlight* berjenis kuning merupakan jenis pencahayaan yang dapat mewujudkan suasana hidup ke atas keseluruhan jalan. Kedudukan lampu yang bersesuaian adalah di atas *cornice* dan juga di *column* tingkat bawah. Perletakan lampu harus secara terlindungan.
 - Sementara jalan-jalan yang telah diterangkan, lampu jalan adalah tidak diperlukan supaya tumpuan penglihatan ke atas bangunan tidak terjejas.
 - Perhiasan lampu berwarna-warni di sempadan (*edge*) bumbung adalah tidak digalakkan.
 - Perhiasan lampu di atas jalan yang berbentuk jaluran adalah dihalang secara langsung.

2.6.7 Garis Panduan Peragaan Papan Tanda Pada / Di Kawasan Bangunan Warisan

- i. MPKK perlu mengawal saiz minimum bagi setiap papan tanda dan iklan yang dibenarkan dipasang pada dinding pendua supaya tidak ada bahagian yang terjojol keluar melepasi aras garisan sejajar dengan *overhang* pada bumbung bangunan-bangunan berkenaan.
- ii. Ukuran papan tanda dan iklan perlu diseragamkan bagi memastikan tiada satu-satu iklan yang terlalu menonjol dengan yang lain.
- iii. Tidak dibenarkan diletak di aras bawah bangunan supaya sudut lihatan *streetscape* pada paras pejalan kaki tidak terhalang.
- iv. MPKK perlu mengeluarkan permit secara terhad supaya memastikan kualiti visual tidak begitu *cluttered*.
- v. Kawalan perlu dibuat bagi mencegah pemasangan papan tanda yang besar dan kebenaran boleh dipertimbangkan kepada jenis-jenis yang kecil di bahagian bangunan yang tidak mencemarkan karektor bangunan.
- vi. Nama jalan boleh dipaparkan di bahagian sudut tepi atas *cornice line* di bahagian tingkat kedua bangunan.
- vii. Kebenaran boleh diberikan kepada kegunaan mempromosi barang jualan dengan menggunakan kain rentang yang bersaiz tidak melebihi 50cm (lebar) x 100cm (tinggi) dan diletak di antara 30cm hingga 60cm dari aras lantai. Ianya juga perlu diletak di sisi pintu di kaki lima kedai dan tidak menghalang laluan pejalan kaki.
- viii. Hanya dibenarkan meletak papan tanda di antara *transom panel* dan bahagian atas muka depan kedai seandainya bangunan yang mempunyai dua pintu utama. Panjang papan tanda pula tidak melebihi lebar pintu masuk utama tersebut. Bagi bangunan yang mempunyai ciri-ciri asal di tingkat bawah bangunan (dengan 2 tingkap dan sebuah pintu), hanya dibenarkan meletak papan tanda di bahagian atas pintu masuk dan tidak boleh melebihi lebar pintu masuk.
- ix. Bangunan yang tiada *canopy roof*, panel papan iklan atau huruf-huruf individu di bahagian *frieze* tidak dibenarkan melebihi saiz *frieze* yang terdapat pada bangunan.
- x. Bagi bangunan *style* awal rumah kedai yang mempunyai ketinggian lebih rendah di tingkat atas berbanding bangunan *style* lain, papan tanda dibenarkan untuk diletakkan di bahagian bawah tingkap. Saiz lebar papan tanda hendaklah tidak lebih dari lebar tingkap dan hendaklah diletakkan antara *canopy roof* dan tingkap bangunan.
- xi. Papan tanda yang diletakkan di *party wall*, saiz ketinggian papan iklan (inclusive of the suspension brackets) perlulah tidak melebihi tiang (*shaft*) dan bahagian tiang (*plaster*) ini hanya melibatkan tiang-tiang (*shaft*) yang tidak mempunyai sebarang reka bentuk atau hiasan. Bagi bangunan-bangunan yang mempunyai tiang-tiang (*shaft*) yang mempunyai hiasan dinding, tiada sebarang papan tanda dibenarkan untuk digantung.

2.7 Garis Panudan Kawasan Sensitif Alam Sekitar

Berdasarkan kepada keadaan semasa di Daerah Kuala Kangsar, terdapat 138,161.64 hektar tanah yang dikategorikan sebagai KSAS. Bagi tujuan mengawal pembangunan agar selaras dengan keperluan KSAS, garis panduan khusus yang disediakan adalah seperti berikut:

2.7.1 Garis Panduan Khusus KSAS

Garis panduan khusus bagi KSAS Daerah Kuala Kangsar adalah seperti **Jadual 2.21**.

Jadual 2.21:
Garis Panduan Khusus KSAS Daerah Kuala Kangsar

Kawasan Terlibat	Garis Panduan Kawalan Pembangunan
KSAS Tahap 1 - KSAS Kawasan Bercerun dan KSAS Kawasan Perhutanan	
KSAS Kawasan Bercerun <ul style="list-style-type: none"> • Kelas IV Kecerunan > 35° - Hutan Simpan Dara Korbu <u>Hutan Simpan Dara</u> • HSK Bintang Hijau • HSK Kledang Saiong • HSK Bubu 	<p><u>Kawasan berterren kelas IV iaitu berkecerunan lebih 35° pada mana-mana ketinggian</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak membenarkan sebarang pembangunan perbandaran, pertanian atau pembalakan kecuali pembinaan infrastruktur seperti jalan, terowong, jambatan, telekomunikasi, dan elektrik berkepentingan nasional yang berintensiti rendah setelah mengambilkira pembatasan geoteknikal, geomorfologi, saliran dan lain-lain. • Terhadap kepada kepada aktiviti pelancongan alam semula jadi impak rendah serta penyelidikan dan pendidikan. • Menggunapakai Garis Panduan Kawalan Hakisan dan Kelodakan, JAS, 1996. • Bagi projek-projek yang tertakluk di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987, pihak pemaju hendaklah menyediakan peta geologi terain dan disertakan dalam Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling. Bagi kelas IV, Laporan EIA terperinci perlu disediakan untuk semua projek pembangunan dan mendapat kelulusan dari Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.
KSAS Kawasan Perhutanan <u>Hutan Lipur</u> <ul style="list-style-type: none"> • Hutan Lipur Ulu Kenas 	<ul style="list-style-type: none"> • Sebarang pembangunan mestilah tidak mengubah struktur dan ciri-ciri asal kawasan dan diselia oleh Perhilitan dan Jabatan Perhutanan Negeri. • Dikelaskan kepada hutan lipur dan hutan rekreasi. Kawasan ini mempunyai nilai rekreasi yang tinggi bagi para pelawat hujung minggu, orang berkelah, mereka yang berenang dan rombongan keluarga. • Bagi mengelakkan kerosakan kesan aktiviti pelancongan (kesesakan, sampah-sarap, kerosakan tebing, pemusnahan anak pokok dan sebagainya), pelawat perlu dihadkan kepada sebuah kawasan yang agak kecil, yang akan dapat membataskan tahap kerosakan. • Pelan pengurusan khusus untuk kawasan hutan simpan perlu disediakan untuk menyepadukan semua peruntukan perundangan yang berkaitan dengan kawasan ini. Pelan Pengurusan hendaklah dikemas kini setiap dua

Kawasan Terlibat	Garis Panduan Kawalan Pembangunan
	<p>tahun.</p> <ul style="list-style-type: none"> Juga perlu kepada perancangan dan pengurusan tapak yang terkawal. Ciri-ciri utama pengurusan tapak adalah berkaitan dengan kawalan pelawat iaitu: <ul style="list-style-type: none"> Penyediaan dan pengurusan ruang meletak kenderaan; Kawalan dan pengurusan sampah; Kawalan kerosakan tumbuhan akibat daripada penebangan, dipijak dan dibakar. Sebarang pembangunan perlu mematuhi pelan pembangunan bagi semua hutan lipur di Semenanjung Malaysia yang telah disediakan oleh Jabatan Perhutanan.
KSAS Tahap 2 - KSAS Kawasan Perhutanan dan KSAS Kawasan Bercerun	
<p>KSAS Kawasan Perhutanan <u>Kawasan Hutan Pengeluaran</u> (Kawasan usaha hasil)</p> <ul style="list-style-type: none"> Sebahagian HSK Bubu HSK Bintang Hijau HSK Kledang Saiong HSK Korbu <p>KSAS Kawasan Bercerun</p> <ul style="list-style-type: none"> Kawasan berkecerunan 25 - 35° (Teren Kelas III) 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan sebarang pembangunan perbandaran atau pertanian kecuali pembalakan berimpak rendah dan pengusaha hasilan kayu-kayan di bawah sistem pengurusan memilih atau <i>Selective Management System (SMS)</i>. <p><u>Tanah Tinggi (300m – 1000m)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Boleh dipertimbangkan untuk pembangunan rekreasi berimpak rendah yang tidak melibatkan berdiri struktur pembinaan dan mengambilkira pembatasan geoteknikal, geomorfologi, saliran dan lain-lain. Contohnya boleh dipertimbangkan bagi tapak perkhemahan dan lain-lain aktiviti pemeliharaan. <p><u>Tanah Rendah (bawah 150m) dan Tanah Bukit (150m – 300m)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Pembangunan yang dipertimbangkan: <ul style="list-style-type: none"> Perumahan kepadatan rendah (banglo, semi-D) Komersial sesebuah Pelancongan Institusi Latihan Kemudahan masyarakat bergantung kepada keperluan dan tadahan penduduk. Menggunapakai Garis Panduan Kawalan Hakisan dan Kelodakan, JAS, 1996 Bagi projek-projek yang tertakluk di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987, pihak pemaju hendaklah menyediakan peta geologi terain dan disertakan dalam Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling. Bagi Kelas III, Laporan EIA perlu disediakan untuk semua projek pembangunan.
KSAS Tahap 3 - KSAS Kawasan Bercerun, KSAS Jasad Air (Air Bersih) dan KSAS Bernilai Warisan (Sejarah & Arkeologi)	
<p>KSAS Kawasan Bercerun</p> <ul style="list-style-type: none"> Kawasan berkecerunan 15 – 25° (Teren Kelas II) 	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan terkawal di mana jenis dan intensiti pembangunan dikawal bergantung kepada ciri-ciri halangan serta mengambilkira pembatasan geoteknikal, geomorfologi, saliran dan lain-lain. <p><u>Tanah Rendah (bawah 150m) dan Tanah Bukit (150m – 300m)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Pembangunan yang dipertimbangkan: <ul style="list-style-type: none"> Perumahan berkepadatan sederhana

Kawasan Terlibat	Garis Panduan Kawalan Pembangunan
	<ul style="list-style-type: none"> - Komersial teres - Pejabat (<i>free standing</i>) - Pelancongan - Institusi latihan - Kemudahan masyarakat bergantung keperluan dan tadahan penduduk. <p><u>Tanah Tinggi (300m – 1000m)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Boleh dipertimbangkan untuk pembangunan eko-pelancongan berimpak rendah dan rekreasi pasif: <ul style="list-style-type: none"> - Pelancongan - Kemudahan masyarakat berimpak rendah boleh dipertimbangkan mengikut keupayaan tampungan kawasan. • Menggunapakai Garis Panduan Kawalan Hakisan dan Kelodakan, JAS, 1996; • Bagi projek-projek yang tertakluk di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987, pihak pemaju hendaklah menyediakan peta geologi terain dan disertakan dalam Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling. Bagi Kelas I dan Kelas II, hanya projek pembangunan yang tertakluk di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 perlu disediakan Laporan EIA.
<p>KSAS Jasad Air (Air Bersih)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan tadahan bagi takat pengambilan air. <ul style="list-style-type: none"> - Sg. Dal – Skim Bekalan Air Kuala Kangsar - Sg. Guar – Skim Bekalan Air Manong - Sg. Kangsar – Skim Bekalan Air Kuala Kangsar - Sg. Kuning – Skim Bekalan Air Baru 	<p>Sila rujuk Perkara 2.5 : Garis Panduan Pembangunan Pinggiran Sungai</p>
<p>KSAS Bernilai Warisan (Sejarah & Arkeologi)</p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Tapak Arkeologi</u> <ul style="list-style-type: none"> - Gua Kerbau di Gunung Pondok, Padang Rengas, - Sungai Kerbau di Jalong, Sungai Siput (U) - Gua Baik di Sungai Siput (U). • <u>Tapak Monumen</u> <ul style="list-style-type: none"> - Makam Sultan Ali Al Mukammal Syah di Sayong 	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti pemuliharaan dilaksanakan berdasarkan peruntukan Akta Benda Purba 1976, di samping terdapat juga Akta-akta yang lain iaitu Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, Kanun Tanah Negara 1960, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Pengambilan Tanah 1960 dan Enakmen-enakmen Negeri. • Pemeliharaan monumen lama – bangunan berusia melebihi 100 tahun diwartakan sebagai ‘Monumen Lama dan Tapak Bersejarah’ dan ditegah dari diroboh, diubahsuai dan sebagainya kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah Muzium. • Pemeliharaan arkeologi – setiap penyelidikan atau penggalian arkeologi perlu mendapat kebenaran Ketua Pengarah Muzim supaya aktiviti ini dijalankan oleh mereka yang mempunyai kepakaran. • Pembangunan baru harus bersepadu dengan senibina, ciri, atau rupa bangunan di sekelilingnya.

Kawasan Terlibat	Garis Panduan Kawalan Pembangunan
<ul style="list-style-type: none"> - Makam Sultan Yusuf Ibn Almarhum Sultan Abdullah Muhammad Syah di Sayong - Makam Sultan Mansur Syah di Kota Lama Kanan • <u>Tapak-tapak prasejarah</u> - Makam Diraja, Masjid Ubudiah, Istana Kenangan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengubahan dan / atau tambahan terhadap bangunan tersebut harus dipastikan supaya muka bangunan dan ciri luarannya dikekalkan. • Pembangunan semula yang melibatkan pencerobohan bangunan bernilai harus dipastikan supaya muka bangunan tersebut dan ciri luaran lainnya dikekalkan. • Sekiranya monumen yang dipelihara di bawah Akta Benda Purba dibenarkan untuk pembangunan, ianya perlulah mengikut garis panduan Jabatan Muzium dan Antikuiti dari segi reka bentuk, langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan.

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

2.7.2 Garis Panduan Khusus Kegiatan Akuakultur Mampan (Ternakan Bekas Lombong dan Ternakan Sangkar di Bekas Lombong)

Garis panduan ini disediakan khusus bagi aktiviti akuakultur di Mukim Sungai Siput (U), Mukim Sayong, Mukim Kota Lama Kiri, Mukim Kota Lama Kanan, Mukim Senggang, Mukim Chegar Galah dan Empangan Chenderoh. Garis panduan yang perlu dipatuhi adalah seperti **Jadual 2.22**.

Jadual 2.22:
Garis Panduan Khusus Aktiviti Akuakultur

Kriteria	Garis Panduan Pembangunan
Keperluan EIA	Memerlukan kajian EIA jika melebihi 20.25 hektar (50 ekar).
Kawalan Pembangunan Sekitar	Pembangunan di kawasan sekitar kawasan akuakultur perlu dikawal mengikut kesesuaian. Pembangunan industri dan pelabuhan adalah tidak sesuai bersebelahan dengan zon akuakultur kerana akan mencemarkan punca air yang berhampiran.
Kawasan Yang Digalakkan	Kawasan yang telah dizonkan oleh pihak berkuasa negeri sebagai kawasan pembangunan akuakultur air tawar.
	Kawasan tanah yang terbiar dan tidak produktif tetapi sesuai.
	Kawasan yang tidak menjejaskan aktiviti lain-lain sektor ekonomi yang berdekatan.
	Kawasan yang mempunyai prasarana asas.
Kawasan Yang Tidak Digalakkan	Kawasan yang bermasalah seperti banjir, hakisan, pencemaran, dan sebagainya.
	Kawasan hutan simpan.
Air	Kawasan yang mempunyai bekalan air yang mencukupi dan berterusan tanpa menjejaskan lain-lain aktiviti.
	Kawasan yang mempunyai mutu air yang sesuai.
	Penggunaan air dari punca bawah tanah tidak digalakkan.
Pembinaan Ladang	Penebangan pokok di kawasan ladang hendaklah diminimumkan.
	Zon penanaman perlu disediakan bagi kawasan yang berhampiran dengan sungai atau

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020
Pengurusan dan Pelaksanaan

Kriteria	Garis Panduan Pembangunan
	lain-lain badan air.
	Elakkan hakisan dan pencemaran sumber air semasa pembinaan kolam.
	Elakkan cara pembinaan yang memberi kesan negatif kepada alam sekitar.
Reka Bentuk Ladang	Mempunyai kolam takungan yang sesuai.
	Mempunyai kolam atau kawasan untuk rawatan kumbahan sesuai dengan saiz ladang.
	Mempunyai sistem air masuk dan keluar yang berasingan.
	Bentuk dan saiz kolam hendaklah memudahkan pengurusan air dan ternakan.
	Ladang hendaklah mempunyai kemudahan operasi dan pekerja yang sesuai.
	Reka bentuk ladang hendaklah bercirikan keselamatan dan kebersihan.
	Bagi bekas lombong, empangan, dan tasik yang statik, kelulusan pembangunan sangkar digalakkan tidak melebihi 1 % daripada kawasan.
	Susun atur sangkar sebaik-baiknya tidak melebihi 2 baris bagi memudahkan pengaliran dalam sangkar.
Pengurusan Makanan	Gunakan makanan rumusan yang berkualiti tinggi.
	Bahan aditif hendaklah yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.
	Kadar dan jadual pemberian makanan hendaklah disesuaikan dengan sistem dan peringkat ternakan.
Pengurusan Air	Jika perlu bekalan air hendaklah dirawat sebelum digunakan.
	Air yang berkeladak hendaklah diendapkan terlebih dahulu dalam kolam takungan dalam tempoh yang sesuai.
	Kadar pertukaran air hendaklah disesuaikan dengan peringkat umur ternakan.
	Kaedah pengudaraan air hendaklah sesuai dengan sistem ternakan.
	Penggunaan bahan-bahan rawatan air hendaklah dengan kaedah yang betul.
	Penggunaan air bawah tanah adalah tidak digalakkan.
Keperluan Kualiti Air	Julat pH : 6.5-8.5
	Oksigen Terlarut (DO) : > 3 ppm
	Ammonia Nitrogen (NH ₃ -N) : < 0.5 ppm
	Julat suhu : 25°C – 32°C
	Kandungan Besi : < 1.0 ppm
	Alkaliniti : > 50 ppm CaCO ₃
Pengurusan Sisa Kumbahan	Air kumbahan dari sistem ternakan hendaklah dirawat sebelum dialirkan ke perairan umum.
	Bahan kumbahan hendaklah diletakkan di tempat yang sesuai.

Sumber : Jabatan Perikanan Negeri Perak dan Jabatan Alam Sekitar.

2.7.3 Garis Panduan Khusus Pengurusan Penternakan Ayam

Setiap pengusaha ladang ayam yang mengusahakan lebih daripada 100,000 ekor ayam perlu mendaftarkan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan mematuhi Garis Panduan Ternakan Ayam, Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Selain itu bagi pengurusan penternakan haiwan yang efisien, langkah-langkah berikut perlulah diambil kira seperti **Jadual 2.23**.

Jadual 2.23:
Garis Panduan Khusus Pengurusan Penternakan Ayam

Kriteria	Garis Panduan Pembangunan
Kesesuaian Lokasi	<ul style="list-style-type: none"> • Ternakan ayam secara komersil hanya dibenarkan dengan menggunakan Sistem Tertutup. • Ternakan ayam secara komersil mestilah dijalankan sekurang-kurangnya 3 kilometer dari kawasan perumahan, komersial dan industri. • Segala jenis ternakan haiwan tidak dibenarkan dalam kawasan tadahan air. • Lokasi tapak untuk membangunkan ladang tidak termasuk dalam kawasan struktur perancangan pembangunan daerah atau berhampiran dengan kawasan yang berkemungkinan tinggi akan dibangunkan untuk kepentingan awam. • Lokasi yang mempunyai kemudahan prasarana asas yang baik, sempurna dan mencukupi (perhubungan, jalan raya / jalan ladang, sistem saliran, sumber bekalan air bersih, sistem bekalan elektrik dan sebagainya). • Sekurang-kurangnya 0.20 kilometer dari kawasan pembangunan seperti kawasan perbandaran, perindustrian, pelancongan, penempatan awam dan kemudahan awam. • Ladang tidak dibangunkan berhampiran tasik, kolam dan sebagainya yang selalu disinggahi oleh <i>migratory birds</i>.
Keperluan Sanitasi	<ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa menjaga bersih persekitaran ladang dan premis. • Menyelenggara baik rumput dan tumbuhan di dalam kawasan ladang. • Menyelenggara baik sistem saliran ladang.
Pelupusan Sisa Ladang	<ul style="list-style-type: none"> • Melupuskan dengan segera ayam mati, sarap reban dan sampah. Mengamalkan kaedah pelupusan yang sempurna: ditanam didalam lubang dengan kedalaman yang sesuai, di dalam lubang yang tertutup, dibakar di tempat bertutup, dikompos. • Ayam mati dipungut dan dikendalikan dengan betul bagi mengelakkan kemungkinan menjadi punca perebakan penyakit. • Menentukan kaedah pelupusan ayam mati, sampah, sarap dan lain-lain sisa ladang tidak mencemarkan persekitaran dan kesejahteraan awam. • Menyediakan tempat khas pelupusan sisa ladang jauh dari reban dan sumber air. • Pengolahan sisa buangan untuk menstabilkan najis supaya boleh digunakan (contoh sebagai baja tanaman) tanpa risiko kesihatan/penyakit dan untuk mengurangkan potensi pencemaran di sungai atau saliran. • Pembuatan kompos sebagai satu cara untuk mengawal pencemaran dan memperbaiki keadaan tanah yang berpasir atau tanah liat bagi memberi pengudaraan kepada akar tanaman.

Kriteria	Garis Panduan Pembangunan
	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan sistem lagun untuk pengolahan air bagi mengurangkan bahan pencemar berlaku melalui proses pengekspansian pepejal dan penstabilan bahan organik. Pengeluaran biogas melalui pencernaan anaerobik bagi mengurangkan BOD air buangan dengan hasil utama adalah metana (CH₄) karbon dioksida (CO₂) dan sedikit hidrogen sulfida, nitrogen, hidrogen dan karbon monoksida. Kegunaan Keladi Bunting (<i>eichornia crassipes</i>) bersama sistem lagun merupakan salah satu cara mengurangkan potensi pencemaran dari air buangan dengan mengurangkan kadar BOD air buangan disamping boleh digunakan sebagai makanan ternakan, atau dikomposkan bersama-sama dengan najis ternakan.
Kawalan Lalat	<ul style="list-style-type: none"> Mengambil langkah-langkah supaya tahap infestasi lalat diladang di paras minimum. Program kawalan lalat diwujudkan dan melaksanakannya dengan betul. Memantau infestasi lalat disemua peringkat pemeliharaan secara berkala dan merekod dengan lengkap. Indeks lalat (menggunakan <i>scuder fly grill</i>) mesti tidak lebih dari 10. Mengambil langkah kawalan jika indeks infestasi melebihi indeks ini.
Kawalan Bau	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan langkah-langkah supaya tahap bau di ladang yang terkawal dan tidak mengganggu kesejahteraan persekitaran pada setiap masa. Mengambil tindakan sewajarnya dengan segera segala perkara yang boleh menjadi punca bau busuk di ladang dan persekitaran.
Kawalan Habuk	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan udara yang disedut keluar dari reban tertutup tidak mencemarkan udara dan mengganggu kawasan persekitaran.
Pencemaran Bunyi	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan tahap bunyi dari aktiviti perladangan dan kelengkapan yang digunakan tidak mengganggu kesejahteraan awam di sekitar.

Sumber : Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak dan Jabatan Alam Sekitar.

2.7.3 Garis Panduan Khusus Pembangunan Empangan Chenderoh

Empangan Chenderoh sebagai pusat bekalan air setempat hendaklah dikekalkan bagi menjamin bekalan air bersih. Semua badan air semula jadi dan buatan penting dalam mengekalkan kitaran hidrologi. Garis panduan khusus bagi pembangunan sekitar Empangan Chenderoh adalah seperti **Jadual 2.24**.

Jadual 2.24:
Garis Panduan Khusus Bagi Pembangunan Sekitar Empangan Chenderoh

Kriteria	Garis Panduan Pembangunan
Kawasan Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Tidak membenarkan sebarang pembangunan perbandaran, kemudahan infrastruktur, aktiviti pembalakan dan pertanian di dalam kawasan tadahan air empangan. Zon penampungan perlu disediakan sekurang-kurangnya 500m dari Empangan Chenderoh. Kajian EIA perlu diadakan sekiranya terdapat pembangunan di kawasan hulu Empangan Chenderoh bagi memastikan kuantiti air lembangan Sg. Perak tidak tejejas.

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020
Pengurusan dan Pelaksanaan

Kriteria	Garis Panduan Pembangunan
Aktiviti eko-pelancongan dan aktiviti rekreasi	<ul style="list-style-type: none">• Aktiviti eko-pelancongan dan aktiviti rekreasi boleh dipertimbangkan dengan:<ul style="list-style-type: none">- Kawalan kebersihan alam sekitar yang ketat dan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan sedia ada- Kualiti air dikekalkan di antara Kelas I dan II mengikut Piawaian Interim Kualiti Air.• Bagi melindungi kawasan ini, kegiatan yang boleh dan tidak boleh dilakukan digariskan mengikut Pelan Eko-pelancongan Malaysia (Garis Panduan No. 6), Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Kerajaan Malaysia,(1997).• Kegiatan yang dibenarkan<ul style="list-style-type: none">- Memerhati burung- Fotografi- Memerhati hidupan liar- Pendidikan alam semula jadi- Berkhemah- Memancing• Kegiatan yang tidak dibenarkan<ul style="list-style-type: none">- Kegiatan yang mencemar air- Memotong tumbuhan di tepi air- Berkayak- Memandu bot- Berenang- Sebarang kegiatan yang dilarang tertakluk kepada undang-undang dan peraturan sedia ada.

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Kerajaan Malaysia, 1997.

2.7.4 Garis Panduan Umum (Kawalan Pencemaran Alam Sekitar)

Selain garis panduan khusus, garis panduan umum turut disediakan seperti **Jadual 2.25** yang menjelaskan mengenai kawalan pencemaran alam sekitar di Daerah Kuala Kangsar.

Jadual 2.25:
Garis Panduan Umum Kawalan Pencemaran Alam Sekitar

Jenis Pencemaran	Kawalan Pencemaran
Air	<ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi peraturan-peraturan untuk mengawal pencemaran air yang telah ditetapkan di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) & Peraturan-peraturan Dan Perintah-Perintah :- <ul style="list-style-type: none"> - Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) (Pindaan) 1982; - Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) (Pindaan)1980; - Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009; dan - Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin) (Pindaan) 1994. • Mematuhi Garis Panduan Perletakan dan Pengezonan Industri yang dikeluarkan oleh JAS, 1994 bagi penempatan industri. • Mengguna pakai Garis Panduan Pencegahan Dan Kawalan Hakisan Tanah dan Pengelodakan yang dikeluarkan oleh JAS bagi setiap pembangunan yang dijalankan. • Berdasarkan kepada peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, melalui Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, semua air sisa kumbahan yang dilepaskan hendaklah memenuhi Piawai A untuk pelepasan ke pengairan daratan dalam kawasan tadahan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat atau Piawai B untuk pelepasan ke mana-mana pengairan daratan yang lain.
Udara	<ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi peraturan-peraturan untuk mengawal pencemaran udara yang telah ditetapkan di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) & Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah: <ul style="list-style-type: none"> - Peraturan-peraturan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) (Pindaan) 2000; - Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum dalam Gasolin Motor) 1985; - Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Larangan ke atas Penggunaan Klorofluorokarbon dan Lain-lain Gas Sebagai Propelan dan Agen Pengembang) 1993; - Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996; - Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol)

Jenis Pencemaran	Kawalan Pencemaran
	<p>1996;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999; - Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Halon) 1999; - Kaedah-kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2000; - Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) (Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000; - Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) (Pengurusan Halon) 2000; - Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003; - Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003; - Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Dioksin Dan Furan) 2004; dan - Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) 2007. <ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi Garis Panduan Perletakan dan Pengezonan Industri yang dikeluarkan oleh JAS, 1994 bagi penempatan industri. <ul style="list-style-type: none"> - Pembakaran secara terbuka adalah dilarang dan syarat-syarat bagi pembakaran mestilah berpandukan kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003.
Bunyi	<ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi peraturan-peraturan untuk mengawal pencemaran bunyi yang telah ditetapkan di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) & Peraturan-peraturan Dan Perintah-Perintah: <ul style="list-style-type: none"> - Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. • Mematuhi Garis Panduan Perletakan dan Pengezonan Industri yang dikeluarkan oleh JAS bagi penempatan industri. • Mengguna pakai Garis Panduan Perancangan Had Bunyi Persekitaran dan Kawalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2004 yang memperincikan paras bunyi maksimum untuk sesebuah projek yang dirancang. • Saranan paras bunyi setara maksimum yang dibenarkan (Leq) terhadap guna tanah penerima untuk tujuan perancangan dan pembangunan baru adalah seperti berikut:

Jenis Pencemaran	Kawalan Pencemaran		
	Leq maksimum yang dibenarkan terhadap guna tanah untuk perancangan dan pembangunan baru di Malaysia		
	Kategori Guna Tanah	Waktu Siang 7.00 pagi – 10.00 malam dB(A)	Waktu Malam 10.00 malam – 7.00 pagi dB(A)
	Kawasan sensitif bunyi, kawasan penempatan berketumpatan rendah, institusi (sekolah, hospital), kawasan keagamaan (masjid, kuil, dsb)	50	40
	Kawasan penempatan subperbandaran (berketumpatan sederhana), kawasan awam, taman, dan kawasan rekreasi	55	45
	Kawasan penempatan perbandaran (berketumpatan tinggi), kawasan pembangunan bercampur yang digazetkan (penempatan komersil)	60	50
	Zon komersial komersil	65	55
	Zon industri yang digazetkan	70	60
	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk pembangunan baru dalam kawasan sedia ada yang menerima persekitaran paras bunyi yang tinggi, paras bunyi setara maksimum yang dibenarkan di lokasi penerima tidak boleh melampaui had bunyi berikut: 		

Jenis Pencemaran	Kawalan Pencemaran		
	Leq maksimum yang dibenarkan untuk pembangunan baru (jalan raya, landasan keretapi, industri) di kawasan sedia ada di Malaysia		
	Kategori Guna Tanah	Waktu Siang 7.00 pagi – 10.00 malam dB(A)	Waktu Malam 10.00 malam – 7.00 pagi dB(A)
	Kawasan sensitif bunyi, kawasan penempatan berketumpatan rendah	$L_{90} + 10$	$L_{90} + 5$
	Kawasan penempatan subperbandaran dan perbandaran	$L_{90} + 10$	$L_{90} + 5$
	Komersial, komersial	$L_{90} + 10$	$L_{90} + 10$
	Industri	$L_{90} + 10$	$L_{90} + 10$
	* L_{90} adalah paras bunyi 90 % yang diukur pada jangka masa tertentu di tempat sedia ada yang dikehendaki, tanpa kehadiran pembangunan yang dirancang.		
	<ul style="list-style-type: none"> • Had paras bunyi setara yang disarankan daripada lalu lintas untuk cadangan pembangunan jalan raya baru dan/atau pembangunan semula jalan sedia ada ditunjukkan seperti berikut: 		
	Leq yang dihadkan daripada lalu lintas (untuk cadangan jalan raya baru dan / atau pembangunan semula jalan raya sedia ada) di Malaysia		
	Kategori Guna Tanah	Waktu Siang 7.00 pagi – 10.00 malam dB(A)	Waktu Malam 10.00 malam – 7.00 pagi dB(A)
	Kawasan sensitif bunyi, kawasan penempatan berketumpatan rendah	55	50
	Kawasan penempatan subperbandaran (berketumpatan sederhana)	60	55
	Kawasan penempatan perbandaran (berketumpatan tinggi)	65	60
	Komersial, komersial	70	60
	Industri	75	65
	<ul style="list-style-type: none"> • Mengguna pakai Garis Panduan Pelabelan Bunyi dan Had Pelepasan untuk Sumber Luar Bangunan yang dikeluarkan oleh JAS pada tahun 2004 untuk memperincikan secara komprehensif paras kuasa bunyi maksimum dari sumber luaran yang dibenarkan di persekitaran ambien seperti jengkaut, mesin janakuasa dan sebagainya. 		

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

TIGA

PENILAIAN KEMAMPAHAN

Penilaian kemampuan (SA) akan terlibat secara berterusan untuk memberikan maklumbalas tentang kesesuaian cadangan kepada objektif kemampuan yang digariskan. Penilaian keserasian objektif kemampuan dengan cadangan-cadangan RT Daerah Kuala Kangsar akan dijalankan bagi memastikan semua cadangan yang dikemukakan tidak bercanggah dengan objektif pembangunan yang dibentuk.

Setiap cadangan dinilai dari segi kemungkinan memberi impak positif atau negatif kepada objektif kemampuan.

Hasil akhir merupakan Laporan Pengurusan Kemampuan untuk menilai implikasi serta langkah-langkah mitigasi untuk meminimakan kesan negatif yang timbul berikutan dengan pelaksanaan cadangan-cadangan pembangunan.

3.1 Pengenalan

Penilaian Kemampunan (SA) disediakan di dalam Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar bertujuan menjadikan pendekatan kajian lebih sistematik, menyeluruh dan bersepadu. Analisis penilaian kemampunan ini akan mengambil kira serta mempertimbangkan ke semua aspek pembangunan yang berkenaan untuk memperelokkan lagi sesuatu perancangan atau program pembangunan agar mencapai keseimbangan di antara keperluan fizikal, alam sekitar, ekonomi dan sosial. Ini seterusnya akan membawa kepada pencapaian kemampunan dan pencapaian Matlamat pembangunan Daerah Kuala Kangsar seperti berikut:

**MENJADIKAN DAERAH KUALA KANGSAR SEBAGAI DAERAH WARISAN BERFOKUSKAN BANDAR KUALA KANGSAR
BANDAR DIRAJA YANG DISOKONG OLEH PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL YANG MAMPAN**

3.2 Pendekatan Kajian

3.2.1 Peringkat 1 : Penyediaan Laporan Awal

Penilaian Kemampunan (SA) merumuskan kerangka dasar pembangunan yang telah dirangka di peringkat awal iaitu peringkat pelawaan perunding. Pada peringkat ini mengandungi:

- **Penentuan Isu Kemampunan dan Objektif Kemampunan**
Isu-isu strategik semasa yang dibangkitkan melalui sesi rundingan awam (FGD) dan isu-isu awalan yang dikemukakan oleh pasukan kajian akan dinilai berdasarkan aspek ekonomi, sosial, fizikal dan alam sekitar. Semua isu-isu kemampunan ini akan dinilai dengan objektif kemampunan yang dibangkitkan. Sebahagian isu-isu ini terbentuk oleh isu-isu utama dan isu sokongan yang mungkin berpunca dari satu penyebab/masalah utama. Untuk itu beberapa isu di dalam kelompok yang sama akan digabungkan di bawah satu objektif kemampunan. Kriteria penilaian akan disediakan berasaskan kepada isu kemampunan dan objektif kemampunan kajian yang hendak dicapai. Kriteria kemampunan ini akan digunakan di dalam proses membuat perancangan-perancangan awal bersandarkan kepada penyelesaian isu dan pencapaian matlamat kemampunan.
- **Analisis Indikator Kemampunan**
Satu set indikator kemampunan telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa yang digunapakai oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) bagi memantau pencapaian kemampunan di PBT. Diperingkat ini, penilaian ke atas indikator penilaian kemampunan awalan disediakan dan penambahbaikan serta cadangan indikator yang dijangka sesuai digunapakai didalam kajian berasaskan isu kemampunan yang berkaitan di kawasan MPKK. Senarai maklumat berkaitan indikator yang dibuat ke atas petunjuk mampan bandar (MURNInet) MPKK serta indikator di dalam RSN Perak dijadikan asas kepada tahap pencapaian semasa kawasan kajian.
- **Penilaian Keserasian Objektif Pembangunan dengan Objektif Kemampunan**
Objektif Rancangan Tempatan yang digariskan akan dinilai keserasiannya dengan objektif kemampunan kajian melalui kaedah analisis *compatibility matrix*. Proses ini menjadi asas untuk memantapkan objektif Rancangan Tempatan dengan justifikasi yang jelas bagi membentuk hala tuju perancangan dan pembangunan RT di kawasan pentadbiran MPKK .


3.2.2 Peringkat 2 : Penyediaan Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan

Diperingkat ini, isu kemampunan strategik yang ditemui di dalam kajian ini menjadi asas kepada bentuk dan jenis pengumpulan maklumat serta analisis yang digunakan. Hasil penemuan akan menentukan status kemampunan semasa. Sasaran pencapaian RT akan disediakan dengan menentukan indikator sasaran dan jurang antara status semasa dan sasaran yang di kenalpasti. Dengan penemuan yang diperolehi, kajian akan menyediakan cadangan-cadangan awal serta konsep dan strategi pembangunan. Penilaian kepada konsep dan strategi pembangunan akan dilakukan bagi memastikan ianya selari dan selaras dengan objektif kemampunan. Kaedah matriks akan digunakan bagi tujuan ini. Hasil penilaian ini akan menentukan strategi pembangunan yang berkemungkinan berkonflik dengan objektif kemampunan yang digariskan. Cadangan awal strategik pembangunan yang berkonflik akan dipinda bagi mengekalkan mana-mana cadangan awal strategik yang berkonflik, justifikasi yang jelas dan langkah-langkah mitigasi yang perlu digariskan.

3.2.3 Peringkat 3 : Penyediaan Laporan Draf Rancangan Tempatan

Pada peringkat terakhir ini, cadangan-cadangan Rancangan Tempatan akan disediakan oleh pasukan kajian. Sepanjang proses memuktamadkan cadangan Rancangan Tempatan, SA akan terlibat secara berterusan untuk memberi maklumbalas kepada perunding tentang kesesuaian cadangan pembangunan kepada objektif kemampunan yang digariskan. Kaedah matriks akan digunakan bagi tujuan ini. Laporan Pengurusan Kemampunan akan dibentuk untuk menilai implikasi serta langkah-langkah mitigasi bagi meminimalkan kesan negatif yang timbul berikutan dengan pelaksanaan cadangan-cadangan pembangunan. Sehubungan dengan ini, sasaran pemantauan pencapaian sasaran indikator juga dikemukakan untuk tujuan pemantauan agar kawasan kajian akan mencapai matlamat pembangunan mampan seperti yang disarankan.

Rajah 3.1:
Metodologi Peringkat Penyediaan Penilaian Kemampanan



3.3 Isu-isu Kemampanan

Isu-isu kemampanan yang telah dibentuk di peringkat laporan awal dinilai semula berdasarkan kepada penemuan analisis bagi setiap kajian sektoral. Setiap isu tersebut dianalisis dengan menilai sama ada isu yang dinyatakan merupakan penyebab kepada permasalahan lain atau ianya merupakan akibat daripada permasalahan lain semasa di peringkat Laporan Awal. Pada peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan terdapat enam isu kemampanan yang dikenalpasti bertindan dan digabungkan menjadi dua isu kemampanan (Jadual 3.1). Selain itu, terdapat dua isu digugurkan seperti ditunjukkan di dalam jadual 3.2. Secara keseluruhannya isu-isu kemampanan telah berkurangan iaitu daripada 36 isu yang telah dikenalpasti semasa peringkat Laporan Awal kepada 30 isu baru di peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan.

Jadual 3.1:
Cadangan Penggabungan Isu-isu Kemampanan

Sektor / Kod	Isu Kemampanan	Cadangan Penyataan Isu	Cadangan Objektif Kemampanan
EKONOMI			
E4	Kekurangan aktiviti ekonomi mengakibatkan penghijrahan (migrasi) keluar penduduk	Kekurangan aktiviti ekonomi dan kelemahan memaksimumkan potensi sumberjaya yang ada mengakibatkan penghijrahan (migrasi) keluar penduduk	Peningkatan dan pengukuhan aktiviti ekonomi daerah melalui pelbagai sumberjaya yang berpotensi dimajukan
E5	Keperluan pengukuhan asas ekonomi daerah melalui pelbagai sumberjaya yang berpotensi dimajukan		
S6	Keperluan penyediaan kemudahan bekalan air dan elektrik serta infrastruktur sokongan yang efisien dan menyeluruh untuk menjamin kualiti kehidupan penduduk	Tahap penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang rendah dan tidak menyeluruh	Peningkatan tahap penyediaan infrastruktur dan utiliti yang efisien dan menyeluruh
S7	Keperluan penyediaan sistem pembentungan yang lebih efisien dan menyeluruh terutama dari segi penyediaan sistem pembentungan berpusat		
S8	Keperluan penyediaan kemudahan telekomunikasi dan ICT yang efisien dan menyeluruh serta peningkatan pelaksanaan projek jalur lebar di Kuala Kangsar		
S9	Keperluan untuk sistem pengurusan sisa pepejal yang lebih berkesan dari segi kutipan, pengangkutan dan pelupusan		

Jadual 3.2:
Cadangan Pengguguran Isu-isu Kemampanan

Sektor / Kod	Isu Kemampanan	Catatan
SOSIAL		
S5	Potensi pembangunan tanah lapang terbiar dan kawasan semak samun sebagai kawasan rekreasi terutama di luar bandar	Potensi ini bukan merupakan suatu isu kerana tiada keperluan mendesak mewujudkan kawasan rekreasi buatan di luar bandar
FIZIKAL		
F12	Potensi pembangunan Tanah Rizab Melayu (TRM) di kawasan bandar dan pinggir bandar kesan daripada limpahan pembangunan bandar tersebut.	Potensi ini bukan merupakan isu kerana pembangunan kesan daripada limpahan pembangunan bandar tidak mempunyai kaitan yang tinggi dengan sekatan kepentingan ke atas hak milik seperti Tanah Rizab Melayu

Sehubungan itu, Jadual 3.3 menunjukkan cadangan isu-isu kemampanan secara keseluruhan mengikut sektor iaitu ekonomi, sosial, alam sekitar dan sektor fizikal. Jadual tersebut jelas menunjukkan terdapat 7 isu kemampanan di sektor ekonomi, 6 isu kemampanan di sektor sosial, 4 isu kemampanan di sektor alam sekitar dan 13 isu kemampanan fizikal.

Jadual 3.3:
Cadangan Isu-isu Kemampanan Mengikut Kategori Selepas Pindaan

Isu Kemampanan	Kod
EKONOMI	
1. Kekurangan kemudahan sokongan pelancongan menyumbang kepada jumlah kemasukan pelancong yang rendah	E1
2. Kuala Kangsar mempunyai pelbagai aset pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan	E2
3. Pemasaran produk pelancongan yang lemah menyumbang kepada jumlah pelancong bermalam yang rendah	E3
4. Kekurangan aktiviti ekonomi dan kelemahan memaksimumkan potensi sumberjaya yang ada mengakibatkan penghijrahan (migrasi) keluar penduduk	E4
5. Ketidakseimbangan pembangunan perdagangan di rangkaian pusat petempatan sedia ada	E5
6. Kedudukan daerah di luar koridor utama perindustrian negeri menyumbang kepada tahap pembangunan perindustrian yang tidak menggalakkan	E6
7. Keperluan peningkatan pendapatan MPKK dan pengukuhan jentera pentadbiran untuk meningkatkan keupayaan pelaksanaan projek-projek pembangunan daerah	E7
SOSIAL	
1. Kekurangan perumahan kos rendah dan mampu milik menyumbang kepada jumlah pemilikan rumah yang rendah terutama bagi golongan kurang berkemampuan	S1
2. Tahap penyediaan kemudahan masyarakat yang rendah dan tidak menyeluruh	S2

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020
Pengurusan dan Pelaksanaan

Isu Kemampanan	Kod
3. Keperluan peningkatan kemudahan dan penyediaan kemudahan yang mesra alam di kawasan rekreasi	S3
4. Keperluan peningkatan penyediaan kemudahan rekreasi yang pelbagai untuk semua golongan	S4
5. Tahap penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang rendah dan tidak menyeluruh	S5
6. Keperluan penyediaan kemudahan golongan kurang upaya (OKU) terutama di pusat-pusat bandar	S6
ALAM SEKITAR	
1. Ancaman banjir terhadap aktiviti fizikal , ekonomi dan sosial masyarakat	AS1
2. Keperluan pemeliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) untuk mengurangkan risiko bencana	AS2
3. Kekurangan kawalan aktiviti mencemarkan di sepanjang sungai menjejaskan kualiti air sungai	AS3
4. Pencemaran udara di Daerah Kuala Kangsar disebabkan oleh aktiviti kilang simen	AS4
FIZIKAL	
1. Tahap kemudahan yang rendah disebabkan oleh jaringan jalan raya yang kurang menyeluruh	F1
2. Sistem pengurusan lalu lintas yang lemah mengakibatkan kesesakan lalu lintas terutama di pusat bandar	F2
3. Tahap penyediaan pengangkutan awam dan infrastruktur sokongan yang rendah dan kurang menyeluruh	F3
4. Pembangunan yang hanya tertumpu di kawasan tertentu sahaja menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan pembangunan fizikal	F4
5. Kekurangan institusi pendidikan peringkat menengah dan tinggi menyukarkan keperluan untuk menterjemahkan Kuala Kangsar sebagai 'Bandar Ilmu'	F5
6. Keperluan untuk memperkukuhkan Kuala Kangsar sebagai 'Bandar DiRaja'	F6
7. Tiada perancangan reka bentuk bandar yang kukuh bagi pusat-pusat bandar utama dan pusat-pusat petempatan kecil selaras dengan fungsi dan matlamat pembangunan daerah sebagai daerah pembangunan Di Raja dan warisan	F7
8. Keperluan pemeliharaan bangunan warisan dan bangunan yang berpotensi untuk dikekalkan	F8
9. Potensi pembangunan Sungai Perak sebagai pembangunan pesisiran sungai yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi, sosial, fizikal dan alam sekitar daerah	F9
10. Tekanan pembangunan terutama bagi tanah-tanah pertanian dan petempatan-petempatan desa yang terletak berhampiran pusat-pusat petempatan utama/ kawasan perbandaran menyebabkan berlakunya perubahan guna tanah dan menyumbang kepada kekurangan kawasan pertanian	F10
11. Keperluan peningkatan elemen landskap di kawasan petempatan	F11
12. Keperluan penyediaan rangkaian pejalan kaki dan tempat letak kereta yang sistematik dan selamat di kawasan perbandaran	F12
13. Tiada sempadan pusat bandar yang jelas bagi pusat-pusat petempatan utama (Kuala Kangsar dan Sungai Siput (U)).	F13

3.4 Objektif Kemampanan

Bagi objektif kemampanan pula, hasil penilaian yang dibuat terhadap isu-isu kemampanan mendapati, satu objektif kemampanan asal ketika Laporan Awal digugurkan diperingkat laporan ini. Oleh itu jumlah keseluruhan iaitu 30 berbanding 31 (Jadual 3.4). Cadangan Objektif Kemampanan (OK) di peringkat kajian ini ditunjukkan seperti Jadual 3.5.

**Jadual 3.4:
Pengguguran Objektif Kemampanan**

Sektor / Kod	Objektif Kemampanan	Catatan
FIZIKAL		
OK 29	Meningkatkan potensi pembangunan Tanah Rezab Melayu	Objektif ini digugurkan setelah isu F12 digugurkan sebagai isu kemampanan.

**Jadual 3.5 :
Cadangan Objektif Kemampanan Setelah Pindaan**

Isu Kemampanan	Objektif Kemampanan	Kod
EKONOMI		
1. Kekurangan kemudahan sokongan pelancongan menyumbang kepada jumlah kemasukan pelancong yang rendah (E1)	Peningkatan tahap penyediaan kemudahan sokongan pelancongan	OK1
2. Kuala Kangsar mempunyai pelbagai aset pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan (E2)	Pembangunan aset pelancongan yang pelbagai serta memaksimumkan potensinya	OK2
3. Pemasaran produk pelancongan yang lemah menyumbang kepada jumlah pelancong bermalam yang rendah (E3)	Peningkatan pemasaran produk pelancongan	OK3
4. Kekurangan aktiviti ekonomi dan kelemahan memaksimumkan potensi sumberjaya yang ada mengakibatkan penghijrahan (migrasi) keluar penduduk (E4)	Peningkatan dan pengukuhan aktiviti ekonomi daerah melalui pelbagai sumberjaya yang berpotensi dimajukan	OK4
5. Ketidakseimbangan pembangunan perdagangan di rangkaian pusat petempatan sedia ada (E5)	Mewujudkan keseimbangan pembangunan perdagangan di rangkaian pusat petempatan sedia ada	OK5
6. Kedudukan daerah di luar koridor utama perindustrian negeri menyumbang kepada tahap pembangunan perindustrian yang tidak menggalakkan (E6)	Peningkatan tahap pembangunan perindustrian	OK6
7. Keperluan peningkatan pendapatan MPKK dan pengukuhan jentera pentadbiran untuk meningkatkan keupayaan pelaksanaan projek-projek pembangunan daerah (E7)	Peningkatan pendapatan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) dan pengukuhan jentera pentadbiran	OK7
SOSIAL		
8. Kekurangan perumahan kos rendah dan mampu milik menyumbang kepada jumlah pemilikan rumah yang rendah terutama bagi golongan kurang berkemampuan (S1)	Peningkatan penyediaan perumahan kos rendah dan mampu milik	OK8
9. Tahap penyediaan kemudahan masyarakat yang rendah dan tidak menyeluruh (S2)	Peningkatan tahap penyediaan kemudahan masyarakat	OK9

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020
Pengurusan dan Pelaksanaan

Isu Kemampanan	Objektif Kemampanan	Kod
10. Keperluan peningkatan kemudahan dan penyediaan kemudahan yang mesra alam di kawasan rekreasi (S3)	Peningkatan tahap kemudahan ke kawasan rekreasi khususnya kawasan rekreasi semulajadi	OK10
11. Keperluan peningkatan penyediaan kemudahan rekreasi yang pelbagai untuk semua golongan (S4)	Peningkatan penyediaan kemudahan rekreasi yang pelbagai untuk semua golongan	OK11
12. Tahap penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang rendah dan tidak menyeluruh (S5)	Peningkatan tahap penyediaan infrastruktur dan utiliti yang efisien dan menyeluruh	OK12
13. Keperluan penyediaan kemudahan golongan kurang upaya (OKU) terutama di pusat-pusat bandar (S6)	Peningkatan tahap penyediaan kemudahan OKU terutama di pusat-pusat bandar	OK13
ALAM SEKITAR		
14. Ancaman banjir terhadap aktiviti fizikal, ekonomi dan sosial masyarakat (AS1)	Pengurangan ancaman banjir	OK14
15. Keperluan pemeliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) untuk mengurangkan risiko bencana (AS2)	Pemeliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	OK15
16. Kekurangan kawalan aktiviti mencemarkan di sepanjang sungai menjejaskan kualiti air sungai (AS3)	Peningkatan kualiti air sungai	OK16
17. Pencemaran udara di daerah Kuala Kangsar disebabkan oleh aktiviti kilang simen (AS 4)	Peningkatan kualiti udara	OK17
FIZIKAL		
18. Tahap kemudahan yang rendah disebabkan oleh jaringan jalan raya yang kurang menyeluruh (F1)	Peningkatan tahap kemudahan	OK18
19. Sistem pengurusan lalu lintas yang lemah mengakibatkan kesesakan lalu lintas terutama di pusat bandar (F2)	Peningkatan sistem pengurusan lalu lintas	OK19
20. Tahap penyediaan pengangkutan awam dan infrastruktur sokongan yang rendah dan kurang menyeluruh (F3)	Peningkatan tahap penyediaan pengangkutan awam dan infrastruktur sokongan	OK20
21. Pembangunan yang hanya tertumpu di kawasan tertentu sahaja menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan pembangunan fizikal (F4)	Mewujudkan keseimbangan pembangunan fizikal	OK21
22. Kekurangan institusi pendidikan peringkat menengah dan tinggi menyukarkan keperluan untuk menterjemahkan Kuala Kangsar sebagai 'Bandar Ilmu' (F5)	Peningkatan kemudahan pendidikan peringkat menengah dan tinggi	OK22
23. Keperluan untuk memperkukuhkan Kuala Kangsar sebagai 'Bandar Di Raja' (F6)	Pengukuhan Kuala Kangsar sebagai 'Bandar Di Raja'	OK23
24. Tiada perancangan reka bentuk bandar yang kukuh bagi pusat-pusat bandar utama dan pusat-pusat petempatan kecil selaras dengan fungsi dan matlamat pembangunan daerah sebagai daerah pembangunan Di Raja dan warisan (F7)	Peningkatan imej dan identiti pusat-pusat bandar utama dan pusat-pusat petempatan kecil	OK24
25. Keperluan pemeliharaan bangunan warisan dan bangunan yang berpotensi untuk dikekalkan (F8)	Pemeliharaan bangunan warisan dan bangunan yang berpotensi untuk dikekalkan	OK25
26. Potensi pembangunan Sungai Perak sebagai pembangunan pesisiran sungai yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi, sosial, fizikal dan alam sekitar daerah (F9)	Meningkatkan potensi pembangunan Sungai Perak	OK26

Isu Kemampanan	Objektif Kemampanan	Kod
27. Tekanan pembangunan terutama bagi tanah-tanah pertanian dan petempatan-petempatan desa yang terletak berhampiran pusat-pusat petempatan utama/ kawasan perbandaran menyebabkan berlakunya perubahan guna tanah dan menyumbang kepada kekurangan kawasan pertanian (F10)	Menguruskan tekanan pembangunan ke atas tanah-tanah pertanian dan petempatan desa dengan berkesan	OK27
28. Keperluan peningkatan elemen landskap di kawasan petempatan (F11)	Peningkatan elemen landskap di kawasan petempatan	OK28
29. Keperluan penyediaan rangkaian pejalan kaki dan tempat letak kereta yang sistematik dan selamat di kawasan perbandaran (F12)	Peningkatan tahap penyediaan rangkaian pejalan kaki dan tempat letak kereta (TLK) yang sistematik dan selamat	OK29
30. Tiada sempadan pusat bandar yang jelas bagi pusat-pusat petempatan utama (Kuala Kangsar dan Sungai Siput (U) (F13)	Mewujudkan sempadan pusat bandar yang jelas	OK30

3.5 Penilaian Keserasian Strategi Pembangunan Dengan Objektif Kemampanan

Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar telah mencadangkan strategi awalan bagi membangunkan Daerah Kuala Kangsar. Strategi ini diterjemahkan melalui lima teras yang dijangka akan memberi kesan secara langsung terhadap pembangunan ekonomi, sosial, alam sekitar dan juga fizikal iaitu ;

TERAS 1 – PEMBANGUNAN FIZIKAL DAERAH KUALA KANGSAR TERANCANG DAN BESTARI

TERAS 2 – PEMBANGUNAN EKONOMI BERDAYA SAING BERASASKAN PELANCONGAN DAN PERTANIAN

**TERAS 3 – MODAL INSAN BERKUALITI DAN MASYARAKAT SEJAHTERA BERLANDASKAN KEUNGGULAN
PENDIDIKAN DAERAH KUALA KANGSAR**




TERAS 4 – PENGUKUHAN IMEJ DAN IDENTITI BANDAR DIRAJA NEGERI PERAK

TERAS 5 – PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR MAMPAN BERDASARKAN ASET SEDIA ADA

Strategi awalan ini dianalisis dengan objektif kemampanan dengan menggunakan kaedah matrik penilaian. Tujuannya ialah untuk melihat sama ada strategi awalan yang dibentuk mempunyai keserasian atau impak positif, neutral atau berkemungkinan konflik. Sekiranya terdapat konflik atau impak negatif maka penilaian terhadap strategi tersebut perlu dilakukan.

Penilaian keserasian antara 30 objektif kemampanan dengan lima teras strategi pembangunan bagi Daerah Kuala Kangsar menunjukkan bahawa setiap teras tersebut menunjukkan keserasian atau memberikan impak positif terhadap objektif kemampanan yang ditetapkan. Sungguhpun begitu, terdapat juga strategi-strategi yang tidak memberikan kesan positif atau negatif terhadap beberapa objektif kemampanan.

Berikut adalah petunjuk mengikut warna bagi membezakan impak positif, negatif atau tiada kaitan seperti berikut:

-  Serasi/Impak Positif
-  Konflik/Impak Negatif
-  Neutral/tiada kaitan langsung

Penilaian keserasian bagi strategi-strategi mengikut teras yang digariskan dengan objektif-objektif kemampanan ditunjukkan seperti Jadual 3.6.

Jadual 3.6:
Matrik Penilaian Strategi Awal Pembangunan Dengan Objektif Kemampanan

Strategi Pembangunan	Objektif Kemampanan (OK)																														
	OK1	OK2	OK3	OK4	OK5	OK6	OK7	OK8	OK9	OK10	OK11	OK12	OK13	OK14	OK15	OK16	OK17	OK18	OK19	OK20	OK21	OK22	OK23	OK24	OK25	OK26	OK27	OK28	OK29	OK30	
1. PEMBANGUNAN FIZIKAL DAERAH KUALA KANGSAR TERANCANG DAN BESTARI																															
Memperkuhkan pembangunan di kawasan tumpuan mengikut hierarki dan fungsi petempatan bagi meningkatkan tahap pembangunan ekonomi, fizikal dan sosial.																															
Mengawal serakan pembangunan secara bertumpu bagi meningkatkan tahap kemampanan Daerah Kuala Kangsar.																															
Memastikan penyediaan infrastruktur dan utiliti bestari bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk dan menggalakkan pembangunan ekonomi daerah.																															
Mempertingkatkan perhubungan ke seluruh daerah bagi menjayakan perancangan guna tanah masa hadapan.																															
Menyediakan kemudahan perhubungan dan pengangkutan yang efisien bagi meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti penduduk serta menarik kemasukan pelabur, dan pelancong ke Daerah Kuala Kangsar.																															
2. PEMBANGUNAN EKONOMI BERDAYA SAING BERASASKAN PELANCONGAN DAN PERTANIAN																															
Mempelbagaikan pakej dan promosi pelancongan berdasarkan produk berpotensi dan unik bagi menggalakkan kedatangan pelancong ke Daerah Kuala Kangsar.																															
Mengukuh dan meningkatkan produktiviti sektor pertanian, penternakan dan perikanan ke arah penghasilan out-put bernilai tambah dan berpendapatan tinggi.																															
Meningkatkan skala aktiviti pertanian dan meningkatkan penggunaan teknologi serta amalan pertanian baik di kalangan pekebun kecil, peladang dan petani.																															
Menaiktaraf pembangunan infrastruktur, khidmat sokongan dan rangkaian pemasaran ke tahap maksimum bagi kawasan pertanian.																															
Membangun dan mengukuhkan aktiviti perdagangan dan perkhidmatan dalam had sempadan pusat bandar dan hierarki yang ditetapkan.																															
Meningkatkan aktiviti perdagangan bernilai tambah dan mengukuhkan peranan Sungai siput (U) sebagai pusat perkhidmatan perdagangan bertaraf tinggi.																															
Mengukuhkan aktiviti perindustrian sedia ada melalui pemusatan dan penyerakan kelompok industri yang berpotensi di koridor industri sedia ada.																															
Menggalakkan aktiviti industri hiliran berasaskan sumberjaya tempatan ke arah penghasilan produk bernilai tambah tinggi																															
Menggalakkan aktiviti IKS dan industri berskala besar yang tidak mencemarkan alam sekitar dan bersifat mesra alam serta meningkatkan kualiti alam persekitaran melalui langkah-langkah pencegahan.																															

Strategi Pembangunan	Objektif Kemampanan (OK)																														
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan / JAIP	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1

4.4.6 Cadangan Penyediaan Kemudahan Kesihatan

T3-12 : Cadangan Naiktaraf Hospital Daerah Kuala Kangsar			
Lokasi	Sebahagian Lot 1582, Lot 1581, 4819, 4099, 4098, 4097, 8397, 7225, 8260 (BP1)		
Pernyataan Isu	Keperluan untuk menambah ruang pejabat hospital dan struktur bangunan yang lama serta kelihatan usang menjejaskan kualiti visual Bandar DiRaja		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> ● Hospital perlu dinaiktaraf untuk menambah katil daripada 136 kepada minimum 250 katil serta menyediakan perkhidmatan pakar ● Menyediakan ruang pejabat yang lebih selesa sejajar dengan peningkatan kakitangan ● Meningkatkan semula imej bangunan Hospital Kuala Kangsar selaras dengan identiti Kuala Kangsar sebagai Bandar DiRaja ● Pertambahan aktiviti dan pegawai 		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> ● Bilik rawatan/pemeriksaan/perundingan ● Bilik pembedahan ● Bilik x-ray ● Makmal ● Pusat kecemasan ● Farmasi ● Wad pesakit ● Pusat pemulihan ● Rumah mayat 		
Komponen Pembangunan	 <p style="text-align: center;"><i>Foto tapak cadangan</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bilik penyusuan bayi ● Tempat letak kenderaan ● Asrama pelatih 	
Penyelaras	Kementerian Kesihatan	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	9.448 Hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan	Fasa Pelaksanaan	Fasa 2

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020
Pengurusan dan Pelaksanaan



T3-13 : Cadangan Klinik Kesihatan di BP 1			
Lokasi	PT 3041 (BP1)		
Pernyataan Isu	Penawaran klinik kesihatan adalah tidak mencukupi berbanding jumlah penduduk di BP 1 bagi tahun 2020		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan selesa kepada penduduk • Meningkatkan kemudahan penduduk bagi kawasan-kawasan petempatan yang berada di zon kemudahan kurang efektif kepada zon sederhana atau sangat efektif. 		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Bilik rawatan / pemeriksaan / perundingan • Farmasi • Wad pesakit • Kantin • Surau • Tempat letak kenderaan dan lain-lain <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;">   </div> <p style="text-align: center;"><i>Contoh klinik kesihatan</i></p>		
Penyelaras	Kementerian Kesihatan	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	2.024 Hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1

T3-14 : Cadangan Klinik Kesihatan di BP 2			
Lokasi	Sebahagian Lot 16222 (BP2)		
Pernyataan Isu	Penawaran klinik kesihatan adalah tidak mencukupi berbanding jumlah penduduk di BP 2 bagi tahun 2020		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan selesa kepada penduduk • Meningkatkan kemudahan penduduk bagi kawasan-kawasan petempatan yang berada di zon kemudahan kurang efektif kepada zon sederhana atau sangat efektif. 		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Bilik rawatan/pemeriksaan /perundingan • Farmasi • Wad pesakit • Kantin • Surau • Tempat letak kenderaan dan lain-lain <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;">   </div> <p style="text-align: center;"><i>Contoh klinik kesihatan</i></p>		
Penyelaras	Kementerian Kesihatan	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	4.051 Hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020
Pengurusan dan Pelaksanaan

T3-15 : Cadangan Naiktaraf Klinik Desa di BP 2			
Lokasi	Lot 4260 (BP2)		
Pernyataan Isu	Keperluan untuk menambah ruang pejabat klinik sedia ada		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan ruang pejabat klinik yang lebih selesa sejajar dengan peningkatan kakitangan. • Memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan selesa kepada penduduk • Meningkatkan kemudahan penduduk bagi kawasan-kawasan petempatan yang berada di zon kemudahan kurang efektif kepada zon sederhana atau sangat efektif 		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Bilik rawatan/pemeriksaan • Farmasi • Surau • Tempat letak kenderaan • Asrama pelatih 		
	 <p style="text-align: center;"><i>Foto tapak cadangan</i></p>		
	 <p style="text-align: center;"><i>Contoh klinik desa</i></p>		
Penyelaras	Kementerian Kesihatan	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	2.656 Hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1


Cadangan pembangunan 2 buah klinik desa ditunjukkan seperti berikut:




T3-16 : Cadangan Klinik Desa di BP 2 dan BP 4			
Lokasi	BP 2 - Lot: 14359		BP 4 - Plot :317
			
Pernyataan Isu	Penawaran klinik desa adalah tidak mencukupi berbanding jumlah penduduk bagi tahun 2010 dan unjuran penduduk bagi tahun 2020		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan selesa kepada penduduk • Meningkatkan kemudahan penduduk bagi kawasan-kawasan petempatan yang berada di zon kemudahan kurang efektif kepada zon sederhana atau sangat efektif. 		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Bilik rawatan/pemeriksaan • Farmasi • Surau • Tempat letak kenderaan • Asrama pelatih 		
Penyelaras	Kementerian Kesihatan	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	BP 2 - 0.3 hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		BP 4 - 0.4 hektar
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan	Fasa Pelaksanaan	BP 2 - Fasa 2 BP 4 - Fasa 1

4.4.7 Cadangan Penyediaan Kemudahan Keselamatan

T3-17 : Cadangan Naiktaraf Bangunan IPD Kuala Kangsar			
Lokasi	Tapak IPD sedia ada (BP1)		
Pernyataan Isu	Keperluan untuk menambah ruang pejabat dan struktur bangunan yang lama serta kelihatan usang menjejaskan kualiti visual Bandar DiRaja		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan ruang pejabat yang lebih selesa sejajar dengan peningkatan kakitangan. • Meningkatkan semula imej bangunan IPD Kuala Kangsar selaras dengan identiti Kuala Kangsar sebagai Bandar DiRaja. 		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Ruang pejabat • Bilik taklimat • Cell / lokap • Surau • Tempat letak kenderaan dan lain-lain 		
Komponen Pembangunan		 <p style="text-align: center;"><i>Foto tapak cadangan</i></p>	 <p style="text-align: center;"><i>Perspektif naiktaraf IPD</i></p>
Penyelaras	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	1.822 hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020
Pengurusan dan Pelaksanaan

T3-18 : Cadangan Balai Polis di BP2			
Lokasi	Sebahagian Lot 12077 (BP2)		
Pernyataan Isu	Penawaran balai polis adalah tidak mencukupi berbanding jumlah penduduk bagi tahun 2010 dan unjuran penduduk bagi tahun 2020		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi perkhidmatan keselamatan yang cepat dan berkualiti kepada penduduk • Meningkatkan kemudahan ke kawasan tampungan dan meningkatkan keselamatan penduduk. • Selari dengan Program Transformasi Kerajaan Mengurangkan Jenayah melalui program Bandar Selamat 		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Bangunan balai polis • Tempat letak kenderaan • Stor / bilik simpanan senjata dan lain-lain 	<i>Contoh bangunan balai polis</i>	
Penyelaras	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	3.255 hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan	Fasa Pelaksanaan	Fasa 2

T3-19 : Cadangan Balai Bomba di BP5			
Lokasi	Lot 1294 (BP5)		
Pernyataan Isu	Penawaran balai bomba adalah tidak mencukupi berbanding unjuran penduduk bagi tahun 2020 dan <i>response time</i> semasa yang tinggi untuk sampai ke tempat kemalangan		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi perkhidmatan keselamatan yang cepat dan berkualiti kepada penduduk • Meningkatkan kemudahan ke kawasan tampungan dan meningkatkan keselamatan penduduk. 		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Bangunan balai bomba • Kuarters • Surau • Tempat letak kenderaan dan lain-lain 		
		<i>Contoh bangunan balai polis</i>	
Penyelaras	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	2.4 hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan	Fasa Pelaksanaan	Fasa 2




4.4.8 Cadangan Penyediaan Kemudahan Masyarakat Dan Komuniti



T3-20 : Cadangan Pembinaan Dewan Orang Ramai			
Lokasi	BP1 : Kg. Simpang Tiga Talang BP4 : Kg. Pulai		
Pernyataan Isu	Bilangan penduduk yang mencapai piawai bagi pembangunan dewan orang ramai Kg. Pulai tidak mempunyai kemudahan balai raya dan dewan orang ramai.		
Justifikasi Pembangunan	Untuk menyediakan kemudahan masyarakat		
Komponen Pembangunan	Dewan Orang Ramai (mengikut Garis Panduan Pembangunan Kemudahan Masyarakat)		
Penyelaras	PDTKK / KKLW	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	2 unit
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	KKLW / Kerajaan Negeri	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1

T3-21 : Cadangan Perpustakaan Awam Cawangan Sg. Siput			
Lokasi	Lot 26926 (BP2)		
Pernyataan Isu	Penawaran perpustakaan adalah tidak mencukupi berbanding unjuran penduduk bagi tahun 2020		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi perkhidmatan sosial masyarakat yang berkualiti dan selesa kepada penduduk • Meningkatkan kemudahsampaian penduduk bagi kawasan-kawasan petempatan yang berada di zon kemudahsampaian kurang efektif kepada zon sederhana atau sangat efektif 		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Ruang Pameran • Ruang Pembaca dan Rujukan • Ruang Koleksi • Ruang Pejabat Perpustakaan • Bilik Sumber Media • Bilik Serbaguna • Bilik Sembahyang • Stor • Tandas • Tempat Letak Kereta <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">  <p>Foto tapak cadangan</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Contoh derbustakaan awam</p> </div> <div style="text-align: center;">  </div> </div>		
Penyelaras	Perpustakaan Negeri	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	0.84 hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1


T3-22 : Cadangan Pembinaan Perpustakaan Desa A			
Lokasi	BP1 : Kg. Simpang Tiga Talang		
Pernyataan Isu	Bilangan penduduk yang mencapai piawaian bagi pembangunan perpustakaan desa.		
Justifikasi Pembangunan	Untuk menyediakan kemudahan masyarakat		
Komponen Pembangunan	Perpustakaan Desa A (mengikut Garis Panduan Pembangunan Kemudahan Masyarakat)		
Penyelaras	Perpustakaan Negeri	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	1 unit
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1

4.4.9 Cadangan Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun

T3-23 : Cadangan Rezab Kerajaan Bagi Pembangunan Bangunan Kerajaan Secara Berpusat di Bandar Kuala Kangsar			
Lokasi	PT 8063 (BP1)		
Pernyataan Isu	Peletakan bangunan agensi-agensi kerajaan yang berselerak		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan rizab bagi penyediaan bangunan-bangunan kerajaan secara berpusat pada masa akan datang. Menekankan kepada konsep integrasi di antara agensi-agensi kerajaan. 		
	<div style="display: flex; justify-content: space-around;">    </div> <p style="text-align: center;"><i>Foto tapak cadangan</i> <i>Perspektif bangunan kerajaan</i></p>		
Komponen Pembangunan	Bangunan-bangunan kerajaan persekutuan		
Penyelaras	MPKK / PDTKK	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	3.63 hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan	Fasa Pelaksanaan	Fasa 2

T3-24 : Cadangan Rezab Kerajaan Bagi Pembangunan Bangunan Kerajaan Secara Berpusat di Bandar Sg. Siput (U)			
Lokasi	Bersebelahan dengan Hospital Sungai Siput sedia ada (BP2)		
Pernyataan Isu	Perletakan bangunan agensi-agensi kerajaan yang berselerak		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan rizab bagi penyediaan bangunan-bangunan kerajaan secara berpusat pada masa akan datang. Menekankan kepada konsep integrasi di antara agensi-agensi kerajaan. 	 <p style="text-align: center;"><i>Contoh bangunan kerajaan</i></p>	
Komponen Pembangunan	Bangunan-bangunan kerajaan persekutuan		
Penyelaras	MPKK / PDTKK	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	13.32 hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan	Fasa Pelaksanaan	Fasa 2


4.4.10 Cadangan Penyediaan Kemudahan Tanah Lapang Dan Rekreasi


T3-25 : Cadangan Kompleks Sukan Daerah			
Lokasi	Bandar Baru Kuala Kangsar, di bahagian selatan Kolej Komuniti Chenderoh (BP1 dan BP3)		
Pernyataan Isu	Kekurangan kemudahan sukan dan rekreasi untuk golongan remaja		
Justifikasi Pembangunan	<p>Daerah Kuala Kangsar menghadapi masalah kekurangan kemudahan infrastruktur sukan. Dengan wujudnya Kompleks Sukan Daerah, bukan saja menjadi perangsang kepada belia dan juga atlet sukan peringkat daerah malah akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sesebuah daerah. Perkembangan sukan juga akan mewujudkan banyak peluang kerjaya dalam bidang sukan seperti jurulatih, pegawai fisioterapi dan pegawai perubatan sains sukan.</p> <p>Kompleks ini boleh juga diguna untuk pelbagai acara seperti kejohanan Majlis Sukan Sekolah dan kejohanan sukan di peringkat negeri atau persekutuan.</p>		

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020
Pengurusan dan Pelaksanaan

Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Stadium bola sepak, hoki, badminton, sepak takraw, squash, olahraga • Surau dan tandas awam • Kawasan landskap • Tempat letak kereta 		
Penyelaras	MPKK / Kem. Belia dan Sukan	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	10.23 hektar
Pelaksana	Kem. Belia dan Sukan		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1

T3-26 : Cadangan Taman Bandar Sg. Siput (U)

Lokasi	Bandar Sg. Siput (U) (BP2)		
Pernyataan Isu	Kekurangan kemudahan tanah lapang dan rekreasi untuk Bandar Sg. Siput (U)		
Justifikasi Pembangunan	Bandar Sg. Siput (U) dengan penduduk bandar paling ramai di Daerah Kuala Kangsar menghadapi masalah kekurangan kemudahan tanah lapang dan rekreasi khususnya sebuah Taman Bandar. Pelan Induk Landskap Kuala Kangsar 2007 telah mencadangkan supaya sebuah Taman Bandar dibina di bahagian selatan tasik yang berhadapan dengan taman perumahan Yakin Mesra. Konsep reka bentuknya memerlukan sebahagian tasik besar itu ditambah untuk kegunaan landskap dan rekreasi dan dibina sebagai 'one-stop centre' untuk rekreasi seluruh keluarga termasuk aktiviti sukan, rekreasi air, 'jogging' dan siar kaki, perkemahan, wakaf dan kedai serbaneka.		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Kolam renang, dewan serbaguna, trek jogging, jeti, taman kanak, kawasan berkelah, kafe • Surau dan tandas awam • Kawasan landskap • Tempat letak kereta • Kawasan ini turut berfungsi sebagai kawasan tebatan banjir 'wetland'. 		
Penyelaras	MPKK	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	11.6 hektar
Pelaksana	Swasta		
Sumber Peruntukan	MPKK / Kerajaan Negeri	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1

T3-27 : Cadangan Naiktaraf Kolam Takungan di Waterfront Business Park Kepada Kawasan Rekreasi			
Lokasi	Kawasan Waterfront Business Park di Bandar Sg. Siput (U) (BP2)		
Pernyataan Isu	Kekurangan kemudahan tanah lapang dan rekreasi untuk Bandar Sg. Siput (U)		
Justifikasi Pembangunan	<p>Di kawasan bersebelahan Waterfront Business Park, terdapat sebuah kolam takungan air (<i>detention pond</i>) yang juga merupakan kawasan tanah lapang. Memandangkan Bandar Sg. Siput (U) mengalami kekurangan tanah lapang dan rekreasi tempatan, adalah dicadangkan tanah lapang di sekitar kolam ini dinaikkan taraf kepada kawasan rekreasi yang sempurna di bandar ini.</p> <p>Kawasan ini luas dan berpotensi dinaiktaraf dengan rekabentuk tapak yang baik dan penyediaan kemudahan rekreasi dan landskap yang menarik untuk dinikmati oleh pelanggan dan penduduk tempatan.</p>		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Pagar tebing kolam • Laluan siar kaki • Tempat duduk • Permainan kanak-kanak • Landskap • Lampu dan tandas awam 		
Penyelaras	MPKK	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	4.958 hektar
Pelaksana	Swasta		
Sumber Peruntukan	MPKK / Kerajaan Negeri	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1

T3-28 : Cadangan Naiktaraf Kawasan Rekreasi Kolam Air Panas, Ara Panjang, Manong			
Lokasi	Kg. Ara Panjang, Manong, Mukim Senggang (BP4)		
Pernyataan Isu	Membangunkan aset semula jadi untuk tujuan rekreasi secara mampan		
Justifikasi Pembangunan	<p>Kolam air panas ini merupakan tasik yang cantik dan unik. Ia dikelilingi oleh hutan yang besar dan tinggi yang mana pokok-pokoknya mempunyai struktur yang sangat menakjubkan. Di samping itu, kolam air panas juga merupakan aset besar yang dapat menarik pengunjung atas kepercayaan bahawa air panas mempunyai manfaat rawatan.</p> <p>Air panas boleh disalurkan ke kolam binaan dan dinikmati dalam keadaan yang lebih terancang dengan landskap menarik dan kemudahan yang lebih selesa dan eksklusif. Nilai kawasan boleh dipertingkatkan dengan kemudahan seperti spa, tempat penginapan, kafe dan kedai serbaneka.</p>		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Kolam bina untuk takungan air panas • Tempat penginapan • Spa, kafe, kedai • Kawasan landskap • Tempat letak kereta 		
Penyelaras	PDTKK	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	1.685 hektar
Pelaksana	Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Swasta	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1



T3-29 : Cadangan Kawasan Riadah di Kawasan Perkampungan			
Lokasi	BP1 : Kg. Kandang Hulu, Kg. Batang Kulim, Kg. Sayong Hulu, Kg. Sayong Masjid BP3 : Kg. Gapis BP4 : Kg. Sementa BP5 : Kg. Cheh Hulu, Kg. Suak Piang, Kg. Pulau Kamiri, Kg. Perlop 3, Kg. Batu Tiga		
Pernyataan Isu	Tidak mempunyai sebarang kawasan riadah.		
Justifikasi Pembangunan	Untuk menyediakan kawasan riadah bagi golongan kanak-kanak, remaja dan penduduk kampung		
Komponen Pembangunan	Mengikut garis panduan yang dikemukakan dalam garis panduan pembangunan sedia ada		
Penyelaras	PDTKK / KKLW	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	11 unit
Pelaksana	Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / KKLW	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1 dan Fasa 2

4.5 Cadangan Pembangunan Teras 4

4.5.1 Cadangan Peningkatan Imej Bandar Sg. Siput (U)

Bandar Sg. Siput (U) merupakan Pusat Petempatan Utama bagi Daerah Kuala Kangsar. Berdasarkan perancangan, terdapat 6 fungsi utama Bandar Sg. Siput (U) iaitu:

- Pusat pentadbiran
- Pusat tumpuan kawasan kediaman
- Pembangunan kemudahan masyarakat
- Pusat komersil dan perkhidmatan bertaraf sederhana dan tinggi
- Pusat perindustrian utama daerah (zon sederhana – produk perkayuan, logam asas, getah dan plastik)
- Pintu masuk utama melalui pengangkutan darat dari Ipoh (Jalan Persekutuan 1)

T4-1 : Cadangan Peningkatan Imej Bandar Sg. Siput (U)

T4-1 : Cadangan Peningkatan Imej Bandar Sg. Siput (U)			
Lokasi	Bandar Sg. Siput (U)		
Pernyataan Isu	<ul style="list-style-type: none"> • Imej Bandar DiRaja tidak dapat dilihat pada keseluruhan bandar walaupun terdapat perabot jalan yang mempunyai ciri-ciri tersebut tetapi tidak menyeluruh. • Pengindahan landskap yang begitu lemah di sepanjang laluan utama di pusat bandar. • Penyediaan laluan pejalan kaki yang tidak efisien dan tidak menyeluruh. • Terdapat beberapa deretan rumah kedai lama yang mempunyai nilai seni reka bentuk lama yang berpotensi untuk dipelihara bagi tujuan pengekalan. 		
Justifikasi Pembangunan	Bandar Sg. Siput (U) yang terletak berhampiran dengan Bandaraya Ipoh kini menghadapi tekanan pembangunan dan mempunyai potensi penyerakan bandar di masa hadapan. Perancangan yang dilaksanakan perlu merangkumi kesemua aspek termasuklah pengukuhan pembangunan yang menonjolkan karektor Bandar DiRaja.		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan semula rumah kedai usang • Kawasan rekreasi • Fasad rumah kedai lama • Stesen bas dan teksi 	<ul style="list-style-type: none"> • Landskap dan laluan pejalan kaki • Pintu gerbang • Pengindahan jalan utama 	
Penyelaras	MPKK / PKNPK / JKR	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	127.31 hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Swasta	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1 dan 2

4.5.2 Cadangan Peningkatan Imej Pekan Manong

Pekan Manong merupakan Pusat Petempatan Kecil bagi Daerah Kuala Kangsar. Berdasarkan perancangan, terdapat 3 fungsi utama Pekan Manong iaitu:

- Pembangunan kemudahan masyarakat bagi unit kejrangan
- Pusat komersil dengan fungsi perkhidmatan terhad
- Penawaran barangan tahap rendah dan sederhana

T4-2 : Cadangan Peningkatan Imej Pekan Manong			
Lokasi	Pekan Manong		
Pernyataan Isu	<ul style="list-style-type: none"> • Imej visual pekan yang kurang memuaskan seperti rumah kedai lama dan baru yang tiada kesinambungan yang baik. • Penyediaan laluan pejalan kaki yang lemah di seluruh pekan. • Elemen perabot jalan yang tidak menarik dan tidak menonjolkan karektor imej DiRaja. • Kawasan terbiar di pinggir Sg. Perak • Tiada penyerapan elemen landskap yang teratur dan menarik 		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Elemen Sg. Perak dan lokasi Pekan Manong yang berada di selatan Daerah Kuala Kangsar serta bersempadan dengan daerah lain menjadikan ianya mudah dikenali. • Manong mempunyai sejarah yang tersendiri di mana bersemayamnya Sultan Perak ke 4 iaitu Sultan Tajul Ariffin di Pulau Semat. • Ternakan ikan hiasan arowana di Kg. Ketior. • Tempat pendaratan ikan sungai oleh nelayan-nelayan tempatan. 		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Jeti bot penumpang • Elemen perabot jalan • Kawasan rekreasi / hijau • Pembangunan semula dan pemuliharaan • Manong 'boardwalk' • Restoran / pusat kraftangan 		
Penyelaras	MPKK / PKNPK / JKR / JPS / LPPNP	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	13.11 hektar
Pelaksana	JKR / Perbadanan Pelancongan KK / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / PKNPK / Swasta	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1 dan 2

4.5.3 Cadangan Peningkatan Imej Pekan Karai

Pekan Karai merupakan Pusat Petempatan Kecil (bersama Pekan Salak) bagi Daerah Kuala Kangsar. Berdasarkan perancangan, terdapat 4 fungsi utama Pekan Karai iaitu:

- Pembangunan kawasan kediaman dan kemudahan masyarakat bagi unit kejrangan
- Pusat komersil dengan fungsi perkhidmatan terhad
- Penawaran barangan tahap rendah dan sederhana
- Pusat industri ringan (produk perkayuan, getah dan plastik)

T4-3 : Cadangan Peningkatan Imej Pekan Karai

Lokasi	Pekan Karai		
Pernyataan Isu	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada rangkaian pejalan kaki yang menyeluruh. • Sebilangan struktur dan bangunan lama yang mempunyai reka bentuk yang menarik tidak diselenggara dengan baik. • Kawasan pinggir sungai yang terbiar tanpa aktiviti • Imej dan karektor Bandar DiRaja tidak kelihatan pada keseluruhan kawasan seperti perabot jalan, landskap dan sebagainya. 		
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Pekan Karai mempunyai mercu tanda bersejarah iaitu Jambatan Victoria dan Kubu Pertahanan. • Elemen sungai bersama struktur jambatan Victoria memberi impak besar terhadap imej Pekan Karai sendiri dan ianya perlu diterapkan bersama di dalam pembangunan keseluruhan. • Mempunyai elemen reka bentuk serta suasana yang unik dan perlu diperindahkan bagi menyerlahkan lagi fungsi Pekan Karai di samping penerapan reka bentuk bandar yang sesuai. • Sebagai salah satu komponen Pakej Pelancongan yang akan menjadi tarikan pelancong. 		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Karai Boardwalk • Pengekalan dan Pemuliharaan • Elemen Perabot Jalan 	<ul style="list-style-type: none"> • Jeti Bot Penumpang • Restoran Terapung / Pusat Kraftangan • Kawasan Rekreasi / Hijau 	
Penyelaras	MPKK / PKNPK / JKR / JPS / LPPNP	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	3.79 hektar
Pelaksana	JKR / Perbadanan Pelancongan KK / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / PKNPK / Swasta	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1 dan 2

4.5.4 Cadangan Peningkatan Imej Pekan Salak

Pekan Salak merupakan Pusat Petempatan Kecil (bersama Pekan Karai) bagi Daerah Kuala Kangsar. Berdasarkan perancangan, terdapat 4 fungsi utama Pekan Salak iaitu:

- Pembangunan kawasan kediaman dan kemudahan masyarakat bagi unit kejrangan
- Pusat komersil dengan fungsi perkhidmatan terhad
- Penawaran barangan tahap rendah dan sederhana
- Pusat industri ringan (produk perkayuan, getah dan plastik)

T4-4 : Cadangan Peningkatan Imej Pekan Salak

T4-4 : Cadangan Peningkatan Imej Pekan Salak			
Lokasi	Pekan Salak		
Pernyataan Isu	<ul style="list-style-type: none"> • Struktur rumah kedai lama yang usang • Kesan visual yang kurang memuaskan • Tiada pengkhususan landskap yang beridentiti di keseluruhan pekan. • Aspek keselamatan yang lemah • Tiada rangkaian laluan pejalan kaki yang menyeluruh • Elemen perabot jalan yang kurang memuaskan dan tidak menonjolkan karektor imej Bandar DiRaja. 		
Justifikasi Pembangunan	Kedudukan Pekan Salak yang berada di antara Bandar Sg. Siput (U) dan Bandar Kuala Kangsar dan terletak di laluan utama menyebabkan ianya menjadi perhatian pengunjung yang melaluinya. Keadaan ini perlu diambilkira bagi memastikan Pekan Salak mempunyai impak visual dan elemen reka bentuk bandar dapat ditonjolkan dengan baik bagi mengukuhkan peranannya sebagai pusat petempatan kecil yang terancang.		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> <li style="width: 50%;">• Penstrukturan semula bangunan rumah kedai lama <li style="width: 50%;">• Laluan pejalan kaki <li style="width: 50%;">• Penyediaan perabot jalan <li style="width: 50%;">• Pengindahan landskap 		
Penyelaras	MPKK / JKR	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	22 hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Swasta	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1 dan 2

4.5.5 Cadangan Peningkatan Imej Pekan Sauk

Pekan Sauk merupakan Pusat Petempatan Kecil bagi Daerah Kuala Kangsar. Berdasarkan perancangan, terdapat 2 fungsi utama Pekan Sauk iaitu:

- Pusat komersil dengan fungsi perkhidmatan terhadap
- Penawaran barangan tahap rendah dan sederhana

T4-5 : Cadangan Peningkatan Imej Pekan Sauk

Lokasi	Pekan Sauk		
Pernyataan Isu	<ul style="list-style-type: none"> • 50 unit rumah kedai lama yang usang • Kesan visual yang kurang memuaskan • Tiada pengkhususan landskap yang beridentiti di keseluruhan pekan. • Aspek keselamatan yang lemah • Tiada rangkaian laluan pejalan kaki yang menyeluruh • Elemen perabot jalan yang kurang memuaskan dan tidak menonjolkan karektor imej Bandar DiRaja. 		
Justifikasi Pembangunan	<p>Kedudukan Pekan Sauk terletak di laluan utama Kuala Kangsar dan Gerik memberi impak kepada pembangunan sekitar.</p> <p>Visual semasa pekan ini tidak memuaskan daripada keseluruhan aspek dan masih perlu dipertingkatkan supaya ianya dapat mempertingkatkan keselesaan penduduk dan pengunjung.</p>		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Penstrukturan semula bangunan rumah kedai usang • Penyediaan perabot jalan 		<ul style="list-style-type: none"> • Laluan pejalan kaki • Pengindahan landskap
Penyelaras	MPKK / PKNPK / JKR	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	15.26 hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / PKNPK / Swasta	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1 dan 2

4.5.6 Cadangan Peningkatan Imej Pekan Padang Rengas

Pekan Padang Rengas merupakan Pusat Petempatan Kecil bagi Daerah Kuala Kangsar. Berdasarkan perancangan, terdapat 3 fungsi utama Pekan Padang Rengas iaitu:

- Pusat komersil dengan fungsi perkhidmatan terhad
- Penawaran barangan tahap rendah dan sederhana
- Pusat industri zon berat (produk galian bukan logam)

T4-6 : Cadangan Peningkatan Imej Pekan Padang Rengas

Lokasi	Pekan Padang Rengas		
Pernyataan Isu	<ul style="list-style-type: none"> • 48 unit bangunan kedai lama di pusat tumpuan menampakkan kesan visual yang kurang memuaskan • Elemen lanskap dan laluan pejalan kaki tidak menyeluruh di kawasan pekan. • Karektor imej Bandar DiRaja tidak kelihatan pada perabot jalan. • Aspek keselamatan pengguna terutama pejalan kaki 		
Justifikasi Pembangunan	<p>Majoriti institusi pendidikan berada di kawasan Pekan Padang Rengas dan ini menunjukkan kepentingan kawasan ini. Penerapan elemen reka bentuk bandar tidak dapat dilihat sepenuhnya dan ianya perlu dipertingkatkan sebaik mungkin selaras dengan konsep karektor Bandar DiRaja supaya ianya dapat memberi impak visual yang baik kepada keseluruhan pembangunan.</p>		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Penstrukturan semula bangunan rumah kedai usang • Penyediaan perabot jalan 	<ul style="list-style-type: none"> • Laluan pejalan kaki • Pengindahan landskap 	
Penyelaras	MPKK / PKNPK / JKR	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	15.39 hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / PKNPK / Swasta	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1 dan 2

4.5.7 Cadangan Peningkatan Imej Pekan Kati

Pekan Kati merupakan Pusat Petempatan Kecil bagi Daerah Kuala Kangsar. Berdasarkan perancangan, terdapat 3 fungsi utama Pekan Kati iaitu:

- Pembangunan kawasan kediaman dan kemudahan masyarakat bagi unit kejiranan (impak dari komited Lebuhraya JELAS)
- Pusat komersil dengan fungsi perkhidmatan terhad
- Penawaran barangan tahap rendah dan sederhana




T4-7 : Cadangan Peningkatan Imej Pekan Kati

Lokasi	Pekan Kati		
Pernyataan Isu	<ul style="list-style-type: none"> • Struktur rumah kedai lama yang usang • Kesan visual yang kurang memuaskan • Tiada pengkhususan lanskap yang beridentiti di keseluruhan pekan. • Aspek keselamatan yang lemah • Tiada rangkaian laluan pejalan kaki yang menyeluruh • Elemen perabot jalan yang kurang memuaskan dan tidak menonjolkan karektor imej Bandar DiRaja. 		
Justifikasi Pembangunan	Keseluruhan Pekan Kati dilihat sebagai kawasan kejiranan setempat yang begitu lama dan usang. Cadangan-cadangan yang relevan perlu diberi selari dengan perubahan perancangan yang selesa dan menarik bagi menonjolkan kembali identiti yang lebih jelas.		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Penstrukturan semula bangunan rumah kedai usang • Penyediaan perabot jalan 	<ul style="list-style-type: none"> • Laluan pejalan kaki • Pengindahan landskap 	
Penyelaras	MPKK / PKNPK / JKR	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	4.58 hektar
Pelaksana	JKR / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / PKNPK / Swasta	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1 dan 2

4.6 Cadangan Pembangunan Teras 5


4.6.1 Cadangan Pencegahan Pencemaran Air Sungai

Kualiti air sungai perlu dipelihara dan dikekalkan bersih dari pencemar dengan pematuhan sekurang-kurangnya berada pada Kelas II, INWQS.

T5-2 : Cadangan Pencegahan Pencemaran Air Sungai	
Lokasi	Sg. Kangsar, Sg. Pelus, Sg. Cuar dan Sg. Perak
Pernyataan Isu	<ul style="list-style-type: none"> ● Sg. Pelus di Pekan Lintang dan Sg. Kangsar di Jambatan Kg. Talang Hilir mencatatkan kandungan TSS yang tinggi melebihi piawaian INWQS. ● Sg. Kangsar di Pekan Kuala Kangsar dan di jambatan Kg. Talang Hilir, Sg. Cuar di Pekan Kati mencatatkan bacaan E-Coli melebihi piawaian INWQS. <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: flex-end; margin-top: 10px;"> <div style="text-align: center;">  <p><i>Sg. Pelus di Pekan Lintang</i></p> </div> <div style="text-align: center;">  <p><i>Sg. Kangsar di Bandar Kuala Kangsar</i></p> </div> <div style="text-align: center;">  <p><i>Sg. Cuar di Pekan Kati</i></p> </div> </div>
Justifikasi Pembangunan	Memastikan kelas penggunaan air berada di kelas II di mana hanya memerlukan sedikit rawatan sebelum digunakan bagi tujuan organisma perairan pemuliharaan, perikanan dan rekreasi.
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengawal pencemaran air dari punca (<i>at source</i>) dan bukan di seluruh kawasan tadahan air di Sg. Kangsar, Sg. Pelus, Sg. Cuar dan Sg. Perak. ● Mengenalpasti punca dan jumlah bebanan pencemaran. ● Program kawalan pencemaran air 'at source'. ● Program pemantauan pelepasan efluen perindustrian secara berkala dan berterusan bagi memastikan semua kilang merawat efluen perindustrian dengan sempurna dan sekurang-kurangnya mematuhi piawaian B, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan-Peraturan Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 yang ditetapkan oleh JAS sebelum dilepaskan ke alur air. ● Program Pemantauan Kawasan Perindustrian untuk memantau tahap pencemaran yang dihasilkan oleh kawasan perindustrian berikut : <ul style="list-style-type: none"> - Taman Perindustrian Seri Maju di Bandar Kuala Kangsar - Kawasan Industri Sg. Siput di Bandar Sg. Siput (U) - Kawasan perindustrian di Salak - Kawasan Perindustrian MIEL di Lubok Merbau. ● Pemasangan perangkap sampah di parit utama yang menyalurkan air masuk ke Sg. Kangsar, Sg. Pelus, Sg. Cuar dan Sg. Perak.

	<ul style="list-style-type: none"> Melindungi persekitaran semulajadi di sepanjang sungai-sungai utama bagi tujuan mempertingkatkan kualiti air sungai. Memastikan sistem pengairan yang digunakan oleh pembangunan mengikut Manual Saliran Mesra Alam (MASMA). Penyelenggaraan dan pemantauan sistem perparitan dan sungai berkala iaitu 1 atau 2 kali sebulan. Sisa buangan berjadual contohnya minyak terpakai perlu disimpan, diangkut dan dilupuskan mengikut PKAS (bahan buangan berjadual). 		
Penyelaras	JAS / JPS / MPKK / PTDDK	Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri
Pelaksana	JAS / MPKK / Swasta	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1 dan 2


4.6.2 Cadangan Kawalan Pencemaran Ternakan Ayam Serta Penutupan Dan Pemulihan Kawasan Bekas Ternakan Khinzir

T5-3 : Cadangan Kawalan Pencemaran Ternakan Ayam serta Penutupan dan Pemulihan Kawasan Bekas Ternakan Khinzir	
Lokasi	<ul style="list-style-type: none"> Kati Padang Rengas Sauk Sg. Siput (U) Lubuk Merbau 
Pernyataan Isu	<ul style="list-style-type: none"> Penternakan ayam secara komersial akan menimbulkan pencemaran bau. Pelepasan sisa buangan ternakan dari najis ayam yang tidak mempunyai saluran yang betul akan tersekat di sungai dan menjadi pusat persinggahan lalat. Ladang ternakan khinzir potensinya yang tinggi untuk mencemarkan alam sekitar sama ada dari segi bau, pencemaran air sungai.
Justifikasi Pembangunan	Perladangan yang mesra sosio-persekitaran, menjamin kesihatan pengguna dan menjaga kebajikan ternakan dan pekerja
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Penutupan sistem reban terbuka dan penukaran kepada sistem reban tertutup (<i>close system</i>) <ul style="list-style-type: none"> Mengawal kehadiran lalat di bawah paras indeks 10 (menggunakan <i>scudder fly grill</i>). Memastikan ladang sentiasa dalam keadaan kering bagi mengelakkan bau busuk yang mengganggu kesejahteraan awam di kawasan sekitar. Memastikan udara dari reban tidak memberi kesan dan tidak mencemarkan udara, bangunan dan tumbuhan di kawasan berhampiran. Memastikan penggunaan racun, hormon dan ubat-ubatan termasuk antibiotik hendaklah mengikut peraturan sedia ada yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Memastikan ayam yang mati akibat penyakit ditanam, dibakar atau dilupuskan dengan kaedah perlupusan yang sempurna. Memastikan ayam yang dijangkiti penyakit diasingkan dan dirawat supaya tidak merebak dan mengambil tindakan kawalan segera. Memastikan ladang bebas dari penyakit <i>Newcastle</i>, <i>Vancomycin Resistant Enterococci</i>, <i>Salmonellosis</i>, <i>Campylobacter</i>, <i>Lysteria</i>.

	<ul style="list-style-type: none"> - Mengadakan kursus amalan baik penternakan (GAHP) dan program pengembangan kursus in-situ / ceramah / majlis dialog-dialog dan sebagainya. • Penutupan, pemindahan dan pemulihan kawasan ladang ternakan khinzir - Penutupan dan pemindahan aktiviti penternakan khinzir di kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan 'Pig Farm Area' (PFA) yang telah diwartakan dan mendapat kelulusan Majlis untuk pengawalan penyakit serta pencemaran alam sekitar: <ul style="list-style-type: none"> ○ Mengenakan tindakan penalti ke atas pihak yang mencemarkan alam sekitar dan tidak mematuhi syarat-syarat yang ditentukan ○ Memastikan tiada tanaman buah-buahan dibenarkan di dalam kawasan PFA; ○ Memastikan rumah kediaman pekerja tidak berada di dalam kawasan PFA kecuali rumah stor dan stesen pekerja sahaja. ○ Memastikan sistem kawalan pencemaran yang komprehensif dengan ciri-ciri:- <ul style="list-style-type: none"> ➢ Sistem pengolahan sisa berpusat dengan pelepasan efluen terakhir mencapai tahap BOD kurang daripada 50 ppm; ➢ Saluran yang berasingan untuk air hujan dan sisa buangan khinzir bagi setiap kandang; ➢ Sisa khinzir disalurkan melalui parit konkrit; dan ➢ Buangan pepejal dijadikan sebagai kompos. ○ Mengadakan sistem kawalan penyakit dan kesihatan awam melalui amalan penternakan yang baik: <ul style="list-style-type: none"> ➢ Langkah biosekuriti serta sistem disinfeksi yang sempurna; ➢ Kaedah pengurangan sumber untuk menghapuskan populasi nyamuk, lalat dan serangga lain; dan ➢ Langkah keselamatan dan kesihatan pekerja perlu mengikut peraturan yang ditetapkan. ○ Kawasan PFA dikehendaki dipagar untuk menghalang pergerakan manusia, kenderaan dan haiwan secara bebas. - Bagi ladang khinzir sedia ada perlu menjalankan Langkah-Langkah Pengurusan Ladang Khinzir Jangka Pendek (1-5 tahun) sebelum dipindahkan: <ul style="list-style-type: none"> ○ Mematuhi kriteria 'good management practice' yang disarankan. ○ Memastikan pelepasan efluen terakhir mencapai tahap BOD tidak melebihi 50 mg/l. ○ Memastikan kawasan ladang berpagar. ○ Memastikan jarak minimum kandang dari pagar sekurang-kurangnya 10m. ○ Memastikan jarak minimum kolam pengolahan dari pagar sekurang-kurangnya 10m. ○ Memastikan jarak minimum dari kawasan kediaman berhampiran sekurang-kurangnya 500m. ○ Memastikan terdapat zon penampungan di sekeliling kawasan ternakan khinzir. - Pemulihan Bekas Kawasan Ladang Ternakan Khinzir dengan beberapa teknik seperti rawatan fizikal, biologi, terma dan kestabilan.
Penyelaras	Jabatan Perkhidmatan Veterinar / JAS / MPKK / PTDDK
Pelaksana	Jabatan Perkhidmatan Veterinar / JAS / Swasta
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Swasta
Fasa Pelaksanaan	Fasa 1

4.6.3 Cadangan Kawalan Zon Lingkaran Tengah (Central Forest Spine)

T5-4 : Cadangan Kawalan Zon Lingkaran Tengah	
Lokasi	Sebahagian HS Korbu, HS Piah, HS Bintang Hijau dan HS Bukit Larut
Pernyataan Isu	CFS merupakan sebahagian daripada kawasan KSAS iaitu kawasan Hutan Simpan yang perlu dipelihara supaya tidak berlaku konflik dengan pembangunan pada masa depan.
Justifikasi Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi mengelakkan ketidaksambungan antara kawasan hutan signifikan yang ada di Semenanjung Malaysia. • Termasuk di dalam koridor ekologi 'primary linkages' 9 (PL 9) di dalam aspek pembangunan CFS iaitu Bintang Hijau dan <i>Main Range Forest Complex</i> yang secara langsung menghubungkan kedua-dua kompleks hutan tersebut.
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak membenarkan penyahwartaan hutan koridor yang dikenalpasti sebagai hutan simpan iaitu HS Korbu, HS Piah, HS Bintang Hijau dan HS Bukit Larut. • Hutan tanah negeri yang tidak dilindungi harus digabungkan dengan rangkaian hutan simpan. Pembalakan berimpak rendah dan terpilih boleh dijalankan selagi kesan terhadap penghubungan dikawal seperti: <ul style="list-style-type: none"> - Memenuhi kehendak Garis Panduan Pembalakan Berimpak Rendah (RIL), 2003. - Melaksanakan tebangkan mengikut Had Batas Tebangkan. - Melindungi pokok-pokok yang mempunyai kepentingan kepada hidupan liar. - Tidak beroperasi semasa musim hujan. - Memenuhi kehendak jabatan dalam operasi di kawasan tanah tinggi dan sungai. - Membuat sempadan yang jelas bagi kawasan-kawasan yang tidak boleh dibalak. • Pembalakan berimpak rendah dan terpilih boleh dijalankan selagi kesan terhadap penghubungan dikawal.
Penyelaras	Jabatan Perhutanan
Pelaksana	Jabatan Perhutanan
Fasa Pelaksanaan	Fasa 1



4.6.4 Cadangan Penutupan Selamat Tapak Pelupusan Sisa Pepejal

T5-5 : Cadangan Penutupan Selamat Tapak Pelupusan Sisa Pepejal			
Lokasi	Mukim Kota Lama Kanan Mukim Sg. Siput.		
Pernyataan Isu	Kaedah pelupusan terbuka sedia ada berpotensi menghasilkan pelbagai implikasi negatif terhadap alam sekitar seperti pencemaran bau, pencemaran air sungai dan air bawah tanah yang disebabkan oleh <i>leachate</i> serta gangguan serangga perosak dan pembawa penyakit, selain daripada risiko letupan dari gas metana.		
Justifikasi Pembangunan	Penutupan selamat ini dilaksanakan bagi mengelakkan berlakunya pencemaran terhadap persekitaran, menjejaskan kesihatan dan mengelakkan berlakunya risiko letupan.		
Komponen Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan penutupan yang efisien dan penyelenggaraan menyeluruh <ul style="list-style-type: none"> - Pengawasan untuk <i>leachate</i> dan gas metana. - Pengawasan air bawah tanah. - Pengawasan kualiti air sungai. - Penjagaan selepas penutupan tapak pelupusan • Program pemantauan bagi mengawasi secara berterusan keadaan tapak pelupusan • Mengenalpasti lokasi baru bagi tapak pelupusan dan pengasingan sisa pepejal sanitari bagi kemudahan penduduk Daerah Kuala Kangsar berdasarkan kriteria yang ditetapkan. 		
Penyelaras	MPKK / JPSPN / JAS / PDTKK	Jumlah (Unit / Hektar / KM / Kawasan)	46.08 hektar
Pelaksana	JPSPN / Swasta		
Sumber Peruntukan	Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan	Fasa Pelaksanaan	Fasa 1



